

**PELAKSANAAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA TAMIL DI
SEKOLAH KEBANGSAAN NEGERI SELANGOR**

SARASWATHI SUBRMANIAM

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

PELAKSANAAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BAHASA TAMIL DI SEKOLAH KEBANGSAAN NEGERI SELANGOR

SARASWATHI SUBRMANIAM

DISERTASI DI SERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BAHASA)

FAKULTI PENDIDIKAN (BAHASA DAN LITERASI)

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2019

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **SARASWATHI A/P SUBRMANIAM**

No. Matrik: **PGR 130005**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BAHASA)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**PELAKSANAAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BAHASA TAMIL DI SEKOLAH KEBANGSAAN NEGERI
SELANGOR**

Bidang Penyelidikan: **PENDIDIKAN BAHASA**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan pendekatan komunikatif yang digunakan oleh guru-guru Sekolah Kebangsaan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Negeri Selangor. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi, strategi dan pemerolehan sumber pendekatan komunikatif yang digunakan oleh guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Sampel kajian adalah seramai 65 orang guru Bahasa Tamil yang dipilih secara persampelan rawak dari sepuluh buah daerah iaitu daerah Petaling Perdana, daerah Petaling Utama, daerah Klang, daerah Sepang, daerah Gombak, daerah Kuala Langat, daerah Kuala Selangor, daerah Sabak Bernam, daerah Hulu Langat dan daerah Hulu Selangor. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi dan pemahaman guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan terhadap pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan mengikut jantina dan menganalisis kepelbagaian strategi pedagogi mengikut pengalaman, pengkhususan dan lokasi. Teori kajian ini ialah teori komunikatif fungsian menggunakan Model Harmer (1983) dan Model Johnsan (1982). Kaedah Kuantitatif telah digunakan oleh pengkaji untuk membuat penganalisan data. Bagi pengumpulan data instrumen seperti borang soal selidik telah digunakan. Kesahan soal selidik adalah berdasarkan kepada penilaian beberapa orang pakar kajian lepas manakala kebolehpercayaannya pula diperoleh melalui kajian rintis yang dijalankan apabila nilai Cronbach Alpha adalah 0.899. Secara umumnya purata bagi tahap pemahaman guru terhadap pendekatan komunikatif ialah tinggi ($M = 4.02$, $SP = .72$), diikuti persepsi guru terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil ($M = 4.02$, $SP = .62$), seterusnya pemerolehan

sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil ($M = 3.57$, $SP = .69$), seterusnya masalah dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil ($M = 3.61$, $SP = 1.03$). Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru mengikut gender, lokasi dan bidang pengkhususan.

Universiti Malaysia

IMPLEMENTATION OF COMMUNICATIVE APPROACH FOR TEACHING AND LEARNING OF TAMIL LANGUAGE IN SELANGOR NATIONAL SCHOOLS

ABSTRACT

This study focuses on the Implementation of communicative approach used by the Selangor National School teachers for teaching and learning of Tamil Language. The purpose of this study was to identify the perceptions, strategies and the acquisition of the sources of communicative approach used by Tamil National Language Teachers in teaching and learning practices in the classroom. The sample of the study was 65 Tamil language teachers who were randomly selected from ten district like district Petaling Perdana, district Petaling Utama, district Sepang, district Gombak, district Kuala Langat, district Kuala Selangor, district Sabak Bernam, district Hulu Langat and district Hulu Selangor. The main objective of this study is to identify the perception and understanding of the National School Tamil teachers on the communicative approach in teaching and learning in national schools by gender and analyzing the diversity of pedagogical strategies according to experience, specialization and location. Quantitative methods have been used by researcher to make data analysis. For the collection of instrument data such as questionnaire has been used. The validity of the questionnaire was based on the assessment of some experts in the last survey while the reliability was obtained through pilot studies conducted when the value of Cronbach Alpha was 0.899. In general, the mean of teachers' understanding of communicative approach is high ($M = 4.02$, $SP = .72$), followed by teacher perception towards the implementation of communicative approach in Tamil language ($M = 4.02$, $SP = .62$), so the acquisition of knowledge sources of communicative approach in Tamil language ($M = 3.5$, $SP = .69$).

However, there is no significant difference in the use of pedagogical strategies used by teachers by gender, location and areas of specialization.

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terima kasih dan syukur kepada yang Maha Berkuasa kerana kekuatan yang diberikan untuk menyiapkan menyiapkan kajian disertasi yang bertajuk “Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Tamil Di Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor” sebagai melengkapkan keperluan kursus Ijazah Sarjana Pendidikan pengkhususan dalam bidang pendidikan bahasa dan literasi di Fakulti Pendidikan, Univesiti Malaya, Kuala Lumpur.

Terlebih dahulu, penulis melahirkan rasa suka cita atas kejayaan menyiapkan disertasi ini. Mungkin terdapat kekurangan dan kelemahan tertentu yang tidak dapat dikesan oleh pengkaji. Namun begitu, pengkaji telah berusaha sedaya upaya menyiapkan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Fakulti Pendidikan, Ketua Bahasa dan Literasi, Universiti Malaya, yang telah memberi peluang kepada penulis untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Bahasa dan Literasi dan penghargaan yang tinggi kepada Dr. Chew Fong Peng selaku penyelia yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam penyelidikan dan penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada panel-panel penilai dalaman dan luaran, pihak perpustakaan Universiti Malaya, guru-guru yang memberikan sokongan dalam menyiapkan soal-selidik dan pendapat serta sokongan moral atas segala bantuan, kerja sama dan kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan ini.

Lebih daripada itu, penulis turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada tenaga pengajar dan kaki tangan Fakulti Pendidikan yang memberikan tunjuk ajar dan kerja sama sepanjang pengajian penulis di Universiti ini, secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kawan-kawan di Fakulti Pendidikan, Sekolah Kebangsaan Puchong Perdana yang telah membantu penulis dalam menyelesaikan penulisan kajian ini, baik secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, penulis mengucapkan jutaan terima kasih buat ibu tersayang Malayammah, suami Peter Rayan, dan anak-anak yang tersayang Leonal Neevedthan, Vejayapragas, Ayinkaren dan Arpanaa yang banyak memberikan sokongan dan inspirasi ketika menjalani pengajian dan penyiapan kajian ini.

Kepada semuanya, pengkaji mendoakan semoga tuhan memberi ganjaran yang setimpal atas perkhidmatan yang diberikan. Dialah sahaja yang Maha Pemurah dan Maha Esa.

Sekian, terima kasih.

Saraswathi Subramaniam
Sarjana Pendidikan Bahasa dan Literasi
Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
Kuala Lumpur
2019

SENARAI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	i
Abstrak	ii
Abstract	iv
Penghargaan	vi
Senarai Kandungan	viii
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xi
Senarai Singkatan.....	xii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1.	Pendahuluan	1
1.2.	Latar Belakang Kajian	2
1.1.1.	Perlembagaan Pendidikan Tamil Sebelum dan Selepas Merdeka di Malaysia	2
1.1.2.	Perkembangan Pendidikan Tamil di Sekolah Kebangsaan.....	5
1.3.	Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan	11
1.4.	Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan.....	13
1.5.	Matlamat dan Objektif Pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan	13
1.6.	Pernyataan Masalah	15
1.7.	Objektif Kajian.....	21
1.8.	Soalan Kajian	22
1.9.	Kepentingan Kajian	23
1.10.	Limitasi Kajian.....	25
1.11.	Definisi Operasional	27
1.11.1.	Pelaksanaan.....	27
1.11.2.	Pendekatan	28
1.11.3.	Pengajaran.....	29
1.11.4.	Pembelajaran.....	31
1.11.5.	Pembelajaran Abad ke-21	33
1.11.6.	Bahasa Tamil	33
1.11.7.	Bahasa Tambahan	34

1.11.8.	Guru Bahasa Tamil	35
1.11.9.	Sekolah Kebangsaan (SK)	36
1.12.	Kesimpulan	37

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1.	Pengenalan	39
2.2.	Prinsip dan Amalan Pengajaran Melalui Pendekatan Komunikatif.....	39
2.2.1.	Latarbelakang Pendekatan Komunikatif.....	40
2.2.2.	Konsep Pendekatan Komunikatif	42
2.3.	Konsep Kecekapan Komunikatif	44
2.4.	Matlamat Pendekatan Komunikatif	46
2.5.	Prinsip-prinsip Pendekatan Komunikatif.....	47
2.6.	Amalan Teknik Pengajaran Bahasa Kaedah Komunikatif.....	49
2.6.1.	Teknik Drama	49
2.6.2.	Teknik Permainan Bahasa.....	50
2.6.3.	Teknik Bercerita.....	52
2.6.4.	Teknik Perbincangan	53
2.7.	Implikasi Pendekatan Komunikatif Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.....	54
2.8.	Teori Pendekatan Komunikatif.....	56
2.9.	Kerangka Teori Pendekatan Komunikatif.....	67
2.10.	Kajian-Kajian Lepas	72
2.10.1.	Kajian-Kajian Dalam Negara.....	72
2.10.2.	Kajian-Kajian Luar Negara.....	91
2.11.	Kesimpulan	101

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pengenalan	103
3.2.	Reka Bentuk Kajian	104
3.3.	Lokasi Kajian	106
3.4.	Populasi Dan Sample Kajian	108
3.5.	Instrumen Kajian.....	110
3.6.	Item Soal Selidik.....	113
3.6.1.	Pembahagian Item Soal Selidik	113
3.6.2.	Pengkelasan Item Soal Selidik.....	114
3.7.	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	115

3.7.1.	Kesahan.....	115
3.8.	Kebolehpercayaan Instrumen.....	119
3.9.	Kajian Rintis	120
3.10.	Pengumpulan Data	122
3.11.	Analisis Data.....	123
3.12.	Kesimpulan	124
BAB 4 : ANALISIS DATA		
4.1.	Pendahuluan.....	126
4.2.	Kenormalan Data	127
4.3.	Profil Responden.....	127
4.3.1.	Responden Guru.....	128
4.4.	Analisis Deskriptif	130
4.5.	Kesimpulan	152
BAB 5 : DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN		
5.1.	Pengenalan	154
5.2.	Perbincangan Dapatan Kajian.....	154
5.2.1.	Pemahaman guru terhadap pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.	155
5.2.2.	Pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil.	158
5.2.3.	Strategi pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil.	161
5.2.4.	Persepsi guru terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.....	164
5.2.5.	Masalah dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil.	166
5.3.	Implikasi Kajian.....	170
5.4.	Cadangan Tentang Kajian Lanjutan.....	172
5.5.	Kesimpulan	174
Rujukan.....		177

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 Asal-Usul teori pendekatan komunikatif.....	66
Rajah 2.2 Kerangka Teori Model Pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Komunikatif	67

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Pakar- pakar yang mengesahkan instrumen kajian.....	118
Jadual 3.2 Prosuder pelaksanaan pengumpulan data	123
Jadual 4.1 Nilai <i>skewness</i> dan kurtosis Data.....	127
Jadual 4.2 Profil Responden Guru	128
Jadual 4.3 Skor Purata dan interpretasi min.....	130
Jadual 4.4 Pemahaman Guru-Guru terhadap Pendekatan Komunikatif	131
Jadual 4.5 Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif Dalam PnP Bahasa Tamil.	133
Jadual 4.6 Pemerolehan Sumber Pengetahuan Pendekatan Komunikatif dalam PnP Bahasa Tamil	136
Jadual 4.7 Keputusan Ujian-t Perbezaan Penggunaan Strategi Pedagogi dengan Gender Guru.....	140
Jadual 4.8 Keputusan Ujian-t Perbezaan Penggunaan Strategi Pedagogi dengan Lokasi Sekolah Guru.....	140
Jadual 4.9 Keputusan Ujian-t Perbezaan Penggunaan Strategi Pedagogi dengan Bidang Pengkhususan Guru	141
Jadual 4.10 Keputusan Ujian ANOVA Mengikut Pengalaman Mengajar dalam Proses Pendekatan Komunikatif.	142
Jadual 4.11 Masalah Dalam Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif dalam PnP Bahasa Tamil	143
Jadual 4.12 Jenis masalah dalam pengajaran dan pembelajaran BTSK	146
Jadual 4.13 Cara-Cara Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran BTSK	149

SENARAI SINGKATAN

BTSK	:	Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
BC	:	Bahasa Cina
BT	:	Bahasa Tamil
PT	:	Pengajian Tamil
IPG	:	Institut Pengajian Guru
POL	:	Pupils Own Language
BTk	:	Bahasa Tamil Komunikasi
PIPP	:	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SJKT	:	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
KBSR	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
BPK	:	Bahagian Pembangunan Kurikulum
KBSM	:	Kurikulum Bahasa Sekolah Menengah
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPSR	:	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
STPM	:	Sijil Tinggi Persekolah Malaysia
SK	:	Sekolah Kebangsaan
KPLI	:	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
SBP	:	Sekolah Berasrama Penuh
DSKP	:	Dokumen Standard Kurikulum dan Pengajaran
JPNS	:	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
SPSS	:	Statistical Package for Social Studies
BPPDP	:	Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan
PnP	:	Pengajaran dan Pembelajaran
KBAT	:	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PPPM	:	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah

BAB 1

Pengenalan

1.1. Pendahuluan

Dalam era globalisasi, Malaysia mengutamakan kepada pembangunan modal insan yang bercorak progresif, bersahsiah, berpengetahuan dan berakhlak tinggi bagi melahirkan insan yang kreatif dan berinovatif. Bidang pendidikan di Malaysia bertujuan untuk meambahkan ilmu pengetahuan dan kepelbagaian kemahiran murid termasuk kemahiran berbahasa. Pengenalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Rendah Kebangsaan (BTSK) merupakan satu saluran yang mustahak dalam menjana anjakan paradigma bagi setiap insan dan juga mewujudkan individu yang dinamis dalam semua aspek kehidupan.(Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara, 2006-2010).

Jelas sekali, bahasa merupakan perkara yang mustahak bagi setiap insan dalam melaksanakan komunikasi seharian dan meluahkan perasaan dan fikiran mereka, sejajar dengan objektif kurikulum kebangsaan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Aktiviti pengajaran adalah satu jurusan yang rumit dan multi disiplin. Pengajaran bahasa yang bersifat amali bermatlamat mengajar bahasa kepada murid-murid bagi membolehkan mereka menguasai sesuatu bahasa dan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari secara efektif dalam komunikasi seharian. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa meliputi aktiviti-aktiviti seperti penerangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa menggunakan pelbagai jenis pendekatan. Pendekatan bermaksud cara atau langkah yang dirancang oleh guru untuk menyampaikan isi pelajaran agar dapat difahami oleh para penuntut dalam proses pendidikan Bahasa Tamil. Kajian Juriah Long (2010) menyatakan bahawa seseorang itu mempelajari sesuatu perkataan secara keseluruhan dan kemudian baru mempelajari aspek-aspek tertentu dalam proses pembelajaran bahasa. Maka situasi ini dijadikan satu pendekatan dalam teori pembelajaran bahasa. Setiap pendekatan itu perlulah menggambarkan satu idea tentang hakikat bahasa, iaitu apakah sebenarnya bahasa itu, bagaimana bahasa itu dikuasai dan bagaimana bahasa itu diperolehi, bagaimana pula bahasa itu berasal dan bagaimana bahasa itu difahami.

Justeru dapat dirumuskan bahawa konsep pendekatan adalah agak global, teoritis dan abstrak. Melalui pelbagai teori pemerolehan bahasa lahirlah pelbagai pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Walaupun wujudnya pelbagai jenis pendekatan ahli-ahli bahasa dan pakar-pakar bahasa yakin bahawa pendekatan komunikatif dilihat lebih efektif dalam mempelajari bahasa tambahan iaitu Bahasa Cina dan Tamil dan bahasa asing di sekolah kebangsaan memandangkan ia dipelajari oleh murid-murid pelbagai etnik.

1.2. Latar Belakang Kajian

1.1.1. Perlembagaan Pendidikan Tamil Sebelum dan Selepas Merdeka di Malaysia

Sejak pemerintahan Inggeris di Malaya, pembentukan sekolah-sekolah vernakular Tamil dipelbagai ladang seperti gula, getah, kopi dan kelapa sawit tertumpu di kawasan yang diduduki oleh masyarakat India. Bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar ialah Bahasa Tamil. Sekolah vernakular yang pertama

dibina ialah pada tahun 1816 ialah “Penang Free School”, malangnya sekolah ini telah ditutup disebabkan beberapa perkara. (Janakey Raman, 2009). Atas sebab-sebab soio-politik “Penang Free School” yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar telah ditutup.

Pendidikan Bahasa Tamil bermula selepas beberapa tahun kemudian di sekolah-sekolah Tamil vernakular. Kebanyakan sekolah pada masa tersebut didirikan oleh orang kenamaan India, tuan syarikat dan pendakwah agama Kristian. Pada peringkat permulaan sekolah-sekolah vernakular Tamil ini tidak dapat sebarang dana atau sokongan dari pihak penjajah. Apabila lahirnya Enakmen Buruh Tahun 1912, ia mewajibkan pembukaan sekolah diestet-estet jikalau terdapat lebih daripada 10 orang anak pekerja (Janakey Raman, 2009). Pada awal 1930an terdapat 4 jenis sekolah vernakular Tamil, iaitu:-

- i) Sekolah Vernakular bersistem Kerajaan Tamil.
- ii) Sekolah Vernakular ladang.
- iii) Sekolah Swasta Tamil.
- iv) Sekolah Swasta Pendakwah Kristian.

Pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi ini hanya diperingkat sekolah rendah sahaja. Sukatan kurikulum di sekolah vernakular ini berasaskan negara India. Guru-guru dan buku-buku untuk pengajaran dan pembelajaran dibawa dari negara India dan Sri Lanka. Pada zaman pemerintahan Jepun pendidikan Tamil di sekolah vernakular diteruskan dan sebagai tambahan bahasa Jepun juga diajar. (Abdullah Sani Yahya, 2003). Apabila British menawan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, pendidikan Tamil diteruskan sehingga merdeka dan selepas merdeka dan hingga hari ini.

Pada tahun 1950, Penyata Barnes menyatakan bahawa pendidikan Cina dan Tamil tidak diutamakan. Ia memberi hampan sehingga dibuat dengan laporan baru disebabkan penentangan masyarakat India dan Cina. Satu laporan baru telah direka apabila Penyata Barnes ditentang terutama oleh orang Cina. Mereka berpendapat bahawa Penyata Barnes akan melenyapkan bahasa Cina. Laporan Fenn-Wu menyarankan bahawa sekolah vernakular diteruskan sehingga masyarakat tersebut memerlukan pendidikan. (Ishak Saat, 2009). Manakala sekolah Inggeris dikekalkan dan sekolah vernakular diteruskan dengan keperluan dan pembangunan negara.

Dengan adanya dua laporan kerajaan telah membentuk satu laporan yang merangkumi sistem pendidikan negara. Pada tahun 1952, Ordinan Pelajaran telah dibentuk. Pengajaran Bahasa Tamil dan Cina diketepikan tetapi ia telah dipersetujui oleh masyarakat India dan Cina. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan telah merangka Laporan Razak pada tahun 1956. Ia telah memberi perkembangan positif pada pendidikan. Laporan Razak menyambut pendidikan Bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam sistem pendidikan negara. Kandungannya adalah seperti berikut:

“ membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh menyatupadukan kanak-kanak berbilang kaum di seluruh negara. Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Memastikan Sekolah-Sekolah Vernakular Cina dan Tamil tetap wujud termasuk bahasa mereka diajar sebagai satu matapelajaran”.

(Laporan Razak, 1956:14)

Menurut Ordinan Pelajaran 1957, sekolah kebangsaan perlu menawarkan Bahasa Tamil sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang ibubapa memohon supaya Bahasa Tamil diajarkan kepada murid berkenan. (Menteri Pendidikan, 11 Jun 2015)

Sistem pendidikan Tamil dan bahasa Tamil diperkukuhkan lagi melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. Laporan ini menerima pengajaran Tamil

sebagai media penghantar di sekolah-sekolah Tamil dan murid-murid bukan keturunan India berpeluang mempelajari Bahasa Tamil. Kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet adalah seperti berikut :

....."Bahasa Tamil menjadi bahasa penghantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Bahasa ini diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah jenis lain, sekiranya sekolah menerima permintaan daripada lima belas orang ibubapa murid atau lebih"

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979: 29)

Di samping itu laporan yang sama turut mengeluarkan kenyataan seperti berikut :

".....dengan itu adalah diperlakukan bahawa murid-murid lain, bukan dari keturunan India hendaklah diberi peluang belajar Bahasa Tamil, sekiranya mereka memohon untuk mempelajari bahasa itu"

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979: 30)

Lantaran itu, Bahasa Tamil diiktiraf dalam sistem pendidikan negara. Bagi meningkatkan mutu Bahasa Tamil, negara memerlukan tenaga pendidik untuk mengajar di sekolah Tamil. Bagi memenuhi tenaga pendidik kerajaan telah memulakan kursus pengajaran Tamil untuk bakal pendidik di sekolah Tamil di Institut Perguruan dan universiti-universiti awam tempatan.

1.1.2. Perkembangan Pendidikan Tamil di Sekolah Kebangsaan.

Dalam Perkembangan institusi Pendidikan di Malaysia, sekolah kebangsaan terdapat dua aliran iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah. Bahasa penghantar disekolah-sekolah ini ialah Bahasa Melayu. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 menjadi titik tolak kepada pendidikan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Di sekolah kebangsaan kesenangan untuk menuntut Bahasa Ibunda Cina dan Tamil wajib ditawarkan sekiranya terdapat permintaan daripada 15 orang ibubapa murid sekolah tersebut. Jelas sekali kedua-dua bahasa tersebut diajar sebagai subjek "pupils own language" (POL). (Abdullah Sani Yahya, 2003)

Pendidikan bahasa Tamil berbentuk ibunda (POL) yang diamalkan merangkumi beberapa ciri utama dalam pelaksanaan POL seperti,

- i) POL di sekolah-sekolah harian kebangsaan diperkenalkan secara optional, iaitu berdasarkan kepada permintaan minima 15 murid daripada tahun pembelajaran yang sama.
- ii) Pengajaran dan pembelajaran subjek POL adalah di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu.
- iii) Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil ditawarkan kepada murid-murid dari tahun 4-6.
- iv) Memandangkan warga pendidik sekolah kebangsaan tidak dapat menyampaikan ilmu Bahasa Tamil, maka peluang terbuka kepada warga pendidik Sekolah Tamil, warga pendidik sekolah menengah termasuk warga pendidik yang telah bersara dari perkhidmatan.
- v) Sukatan pelajaran adalah berdasarkan kepada sekolah Tamil di Malaysia. Tiada sukatan yang khusus untuk murid-murid sekolah kebangsaan sehinggalah tahun 1996.
- vi) Tiada sebarang bahan untuk pengajaran dan pembelajaran (POL), alat bantu mengajar, rujukan-rujukan dan buku aktiviti bagi murid-murid tersebut.
(Rajendran, 2008)
- vii) Tenaga pengajar dibayar dengan elaun bulanan mengikut waktu pengajaran.

Pihak Unit Kurikulum bertindak menyediakan modul-modul yang bersesuaian untuk mendidik murid-murid mempelajari Bahasa Tamil di sekolah kerajaan yang merangkumi empat jenis kemahiran dari aspek mendengar, membaca, menulis dan menakul. Sebelum pihak unit kurikulum melaksanakan modul ini kajian

rintis telah dilaksanakan di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan sebelum diperluaskan ke negeri-negeri yang lain. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999)

Dalam satu perkembangan yang baru, khususnya dalam proses pendidikan Bahasa Tamil di semua sekolah kebangsaan sejak tahun 1995, Akta Pendidikan 1995 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan perubahan dalam pelaksanaan POL dengan menggalakkan murid-murid di sekolah aliran kebangsaan mempelajari Bahasa Tamil dan Cina sebagai bahasa tambahan tanpa mengira ras (Menteri Pendidikan, 11 Jun 2015).

Menjelang tahun 1996, wujud perubahan yang signifikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan di mana peluang terbuka kepada setiap individu di sekolah kebangsaan untuk mempelajari bahasa tambahan (Cina dan Tamil) selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berdasarkan kepada perkembangan ini Unit Kurikulum telah melaksanakan kajian rintis di kebanyakan sekolah kebangsaan. Antara ciri-ciri utama kelas Bahasa Tamil adalah seperti yang berikut:

- i) Kelas Bahasa Tamil akan dilaksanakan pada waktu persekolahan bermula 1996.
- ii) Subjek Bahasa Tamil ditawarkan bagi murid-murid tahun 3 ke atas.
- iii) Subjek Bahasa Tamil akan ditawarkan sekiranya terdapat permintaan daripada 15 orang murid atau ibubapa.
- iv) Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan bertukar sebagai bahasa komunikasi di pelajari oleh murid pelbagai kaum.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002: 16)

Unit Pembangunan Kurikulum dipertanggungjawabkan untuk merangka dan membentuk kurikulum Bahasa Tamil yang bercirikan komunikatif. Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertindak menyediakan

alat bantu mengajar dan Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing bertindak mengenal pasti sebuah sekolah untuk mengambil bahagian dalam rancangan pendidikan yang baru. (Ketua Pengarah Pendidikan, 18 November 1997).

Melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil, pada akhir tahun 6 murid-murid seharusnya:

- i) Berkomunikasi dengan baik dan lancar.
- ii) Memahami Bahasa Tamil dengan jelas.
- iii) Membaca dengan fasih ayat dalam setiap perenggan.
- iv) Mewujudkan budaya membaca melalui pembelajaran Bahasa Tamil.

Pada tahun 1996 sebanyak 24 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia bersetuju dan sedia membantu dalam usaha menghasilkan buku teks dan aktiviti dalam menjayakan hasrat murni ini.

Mulai tahun 2000, matapelajaran Bahasa Tamil diubah namanya kepada bahasa Tamil Komunikasi (BTK) dan terbuka kepada semua murid. Sejak tahun 2003, Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan bahasa Tamil Komunikasi secara rasminya menggantikan POL. Subjek BTK ditawarkan sebagai subjek tidak wajib. Peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran adalah selama satu jam (2 masa) dan diselitkan dalam jadual waktu rasmi pengajaran (Ketua Pengarah Pendidikan, 1 Oktober 2002).

Dasar kerajaan adalah memastikan bahasa tambahan terus diamalkan. Bahasa Tamil Komunikasi ini melibatkan sebanyak 76 buah sekolah rendah kebangsaan dan 6973 murid pelbagai bangsa. Pada peringkat awal kelas Bahasa Tamil hanya ditawarkan di sekolah-sekolah terpilih sahaja. Dijangkakan sebanyak 280 buah sekolah kebangsaan akan menawarkan Bahasa Tamil Komunikasi secara

berperingkat menjelang 2003 (Utusan Malaysia, 22 Jun 2003). Bahasa Tamil Komunikasi ini adalah usaha kerajaan untuk memantapkan sistem pedagogikal dalam usaha pelajar-pelajar India menguasai dan mendalami bahasa ibunda mereka. Malahan menggalakkan murid-murid pelbagai kaum menguasai bahasa tambahan.

Apabila Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara (PIPP) 2006-2010 dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi pada tahun 2007, kelas Bahasa Tamil telah diperkasakan melalui pengenalan bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK). Melalui pengenalan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan diperkasakan sejajar dengan strategi ketiga PIPP 2006- 2010. Strategi ini juga menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama masyarakat berbilang kaum. Kelas Bahasa Tamil ditawarkan kepada murid-murid India termasuk kepada murid-murid Cina dan Melayu. Amalan ini menggambarkan wujudnya keterbukaan dalam mempelajari sesuatu bahasa.

Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) merupakan mata pelajaran Bahasa Tamil untuk murid-murid sekolah kebangsaan yang dilaksanakan pada tahun 2007 di sekolah kebangsaan dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan lebih kompetitif selaras dengan kehendak masa. Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan diajar sebagai bahasa tambahan kepada murid berbilang kaum di sekolah kebangsaan yang terpilih. Tujuan utama pelaksanaan matapelajaran tersebut adalah untuk memperkukuhkan sekolah kebangsaan sebagai aliran utama masyarakat Malaysia, khususnya untuk menarik perhatian ibubapa bukan keturunan Melayu untuk memilih sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama. Dengan demikian matlamat pemimpin dan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah menyemaikan nilai integrasi di kalangan rakyat melalui pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan (Ketua Pengarah Pelajaran, 17 Oktober 2006).

Menurut laporan yang dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2007) Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan diperkenalkan sebagai bahasa tambahan secara rintis di 70 buah sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia mulai awal tahun 2007. Pihak kementerian juga akan memperluaskan secara berperingkat matapelajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan mulai tahun 2008 dan sehingga sekarang wujud sebanyak 250 buah sekolah yang menawarkan BTSK di seluruh Malaysia. (Ramanathan, 15 Februari 2014).

Sewaktu kajian rintis, 3 model Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di laksanakan Model 1 dan 3 menggunakan sukatan pelajaran yang sama dan waktu belajar adalah sebanyak lima waktu seminggu. Beza antara kedua-dua model hanya dari segi masa kelas di adakan, di mana 5 waktu BTSK model 1 di adakan pada waktu terakhir setiap hari persekolahan, bagi model 3 pula 5 waktu di adakan pada hari Sabtu. Model 2 mengandungi 12 waktu Bahasa Tamil dan kelas pembelajarannya di adakan di sebelah petang. Model 2 ini menggunakan Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil (SJKT). Di sebabkan oleh sambutan ibu bapa terhadap Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan model 2 tidak memuaskan maka kelas-kelas tersebut dibatalkan pada awal tahun 2008. Hal ini demikian kerana pelajar berasa terlalu letih untuk belajar dari awal pagi hingga lewat petang dan menghadapi masalah pengangkutan.

Manakala penawaran model kedua pada hari Sabtu adalah menggunakan Geran Perkapita (PCG), di mana guru-guru yang mengajarnya akan dibayar elaun tambahan mengambil kira faktor kekurangan murid pada hari Sabtu dan beban kewangan yang tinggi maka kelas-kelas model 2 dibatalkan pada awal tahun 2009. Sejak tahun 2009 pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di sekolah

kebangsaan adalah berdasarkan kepada model satu yang dilaksanakan di waktu persekolahan dalam jadual waktu. Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ini diajar dalam lima waktu dan apabila Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di perkenalkan sejak tahun 2011, Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan merupakan model elektif yang diajar selama tiga waktu atau 90 minit seminggu dalam bilik darjah.

Guru-guru dilatih secara khusus untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan bagi proses pendidikan dilaksanakan secara berkesan. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) juga telah mengendalikan kursus program orientasi untuk menyebarkan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan agar konsep baharu dan perkembangan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut disebarkan secara meluas kepada guru-guru seluruh Malaysia. Buku teks turut disediakan bagi mata pelajaran ini supaya murid dapat membuat aktiviti dan latihan untuk menguasai bahasa tambahan secara berkesan termasuk menguasai elemen bahasa secara sistematik. (Menteri Pendidikan, 26 Mac 2015).

1.3. Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan

Mengikut takrifan dan Perlembagaan Akta Pendidikan 1996, kurikulum merupakan suatu bidang akademik yang menggabungkan aktiviti padegogi badan beruniform, kelab dan aktiviti sukan yang merangkumi kepelbagaian ilmu kepakaran, moral, nilai murni dan karekter dalam membentuk seseorang insan yang holistik dari segi keperibadian dan keintelektualan mereka. Pada masa yang sama kurikulum akan meningkatkan nilai moral sejajar dengan pemerolehan ilmu pengetahuan. (Abdul Ghafar Md Din, 2003)

Menurut Tyler (1949), kurikulum merupakan pengalaman yang bakal diperoleh oleh seseorang guru. Saylor & Alexander (1954) mentafsirkan kurikulum sebagai suatu program atau sistem yang menyediakan peluang pembelajaran kepada murid-murid yang memiliki tingkah laku yang berbeza dari sudut kebudayaan, taraf sosial dan ekonomi.

Berdasarkan kepada pelbagai taksiran kurikulum yang dinyatakan tadi, dapat dirumuskan kurikulum sebagai pengalaman dan pembelajaran yang dipelajari oleh murid sama ada telah dirancang atau ditentukan oleh pihak sekolah atau Kementerian Pendidikan Malaysia. Segala pengalaman dan pembelajaran yang diperoleh boleh memberikan pelbagai impak kepada mereka. Jelas sekali kurikulum merangkumi ruang pembelajaran, pengalaman belajar dan paradigma pendidikan.

Dalam arus perkembangan pendidikan Tamil di Malaysia kurikulum pelajaran yang berasal dari negara India telah diubah. Suatu kurikulum pendidikan dan penjelasan kepada kurikulum tersebut digubal oleh Bahagian Bahasa Tamil, Pusat Perkembangan Kurikulum. Sejak tahun 1979, Kurikulum matapelajaran Bahasa Tamil Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Menengah (KBSM) memberikan tumpuan dalam usaha memahirkan kebolehan bahasa, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis melalui penggunaan ilmu daripada pelbagai bahan dengan memberi tumpuan kepada usaha melahirkan individu yang kreatif dan kritis.

Anjakan paradigma dalam sistem pendidikan membawa kepada kewujudan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menggantikan KBSR. Dalam sistem KSSR ini kurikulum Bahasa Tamil di tawarkan di Sekolah Rendah dari tahun satu hingga enam yang memberi tumpuan kepada unsur pembangunan komunikatif bahasa dan kelancaran berbahasa.

1.4. Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan

Menyentuh mengenai taraf Bahasa Tamil yang diajar di sekolah kebangsaan, merupakan bahasa ketiga yang dikuasai oleh murid-murid pelbagai kaum. Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan ini menekankan kepada Bahasa Tamil kaedah pengajaran dan pendekatan komunikatif. Mata pelajaran Bahasa Tamil yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada modul asas elektif. Usaha untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, tenaga pengajar BTSK wajib merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui penggunaan buku teks, buku panduan mengajar dan buku-buku aktiviti. Dalam kurikulum KSSR ini, peruntukan masa dalam usaha mendidik anak-anak murid yang mempelajari Bahasa Tamil adalah selama 90 minit (3 waktu) dalam seminggu melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah tahun 1 hingga 6. (7 tahun – 12 tahun).

1.5. Matlamat dan Objektif Pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan

Dalam pelaksanaan kurikulum baru Bahasa Tamil secara komunikatif atau dikenali sebagai Communicative Language Teaching (CLT) memberi tumpuan kepada kemahiran bertutur, termasuk kebolehan komunikasi bahasa. Hal ini dapat difahami daripada Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan tahun 1- 6. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008)

Di antara objektif yang dinyatakan dalam Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan adalah seperti berikut:

- i) Berkomunikasi secara efisien, petah dan berpemikiran kritis serta menghasilkan pandangan dalam membudayakan konteks atau situasi.
- ii) Mempergiatkan amalan budaya membaca.

- iii) Memiliki asas-asas penulisan yang kukuh.
- iv) Menguasai tatabahasa Bahasa Tamil yang mudah dan mampu menggunakannya dan mengaplikasikannya.
- v) Dapat menguasai perkataan-perkataan Bahasa Tamil.
- vi) Pengaplikasian dunia teknologi seperti digital selaras dengan kehendak sukatan.
- vii) Memahirkan perkataan-perkataan dalam Bahasa Tamil dalam konteks sebutan.
- viii) Memupuk Integerasi Nasional dan membentuk nilai-nilai etika positif sejajar dengan PIPP Malaysia 2013-2025.

(Dokumen Standard Kurikulum KSSR, 2008:6)

Pembelajaran sesuatu bahasa menjadi satu kemestian dalam proses melaksanakan komunikasi seharian. Pengajaran dan pembelajaran bahasa menggunakan pendekatan komunikatif bermatlamatkan supaya murid-murid berkemahiran berbahasa untuk mencapai kecekapan Bahasa Tamil. Di samping itu, murid-murid dapat menguasai bentuk dan struktur bahasa tersebut melalui penggunaan yang betul dan tepat.

Menyedari kepentingan dan kedudukan Bahasa Tamil di negara kita dan di peringkat antarabangsa maka para pengkaji dan pakar-pakar Bahasa Tamil telah berusaha untuk mencari pelbagai pendekatan dan kaedah terbaik dan terkini bagi memudahkan murid-murid pelbagai ras mempelajari dan menguasai bahasa tambahan. Antaranya adalah melalui pelaksanaan pendekatan komunikatif, pelbagai usaha dilakukan dalam menjayakan tujuan dan sasaran proses pendidikan bahasa tercapai seperti yang digariskan dibawah KSSR dan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (2013 - 2025).

1.6. Pernyataan Masalah

Pengajaran subjek Bahasa Tamil (BTSK) diimplementasikan sejak tahun 2007. Pelaksanaan selama 12 tahun di aliran kebangsaan adalah bertujuan untuk membentuk dan melahirkan murid-murid yang berpengetahuan, berdedikasi, berdikari, berketrampilan dan holistik. Pengenalan subjek ini di sarankan dalam usaha melahirkan murid yang dapat menguasai penggunaan Bahasa Tamil dalam pelbagai konteks. Namun demikian pelaksanaan pendekatan dalam proses pendidikan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mewujudkan beberapa masalah dari segi amalan.

Hasil daripada maklumbalas dan keluhan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan menerusi seminar kebangsaan Bahasa Tamil, bengkel Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan mesyuarat ketua-ketua Jurulatih Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Peringkat Kebangsaan bahawa murid-murid tidak berupaya menguasai Bahasa Tamil pada tahap yang memuaskan dari aspek membaca dan menulis.

Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan seringkali mengalami perubahan dari segi pelaksanaan tanpa sebarang kajian yang menyeluruh. Pada tahun 2003, Bahasa Tamil Komunikasi telah diperkenalkan di sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia. Subjek Bahasa Tamil berbentuk komunikatif dipelajari oleh semua murid sekolah kebangsaan tanpa mengira agama dan bangsa. Setelah empat tahun program ini diperkenalkan ia telah diganti dengan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2007. Pada masa ini, kelas Bahasa Tamil, Bahasa Cina dan Bahasa Arab telah dijalankan pada waktu yang sama, supaya murid membuat pilihan untuk menyertai kelas tersebut.

Setelah mencapai enam tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat rombakan di mana Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang

dimulakan sejak tahun 2011 dalam usaha mentransfomasikan sistem akademik negara. Ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menjalankan suatu perancangan untuk jangka masa yang panjang untuk menilai kejayaan pelaksanaannya. Kedua-dua model ini dijalankan selama enam tahun tanpa mengkaji keberkesanan model tersebut. Sesuatu model akan mengambil jangka masa yang panjang untuk memberi kesan dan kejayaan. Keadaan ini sebenarnya menjejaskan penilaian kejayaan model Bahasa Tamil dan menjejaskan prestasi penyampaian oleh guru. Oleh itu adalah perlu untuk menilai pelaksanaan dan pendapat guru terhadap BTSK yang dilaksanakan menggunakan kaedah komunikatif. (Malaysia Namban, 6 Ogos 2012)

Tambahan pula, penilaian matapelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan belum mendapat perhatian yang secukupnya daripada pihak kementerian. Umpamanya, selepas temuramah dengan En.Ramanathan, Ketua Unit Bahasa Tamil, Pusat Perkembangan Kurikulum, pengkaji mendapati aspek penilaian murid masih kurang diberi perhatian oleh segelintir pihak sekolah. Beliau berpendapat penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap 180 buah sekolah kebangsaan yang menawarkan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan diseluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut hanya 135 buah sekolah mengadakan ujian sumatif dan formatif untuk menyimpan rekod penilaian murid. Sebanyak 25% sekolah tidak menilai prestasi murid Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. (Laporan dan Cadangan Kajian Rintis Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, 2008: 18)

Dalam proses pelaksanaan subjek atau mataplejaaran pendidikan Tamil, ilmu pedagoginya memiliki skop yang luas. Murid-murid di sekolah kebangsaan tidak memiliki pengetahuan asas membaca dan menulis Bahasa Tamil. Objektif kurikulum

Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memiliki pencapaian yang luas tanpa mengambilkira masa dan latarbelakang para pelajar yang mendalami pendidikan Tamil di aliran kebangsaan. Skop kurikulum yang luas ini menyebabkan guru-guru kesuntukan masa dalam melaksanakan proses pedagogi mereka.

Pelaksanaan BTSK adalah amat terhad di negeri Selangor dan di Malaysia. Peluang adalah amat terhad bagi murid-murid di kawasan lain untuk mempelajari subjek pendidikan Tamil di aliran kebangsaan. Maka murid-murid ini bergantung kepada kelas-kelas POL yang bakal akan di laksanakan di sekolah masing-masing. Antara cabaran dalam melaksanakan POL di sekolah kebangsaan adalah bilangan pelajar, kebenaran ibubapa dan tenaga pengajar. Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya menilai proses pelaksanaan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama masyarakat India di Malaysia.

Penilaian adalah suatu elemen yang utama untuk menilai tahap pencapaian murid dalam pelbagai kemahiran bahasa. Penilaian dapat mengenalpasti kekuatan murid, kelemahan murid, menentukan keberkesanan program, ukur keberkesanan pengajaran dan memperoleh data untuk tindakan selanjutnya. Pada masa yang sama penilaian Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan pula hanya di laksanakan menerusi peperiksaan di peringkat sekolah dan tidak di nilai seperti sekolah jenis kebangsaan Tamil. Penilaian di sekolah jenis kebangsaan Tamil dibuat diperingkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) secara berpusat dan subjek ini merupakan subjek teras berbanding di sekolah kebangsaan merupakan elektif. Di sekolah kebangsaan Bahasa Tamil hanya menjadi pilihan murid untuk mempelajari dan tidak menerima sebarang gred sewaktu peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah. (Laporan Tahunan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, 2010: 27)

Guru-guru menyediakan peperiksaan berdasarkan kesesuaian murid dan sekolah. Maka peperiksaan murid tidak memiliki format yang standard berbanding sekolah-sekolah yang menawarkan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Oleh yang demikian kesesuaian pengajaran dan penilaian terhadap murid Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan perlu dikaji dalam memastikan BTSK relevan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. (Kumutha Rakiappan, 2013: 54)

Dari segi meninjau waktu pengajaran, pengkaji mendapati guru-guru BTSK memiliki masa yang singkat dan terhad untuk mengajar sukatan pelajaran yang luas. Guru-guru BTSK seringkali merungut berkaitan masalah kekangan masa dalam proses pengajaran kerana peruntukan waktu pengajaran adalah terhad kepada tiga waktu dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berbanding dengan lima waktu yang diperuntukan dalam BTSK. Kekangan masa ini merupakan cabaran kepada guru dalam proses melaksanakan pedagogi kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan yang memiliki skop yang luas dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Batasan masa ini menjadi kekangan dalam usaha melahirkan murid yang berkemahiran dalam penguasaan dalam aspek pertuturan dan penulisan. Oleh itu, segala konflik dan cabaran yang dihadapi oleh para pendidik BTSK perlu dikaji dalam usaha memantapkan matapelajaran Bahasa Tamil elektif dalam konteks Kurikulum Standard Sekolah Rendah. (Ramanathan, 2014: 43).

Walaupun pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil berjalan dengan baik sejak 2007 namun kejayaan dan keupayaan pelaksanaan pendekatan komunikatif amat berkait rapat dengan profesionalisma keguruan seperti kemahiran komunikasi, berfikir, merancang, menilai, mengurus, pemudahcaraaan, penggunaan teknologi maklumat dan pembelajaran berterusan. Namun didapati bahawa kebanyakan guru BTSK tidak memiliki ijazah dalam bidang bahasa Tamil. Kebanyakan daripada

mereka hanya memiliki Bahasa Tamil dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan dilatih di Maktab Perguruan dalam bidang Kursus Perguruan Lepas Ijazah selama sepuluh bulan. Ini jelas terbukti bahawa kebanyakan guru kurang memiliki pengetahuan dalam bidang Bahasa Tamil dan tidak dapat menarik perhatian murid dalam bidang pedagoginya. Keadaan ini memberikan implikasi yang luas dalam usaha pihak kerajaan menjayakan program ini dan mencapai matlamat yang digariskan dalam dasar pendidikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. (Santhiram, 2014)

Tambahan pula kekurangan latihan semasa perkhidmatan, latihan teknologi maklumat dan komunikasi, latihan dalaman menghadkan tahap prestasi warga pendidik dalam mendidik para pelajar. Warga pendidik yang kurang memiliki tahap pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi, kurang menggunakan blog VLE- Frog yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran BTKS dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. (Jemaah Nazir, 2009) Kaedah pengajaran tradisional (chalk dan talk) tidak relevan dengan keperluan murid dan membantutkan minat murid-murid dalam Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Murid-murid Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan menganggap subjek ini membosankan mereka dalam proses pembelajaran. Tambahan pula ketiadaan kemudahan infrastruktur seperti bilik pendidikan bahasa Tamil untuk kelas Bahasa Tamil, makmal bahasa, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi menjadi penghalang kepada pencapaian objektif BTKS. Faktor-faktor ini memberi tekanan kepada guru semasa menjalankan proses pendidikan dalam sesuatu waktu pengajaran. Oleh itu pengkaji ingin mengkaji cara dan strategi penyampaian dan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru untuk menentukan kejayaan pendekatan

komunikatif dan keperluan para pelajar di sekolah kebangsaan kerajaan. (Laporan Tahunan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, 2012: 16)

Dalam proses pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan melalui pendekatan komunikatif memerlukan pemantauan Jemaah nazir dari masa ke semasa. Walaupun wujudnya pemantauan nazir di sekolah kebangsaan, namun pemantauan terhadap matapelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan adalah amat terhad. Pemantauan nazir untuk Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di laksanakan di sekolah-sekolah terpilih berdasarkan kepada bilangan murid yang ramai. Pemantauan sedemikian tidak mencerminkan penilaian menyeluruh terhadap program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Pemantauan ini amat perlu dalam usaha memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan pemantauan juga berkait rapat dengan kekurangan pegawai pemantau di pejabat pendidikan daerah dan jabatan pendidikan negeri semenjak program BTSK diperkenalkan. (Temuramah En. Ramanathan, Ketua Bahagian Penilaian Kurikulum Unit Bahasa Tamil, 2015)

Selain daripada itu, pemantauan daripada pihak atasan iaitu nazir, pegawai pendidikan daerah, pegawai pusat perkembangan kurikulum, pegawai jabatan negeri adalah amat terhad. Pemantauan pihak ini hanya tertumpu pada sekolah yang terpilih dan popular sahaja. Ini kerana tiada pegawai yang khas di peringkat pejabat pendidikan daerah untuk memantau program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan merupakan suatu faktor penghalang dalam menilai prestasi guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Oleh itu, pemantauan adalah amat penting untuk melihat keberkesanan pelaksanaan pendekatan komunikatif. Pengkaji berpendapat bahawa ketiadaan pemantauan sebagai satu kelemahan dan kajian adalah perlu untuk melihat tahap pemahaman dan pemerolehan pengetahuan oleh guru termasuk pelaksanaan kaedah pengajaran. (Makkal Osai, 8 April 2010)

Halangan utama dalam pelaksanaan program BTSK ialah kekurangan bahan bantu pengajaran yang bersesuaian dengan kehendak murid-murid. Tiada modul bacaan dan bahan penulisan yang bersesuaian dengan kemahiran murid-murid BTSK merupakan faktor utama yang harus diberi perhatian oleh pihak KPM. Isu dan masalah ini turut di persetujui oleh Pn.Sangunthala Jurulatih Utama Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor yang menyatakan kebanyakan guru kurang memiliki pengetahuan yang sempurna untuk membuat alat bantu mengajar bagi murid-murid sekolah rendah. Bahan-bahan tambahan dalam proses pengajaran amat diperlukan oleh murid-murid BTSK terutama dalam usaha membantu mereka memahami konsep tertentu. Kepakaran pembinaan dan penggunaan bahan yang sesuai dan tepat dapat meningkatkan penguasaan murid-murid BTSK. Penyelidikan ini adalah digalakkan untuk mengkaji fungsi kepelbagaian peralatan mengajar dalam proses pendidikan bahasa.

Kesemua isu permasalahan yang dinyatakan, masih belum dikaji dan jarang diperbincangkan oleh masyarakat kita. Oleh itu pengkaji menjalankan penyelidikan yang terperinci berkaitan semua hal tersebut. Dengan ini diharapkan penyelidikan ini dapat menyampaikan maklumat yang berguna melibatkan pelbagai stake holders dalam melaksanakan pendidikan bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan.

1.7. Objektif Kajian

Kajian ini diusahakan bagi mencapai objektif-objektif khusus yang dapat dirumuskan seperti berikut:

- i) Mengenal pasti persepsi dan pemahaman guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan terhadap pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan.
- ii) Menentukan sumber dari aspek pendekatan komunikatif oleh guru-guru yang mengajar pelbagai kemahiran subjek Bahasa Tamil.
- iii) Menganalisis perbezaan strategi pendekatan komunikatif oleh guru-guru BTSK dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil mengikut gender, lokasi, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar.
- iv) Menjelaskan permasalahan yang dihadapi oleh guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan berkaitan pendekatan komunikatif mengikut pengalaman mengajar.
- v) Mencadangkan usaha-usaha ke arah memperkasakan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan.

1.8. Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dinyatakan, maka kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Apakah persepsi dan pemahaman guru terhadap amalan pelaksanaan pendekatan komunikatif?
- ii) Apakah sumber maklumat yang diperolehi oleh guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran BTSK?
- iii) Adakah terdapat perbezaan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru untuk menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut :
 - a) gender
 - b) lokasi

- c) bidang pengkhususan
- d) pengalaman mengajar
- iv) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru mengikut pengalaman mengajar dalam proses pelaksanaan pendekatan komunikatif?
- v) Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah dan memperkasakan pengajaran dan pembelajaran BTSK?

1.9. Kepentingan Kajian

Keperluan kepada pendidikan Bahasa Tamil kebelakangan ini memperlihatkan sambutan dan permintaan yang memberangsangkan dari kalangan ibubapa murid-murid hingga segenap lapisan masyarakat. Pengenalan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan tepat pada masanya dan sehaluan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (2013-2025) yang menggalakkan murid-murid menguasai kepelbagaian bahasa dalam arus globalisasi.

Walaupun kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) telah diperkenalkan sejak tahun 2007 namun ketiadaan kajian-kajian yang sistematik dan mendalam dalam bidang akademik di sekolah kebangsaan seluruh negara, menjadikan kajian ini amat mustahak dalam merancang aktiviti pendidikan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan pada masa akan datang.

Hasilan-hasilan dari kajian ini dapat menilai pendapat dan persepsi guru-guru Bahasa Tamil terhadap pemahaman dan pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Tamil di kalangan murid-murid sekolah kebangsaan. Hasil yang sedemikian akan membantu para guru menilai penguasaan murid terhadap subjek Bahasa Tamil seterusnya menggunakan Bahasa Tamil dengan baik secara

lisan serta mampu menghasilkan bahan penulisan dalam pelbagai situasi dan keadaan.

Memandangkan kajian ini menilai pendapat guru terhadap amalan dalam melaksanakan perspektif komunikasi dalam pendidikan bahasa Tamil di Negeri Selangor, maka maklumbalas daripada guru-guru akan membantu dan membuka ruang kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat tindakan susulan dalam usaha meningkatkan mutu tenaga pengajar dalam pendidikan subjek Bahasa Tamil.

Pihak unit kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dapat menggunakan dapatan kajian ini untuk melihat sejauhmanakah pendekatan komunikatif telah dilaksanakan, selaras dengan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Seterusnya merancang termasuk mengadakan kursus-kursus yang berkaitan dengan penggunaan dan pelaksanaan pendekatan komunikatif ini sebagai pendedahan yang lebih terperinci lagi untuk warga pendidik yang melibatkan diri dalam subjek Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Pada masa yang sama unit kurikulum juga dapat melaksanakan sesuatu pembaharuan kurikulum dari masa ke semasa untuk memantapkan lagi kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan.

Bagi guru-guru khasnya, kajian ini dapat menunjukkan sejauhmanakah tahap penguasaan mereka dan kejayaan melaksanakan pendekatan komunikatif di kalangan murid-murid termasuk memberikan maklumat dan input yang berguna kepada guru-guru. Melalui ini guru-guru akan berpeluang memperbetulkan dan memperbaiki strategi pengajaran menggunakan pendekatan komunikatif di kalangan murid-murid supaya lebih berkesan dan memikat daya tarikan para pelajar dalam usaha untuk mendalami dan mahir subjek Bahasa Tamil yang dipelajari oleh mereka.

Manakala bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, hasil kajian ini boleh menjadi petunjuk untuk menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan untuk pengajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dan melahirkan murid-murid yang berinovatif dan kreatif. Di samping itu hasil kajian ini akan membantu mereka untuk mencari masalah sebenar dalam aktiviti pendidikan Bahasa Tamil di peringkat sekolah kebangsaan. Pada waktu yang sama mereka dapat menyediakan kurikulum Bahasa Tamil di Institusi Pendidikan Guru dalam melahirkan guru-guru Bahasa Tamil yang dapat menggalakkan minat murid-murid terhadap Bahasa Tamil dan seterusnya bagi pengajaran Bahasa Tamil yang berkesan di sekolah kebangsaan.

Selain daripada itu, pendapat dan persepsi guru dapat membantu pihak sekolah kebangsaan dalam merancang serta melaksanakan program peningkatan kemahiran pengajaran guru-guru Bahasa Tamil bagi memastikan murid-murid dapat menguasai serta menggunakan Bahasa Tamil dalam komunikasi seharian dengan keyakinan yang tinggi.

Pengkaji juga berharap penyelidikan ini dapat memberi sumbangan keilmuan dalam bidang akademik pendidikan Bahasa Tamil di negara kita dan pada masa yang sama kajian ini akan menjadi petunjuk bagi penyelidikan-penyelidikan selanjutnya dalam konteks pendidikan bahasa Tamil melibatkan sekolah kebangsaan dari perspektif dan pendekatan yang lain.

1.10. Limitasi Kajian

Penyelidikan ini berperanan untuk meninjau dan menggambarkan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Kajian ini bukan bermatlamat untuk menilai kelemahan pengajaran tenaga pendidik, akan tetapi lebih untuk mengkaji pendapat atau persepsi

guru Bahasa Tamil terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam proses pendidikan di sekolah dan menilai penggunaannya dari perspektif guru.

Fokus penyelidikan ini adalah terhadap kepada aspek pendidikan bahasa menggunakan pendekatan komunikatif di peringkat sekolah kebangsaan sahaja kerana ia mempunyai matlamat dan ciri-ciri tersendiri. Mata pelajaran yang dikaji ialah Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Oleh itu aspek kajian ini tidak melihat kepada pelaksanaan Bahasa Tamil menggunakan pendekatan komunikatif di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Penyertaan sampel kajian ini adalah terhadap kepada kumpulan guru-guru Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor yang mengajar subjek Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dari tahun 1-6. Oleh yang demikian kajian ini tidak merangkumi guru-guru sekolah kebangsaan di Malaysia. Hal ini adalah disebabkan oleh faktor kekangan masa yang tidak mengizinkan pengkaji untuk menjalankan kajian secara holistik di seluruh Malaysia.

Subjek kajian merupakan para guru yang mengajar Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu tinjauan soal selidik tanpa menggunakan kaedah kualitatif seperti pemerhatian dalam kelas. Selain itu penyelidikan ini hanya menumpukan kepada persepsi guru dan murid-murid tidak dikaji sebagai subjek kajian. Ia tidak menggunakan kaedah kualitatif berbentuk eksperimen mengajar kerana kajian ini hanya bermatlamat untuk melihat keadaan yang sedia wujud pada guru berkaitan kefahaman dan amalan mereka terhadap pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran BTKS.

1.11. Definisi Operasional

Penyelidikan ini mengutarakan penggunaan istilah dalam memastikan setiap warga pembaca menginteprestasi dengan jelas agar memahami proses dan hasil penyelidikan.

1.11.1. Pelaksanaan

Pelaksanaan adalah suatu usaha murni dalam mencapai sesuatu matlamat seseorang individu selaras dengan agenda pendidikan negara secara teratur dan mengikut proses untuk mencapai sesuatu objektif. Menurut Nor Zihan Hussin (2011) pelaksanaan merupakan usaha untuk melaksanakan sesuatu tindakan seperti alat-alat yang diperlukan, siapa yang bakal melaksanakan, tempat pelaksanaan dan bagaimana cara pelaksanaan.

Pengertian pelaksanaan menurut Abdul Salam Bin Mohd Ibrahim (2007) bahawa, ia merupakan satu tindakan lanjut iaitu mengambil keputusan dan mengatur strategi dalam usaha mencapai objektif. Menurut Abdul Rahman Abdullah (2009) kejayaan pelaksanaan bergantung kepada tahap komunikasi, sumber atau informasi, sikap dan amalan pelaksanaan. Keempat-empat faktor ini dapat mempengaruhi keberhasilan sesuatu proses pelaksanaan.

Pelaksanaan merupakan satu proses perbuatan yang melibatkan hal pelaksanaan, menjalankan dan mengusahakan sesuatu pendekatan dalam proses pedagogi pendidikan. Dalam konteks penyelidikan ini pelaksanaan pendekatan komunikatif bermaksud proses melaksanakan strategi pendidikan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan agar dapat memenuhi matlamat kurikulum Bahasa Tamil seperti yang digariskan oleh Bahagian Perancangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.11.2. Pendekatan

Pendekatan merupakan suatu teknik atau kaedah dalam proses pengajaran sesuatu matapelajaran untuk mencapai matlamatnya. Pendekatan pengajaran merupakan usaha murni untuk memudahkan proses pembelajaran sewaktu seseorang tenaga pendidikan mengajar dalam konteks bilik darjah.

Pada masa yang sama pendekatan ini juga merupakan orientasi atau pegangan ilmu yang dapat membantu seseorang pendidik dalam menyelesaikan permasalahan pendidikan bahasa yang melibatkan kandungan pengajaran dan teknik pengajaran bahasa tersebut.

Berdasarkan pandangan Edward Anthony (1963), pendekatan ditafsirkan sebagai suatu andaian yang berkait rapat dengan proses pendidikan bahasa serta memiliki unsur aksiomatik. Melalui persepsi ini dapatlah dirumuskan bahawa pendekatan dalam konteks pembelajaran bahasa haruslah berteraskan kepada amalan, prinsip dan model yang menekankan teori pembelajaran yang mudah kepada lebih kompleks.

Menurut Krashen (1982) pendekatan bermaksud himpunan pelbagai teori dan pandangan yang diterima oleh golongan pakar dalam melaksanakan pengajaran bahasa. Ia sesuai dengan kehendaknya seperti penggunaan pendekatan audio-lingual dalam proses pengajaran bahasa kepada bukan penuturnya. Dengan ini adalah menjadi satu kemestian untuk mengajar bahasa dengan cara yang betul dan tepat kepada murid yang mempelajarinya.

Sementara Arbak Othman (1989) berpendapat bahawa dalam pengajaran bahasa, amalan pendekatan dapat diertikan corak atau trend kepada mendekati suatu proses pengajaran berdasarkan persepsi atau prinsip pendidikan bahasa. Amalan

pengajaran sebegini berhubungkait dengan pelbagai teori linguistik bahasa seperti komunikatif, induktif, deduktif termasuk elektif.

Dalam konteks pengajaran bahasa pendekatan juga berkait rapat dengan pengetahuan meluas keilmuan dalam linguistik dan psikologi dalam usaha seseorang pendidik menyelesaikan kerumitan sewaktu proses pengajaran sesuatu bahasa. Melalui cara ini mereka dapat menyelesaikan pelbagai persoalan dan cabaran sewaktu mendidik anak murid mereka.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa, pendekatan melibatkan kumpulan teori yang diaplikasikan dalam proses pendidikan sesuatu bahasa secara efektif. Melalui kewajaran pendekatan yang diaplikasikan oleh pendidik dalam usaha menyelesaikan masalah pengajaran dan mewujudkan penyampaian yang berkesan dalam mencapai objektif pengajaran.

1.11.3. Pengajaran

Fadzilah Abdul Rahman (2007) menjelaskan pengajaran merupakan suatu usaha menyampaikan ilmu pendidikan atau pengetahuan, informasi dan membina keterampilan termasuk kemahiran murid secara holistik. Pengajaran membawa maksud bahawa seseorang tenaga pendidik memiliki ilmu pengetahuan secara mendalam mengenai sesuatu bidang pengajaran serta memiliki kepakaran dan profesionalisme selaras dengan dunia pendidikan. (Zulkipli Yaakob, 2008). Secara dasarnya proses pengajaran ingin memastikan setiap warga pendidik menguasai intipati sesuatu maka pelajaran serta memiliki ilmu pendidikan terhadap sesuatu topik yang diajar. Pada masa yang sama, setiap warga pendidik harus menghadapi pelbagai cabaran dalam aspek pengurusan bilik darjah, penyoalan, penjelasan dan pemantauan bilik darjah dari masa ke semasa.

Menurut Arbak (1985) mendefinisikan amalan pengajaran merupakan suatu bentuk organisasi terancang dan guru bertindak sebagai penyampai maklumat. Dalam proses penyampaian maklumat warga pendidik harus memastikan anak muridnya memahami segala penyampaian dalam bilik darjah. Manakala Yaxley (1991) berpandangan bahawa pengajaran merupakan satu tingkah laku yang akan membawa perubahan dari aspek etika, moral, kepercayaan diri dan nilai kemanusiaan. Beliau turut melihat aktiviti pengajaran merupakan usaha ke arah mengembangkan daya intelek yang menghubungkan corak pemikiran dan perasaan diri.

Widdowson (2009) berpendapat amalan sifat penyayang, berkebajikan murid, sokongan moral dan tahap keilmuan matapelajaran amat berkait rapat dengan elemen pengajaran. Menurut Hunter (1995) melalui cara ini amalan sebegini dapat membentuk kekuatan dan keperibadian pembelajaran dalam diri seseorang murid. Slavin (2006) berpendapat bahawa guru boleh membantu murid dari segi pencapaian akademik. Berdasarkan kepada pendapat dan pandangan yang diutarakan oleh Slavin dan Hunter, mereka berpendapat proses pengajaran guru akan meningkatkan tahap pembelajaran seseorang murid. Dapat dirumuskan pengajaran bertindak menyediakan suasana yang kondusif dalam usaha meneruskan aktiviti belajar dikalangan murid. Pendapat ini mendapat sokongan Shahrul Bin Hj Marzuki (2008) mendefinisikan proses pengajaran yang efisien amat bergantung kepada keterampilan dan keyakinan pendidik dalam usaha untuk menyampaikan informasi pendidikan dan motivasi pelajar dalam dan luar bilik darjah. Menurut Malikow (2006) pula berpendapat bahawa pelbagai method pengajaran yang menggunakan bahan bantu mengajar oleh warga pendidik akan menjayakan proses pendidikan. Dalam situasi sebegini, warga pendidik harusnya merancang topik, objektif, isi dan cara penyampaian yang mudah dalam bilik darjah. Tambahan pula para pelajar diuji

dengan penilaian yang sesuai dengan kebolehan dan minat mereka dalam proses pengajaran.

Pengajaran merupakan proses penyampaian maklumat dan pengetahuan, malahan merupakan satu percubaan membantu seseorang individu dalam memperolehi dan mengubah sesuatu kemahiran serta aliran pemikiran. Hornby dan Christian (2001) mendefinisikan pengajaran sebagai suatu proses menyampaikan pengetahuan atau kemahiran kepada pihak lain. Noraini Idris (2013) pula berpendapat pengajaran bermaksud satu proses membimbing murid untuk memperolehi sejumlah pengalaman bermutu dalam usaha mengembangkan bakat dan kebolehan yang diperlukan oleh mereka.

Jika dikhususkan pengajaran bahasa yang mengutamakan pendekatan komunikatif merupakan suatu pendekatan yang memastikan keefektifan komunikasi dalam konteks objektif pendidikan bahasa dan membentuk proses dalam usaha mendidik empat kemahiran dalam konteks bahasa yang berkait rapat antara unsur bahasa dan komunikasi.

Dapat disimpulkan bahawa pengajaran Bahasa Tamil merupakan satu bentuk seni praktikal yang kompleks dan tidak semata-mata diisi dengan maklumat dan pengetahuan. Pengajaran Bahasa Tamil harus dilaksanakan secara bersepadu dari pelbagai sudut agar selaras dengan objektif yang digariskan dalam kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan.

1.11.4. Pembelajaran

Berdasarkan Slavin (2005) mendefinisikan aktiviti pembelajaran merupakan proses yang membawa transformasi dalam pembangunan potensi diri seseorang melalui pengalaman. Aktiviti pembelajaran bermula dari proses pembentukan janin dan berkembang secara berperingkat melalui pengalaman yang diperolehi oleh

seseorang individu. Mengikut Hill (2002) aktiviti pembelajaran akan terbentuk dalam diri seseorang apabila mewujudkan transformasi yang menyeluruh dalam pembentukan ilmu pengetahuan dan perubahan tingkah laku dalam kehidupan seharian. Proses pembelajaran dikalangan murid mahupun individu wujud secara langsung dan tidak langsung dari masa ke semasa.

Menurut Sehung (1991) kegiatan pembelajaran berlangsung dalam pelbagai bentuk dan model. Proses pembelajaran berkait rapat dengan suatu usaha dalam pengubahsuaian perilaku, tahap keilmuan, kemahiran, sistem kepercayaan. Strategi dan proses pembelajaran terlaksana melalui kepelbagaian latihan termasuk pengalaman diri dalam usaha membentuk keperibadian yang holistik. (Evans & Brueckner, 1990), Gagne (1985). Tahap dan proses pembelajaran merupakan suatu usaha kearah membentuk kualiti diri seseorang dari aspek kemampuan diri. Pembentukan kemampuan diri secara umumnya mengambil suatu jangka waktu yang lama dan terpaksa mengharungi pelbagai cabaran.

Pembelajaran merupakan suatu usaha dalam mendalami kepakaran dan tahap keintelektualan dalam proses meningkatkan kebolehan termasuk keterampilan seseorang yang berkekalkan selama-lamanya. (Robert Gagne, 1970). Menurut Woolfolk (1980) pembelajaran juga dilihat sebagai transformasi dalaman melibatkan seseorang individu dalam usaha membentuk potensi diri dan membentuk perubahan dimensi terkini dikalangan murid atau pelajar. (Ainon Mohd Abdullah Hassan, 2002).

Secara umumnya pembelajaran merupakan suatu amalan yang berterusan secara formal melalui sekolah dan tidak formal melalui rakan, media dan persekitaran. Proses pembelajaran bahasa adalah bersandarkan kepada teori-teori

pembelajaran yang utama. Dapat disimpulkan bahawa penekanan kepada perubahan tingkahlaku seseorang merupakan kayu ukur berlakunya proses pembelajaran.

1.11.5. Pembelajaran Abad ke-21

Dalam era moden ini, warga pendidik harus mengamalkan Pembelajaran Abad Ke21 yang lebih dikenali sebagai PAK21. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi tumpuan dan mengamalkan PAK21 pada tahun 2014. Negara kita perlu bersaing dengan negara maju dalam bidang pendidikan yang berkembang pesat yang seiring dengan ledakan globalisasi.

Warga pendidik berperanan dalam usaha melahirkan sahsiah yang positif dikalangan murid. PAK21 lebih berpusatkan kepada murid. Oleh itu kemahiran PAK 21 memfokuskan kepada unsur komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti, nilai dan sahsiah. Kesemua unsur ini diterapkan melalui 47 aktiviti yang terdapat dalam PAK21 iaitu fun and talk, gallery walk, role play, hot seat, peta i-think, inside outside circle, match mine, round Robin, ralley Robin, round Table dan sebagainya. Oleh itu, warga pendidik perlu menerapkan segala kemahiran yang terdapat dalam PAK21 dikalangan murid untuk berdaya saing dalam dunia teknologi ini.

Menurut Ainun Rahmah Ibrahim (2017), warga pendidik yang mengajar bahasa perlu mengimplementasikan unsur-unsur yang berkaitan dengan arus teknologi supaya tidak ketinggalan dalam dunia pendidikan moden ini. Aktiviti yang berkaitan dengan teknologi melahirkan murid yang berfikiran terbuka, inovatif dan kreatif dalam menjana idea yang jitu. Ini membantu mereka untuk mengasahkan ilmu pengetahuan mereka supaya bersaing dengan dunia Sains dan teknologi terkini.

1.11.6. Bahasa Tamil

Bahasa didefinisikan sebagai sistem rangkaian bunyi yang dihasilkan oleh alat ucap manusia. Menurut Kamarudin Hj Husin (1998), bahasa memiliki dua

pengertian iaitu alat yang dipakai untuk membentuk fikiran dan perasaan, keinginan dan perbuatan-perbuatan, alat yang dipakai untuk mempengaruhi dan dipengaruhi. Manakala kedua pula, bahasa adalah tanda yang jelas dari keperibadian yang baik. Mahupun yang buruk, tanda yang jelas dari keluarga dan bangsa, tanda yang jelas dari budi kemanusiaan. Bahasa merupakan satu sarana komunikasi verbal dalam kehidupan manusia. (Rahimah Hj Ahmad, 2000)

Bahasa Tamil merupakan bahasa yang dipertuturkan dan ditulis oleh masyarakat India untuk menyampaikan maksud-maksud tertentu. Bahasa Tamil ini dituturi oleh penduduk Tamil di Tamil Nadu, Sri Lanka termasuk komuniti kecil dipelbagai negara. Secara umumnya terdapat sebanyak 74 juta penutur bahasa Tamil didunia dan menjadikan bahasa kelapanbelas terbanyak dituturi oleh pelbagai lapisan penduduk termasuk lebih kurang dua juta penutur di Malaysia. (Mahendran & Kartheges, 2014). Bahasa Tamil yang dikaji dalam penyelidikan ini merujuk kepada pengajaran BTSK kepada murid-murid aliran kebangsaan harian.

Pada pendapat pengkaji, bahasa ini merupakan alat komunikasi, maka dalam sebuah negara multi etnik, kita memiliki pelbagai bahasa. Setiap bahasa ini memiliki sistem dan vokal tersendiri. Bahasa-bahasa ini turut memiliki keunikan mereka tersendiri. Walaupun kita memiliki kepelbagaian bahasa namun dari segi pengajaran dan pembelajaran ia tetap menggunakan prinsip dan amalan yang sama kerana memiliki nilai ekonominya tersendiri. Maka wajarlah murid-murid sekolah menguasai setiap bahasa tanpa mengira agama dan bangsa.

1.11.7. Bahasa Tambahan

Bahasa tambahan merujuk kepada penawaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina Komunikasi di sekolah kebangsaan sejak 2003 menggantikan POL sebagai Bahasa Komunikasi. Bahasa Tamil Komunikasi ini ditawarkan kepada murid-murid pelbagai

kaum dan pengajar bahasa tambahan ini termasuk dalam jadual harian sekolah kebangsaan. Secara dasarnya bahasa tambahan ditawarkan kepada murid-murid pelbagai kaum yang ingin mempelajari Bahasa Tamil atau Cina.

Walaupun Bahasa Tamil Komunikasi melalui proses transformasi kepada BTKS dalam usaha memperkasakan sekolah kebangsaan. BTKS juga dikenali sebagai bahasa tambahan sejak tahun 2007. Sehingga kini BTKS, dalam sistem KSSR diajar dalam konteks modul elektif atau pilihan.

1.11.8. Guru Bahasa Tamil

Menurut Kim dan Kellough (1995) usaha mendidik anak-anak murid di alam persekolahan menjadi tanggungjawab seseorang warga pendidik sebagai pengajar yang holistik. Kepakaran warga pendidik melibatkan kepada penguasaan ilmu psikologi, pedagogi, ilmu duniawi dan memiliki sifat dinamik dalam proses interaksi dikalangan kelompok masyarakat. Pemilikan kepelbagaian kemahiran dikalangan guru dapat menyelesaikan pelbagai masalah kompleks.

Glasser (1998) menyatakan guru membawa erti orang terpelajar yang dapat mengajar orang lain. Guru yang terlibat dalam profesion perguruan memiliki perhubungan dengan kepelbagaian elemen ilmu, khususnya melibatkan sekolah dalam usaha mentransformasikan ilmu kepada anak-anak muridnya.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2008) guru yang mengajar Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan merujuk kepada guru-guru yang memiliki pengetahuan luas mengenai ilmu-ilmu Bahasa Tamil dengan memiliki kelulusan ikhtisas sekurang-kurangnya Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memiliki Bahasa Tamil sebagai (major). Guru-guru Bahasa Tamil yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah guru-guru

yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah kebangsaan (Tahun 1-6) di Negeri Selangor.

1.11.9. Sekolah Kebangsaan (SK)

Pemimpin negara kita berazam untuk menubuhkan sekolah kebangsaan (SK) yang akan menjadi lambang perpaduan rakyat berbilang bangsa. Hidup bermasyarakat, saling bekerjasama adalah antara ciri-ciri Pak21 yang membantu melahirkan rakyat yang setia dan tercinta. Sekolah Kebangsaan adalah tempat untuk generasi muda untuk meluahkan pendapat dan idea mereka.

Perkara ini dijelaskan oleh Aminuddin Baki dengan menyatakan seperti berikut:

"..... sekolah kebangsaan yang akan menjadi tempat kediaman sosial dan koperasi daripada generasi masa depan rakyat Malaysia dan tempat mereka akan dilatih dan dididik untuk menjadi warganegara Malaysia yang layak dan setia. Ia bertujuan mewujudkan sistem pendidikan yang boleh berfungsi sebagai tempat pertemuan sebenar anak-anak kaum yang berlainan. Ia bertujuan untuk mengetengahkan murid-murid berbilang kaumnya dalam seni "hidup, belajar, bekerja dan berfikir bersama", sehingga memberi mereka peluang untuk mengenali dan memahami antara satu sama lain dari zaman kanak-kanak. Kesalahan struktur pendidikan yang sedia ada dengan sistem multi-vernakularnya adalah dan ia menggalakkan pengasingan. Para lelaki dan perempuan dari kaum yang berlainan cenderung bersikap antagonis terhadap satu sama lain dan tidak diberikan peluang bertemu dengan orang lain yang sama terma mesra ".

(Aminuddin Baki, Penerbitan 1981: 34)

Penyata Razak (1956) jelas sekali menyatakan pendidikan merupakan alat utama dalam mewujudkan Integrasi nasional dan menyatupadukan masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) ini, SK merujuk kepada sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah harian yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa penghantar. Sekolah-sekolah ini

ditubuhkan sebagai sekolah aliran perdana bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia.”Sekolah Kebangsaan” erti sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan:

- i) Bertindak menyalurkan pendidikan asas rendah melibatkan murid-murid berumur 6 tahun.
- ii) Menggunakan bahasa Melayu sebagai medium dan bahasa penghantar pilihan utama.
- iii) Subjek bahasa Inggeris menjadi subjek wajib teras.
- iv) Subjek bahasa Inggeris dijadikan subjek wajib di pelajari.
- v) Sekiranya terdapat lima belas orang murid dan ibu bapa dalam sesebuah sekolah inginkan bahasa Cina atau Tamil maka menjadi tanggungjawab pihak sekolah untuk melaksanakannya dan
- vi) Pihak sekolah harus melaksanakan bahasa-bahasa melibatkan kaum minoriti seperti orang asli atas alasan yang kukuh dan praktikal berbuat demikian dengan sokongan 15 orang ibu bapa murid di sekolah tersebut.

(Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Peraturan-Peraturan Terpilih, 1998)

Dalam penyelidikan ini sekolah kebangsaan terdiri daripada sekolah-sekolah di peringkat negeri Selangor. Kajian ini memberikan focus melibatkan 65 orang warga pendidik Bahasa Tamil di negeri Selangor.

1.12. Kesimpulan

Berdasarkan kepada objektif yang dinyatakan jelas menunjukkan kajian ini penting untuk dijalankan demi merungkai setiap soalan kajian yang dikemukakan. Pengkaji berpendapat, perlunya kajian berkaitan pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam

konteks pendidikan BTSK memandangkan subjek Bahasa Tamil sudah dilaksanakan selama 12 tahun.

Kajian berkaitan BTSK seharusnya diperluaskan pada masa akan datang kerana penguasaan bahasa tambahan memudahkan murid-murid berdaya saing dan menempuh kejayaan. Penguasaan kepelbagaian bahasa adalah satu keperluan dan kemestian di kalangan murid-murid dan untuk mencapai matlamat tersebut penambahbaikan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran harus dilaksanakan secara holistik.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1. Pengenalan

Penyelidikan ini bertujuan meninjau tahap dan permasalahan pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran BTKS di aliran kebangsaan. Memandangkan penyelidikan ini mempunyai kaitan dengan pelaksanaan pendekatan komunikatif, maka dalam bahagian ini penyelidik akan meneliti latar belakang termasuk amalan dan prinsip pendekatan komunikatif, teori pendekatan komunikatif termasuk melibatkan penyelidikan lepas dalam negara dan antara bangsa yang berkaitan dengan pelaksanaan pelbagai program bahasa. Menurut Mohd Majid Konting (1990) menyatakan masalah boleh dikenalpasti dengan penggunaan beberapa sumber. Sumber-sumber tersebut mempunyai kaitan antara deduksi teori-teori tertentu dan juga hasil karya. Sumber-sumber ini sekaligus dapat membantu dan mengukuhkan kajian pengkaji.

Kajian literatur ini berkait rapat dengan kepelbagaian bahan bertulis yang berkait rapat dengan tajuk kajian. Dalam bahagian ini, penyelidik akan melaksanakan ulasan menyeluruh melibatkan segala hasil kajian lepas yang diperolehi dari pengkaji-pengkaji lepas dan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh para penyelidik. Malahan ia membantu pengkaji untuk menghasilkan soalan-soalan dalam soal selidik untuk meneruskan kajian ini dengan lebih bermakna.

2.2. Prinsip dan Amalan Pengajaran Melalui Pendekatan Komunikatif

Dalam memastikan keefektifan proses pedagogi seseorang warga pendidik seharusnya bersedia untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu dan kualiti terhadap

permasalahan yang dihadapi dalam proses memastikan pendidikan yang lebih efektif dan Inovatif. Dalam hal ini seseorang guru haruslah memahami konsep-konsep pendidikan bahasa berdasarkan konteks amalan dan prinsip pengajaran. Prinsip merupakan pegangan guru dalam proses pengajaran bahasa. Prinsip pengajaran bahasa ini berdasarkan kepada sesuatu pemikiran, kajian dan impak daripada sesuatu teori. Prinsip pengajaran juga amat berkait rapat dengan dapatan teori-teori pemerolehan bahasa. Pengkaji akan memfokuskan kajiannya terhadap prinsip dan amalan pengajaran bahasa menggunakan pendekatan komunikatif dalam membentuk seorang murid yang berketerampilan selaras dengan pendidikan abad ke21.

2.2.1. Latarbelakang Pendekatan Komunikatif

Pada masa sama wujud kepelbagaian cara atau pendekatan dalam proses pendidikan bahasa di peringkat sekolah. Guru-guru zaman kini, menggunakan pendekatan gramatikal yang berpusatkan kepada unsur-unsur linguistik. Secara umumnya pendekatan ini biasanya menekankan bagaimana bentuk-bentuk gramatikal di satukan dan menjadi ayat-ayat yang bermakna. Ahli-ahli bahasa tradisional beranggapan bahawa bahasa adalah dalam bentuk penulisan. Ahli-ahli ini lebih menekankan kepada penulisan berbanding dengan kemahiran lisan. Antara kelemahan ketara pendekatan-pendekatan tradisional adalah melahirkan murid-murid yang menguasai huraian bahasa tersebut tetapi gagal menggunakan bahasa tersebut secara efektif dalam komunikasi seharian. (Jefridin Bin Pilus,2002)

Manakala pendekatan komunikatif pula bertunjang kepada kepelbagaian konteks komunikatif seperti bercerita, pelaporan dan penyampaian informasi dalam konteks harian. Pendekatan ini lebih kepada penyerapan bentuk-bentuk gramatikal bagi tujuan komunikasi. Pendekatan komunikatif telah berkembang sejajar dengan

pelbagai permasalahan pengajaran yang bersandarkan kepada teori-teori bahasa seperti Behavioris, Mentalis dan Fungsionalisme. Pengkaji-pengkaji yang berminat dengan pendekatan komunikatif adalah H.G.Widdonson, C.J. Brumfit, K.Johnson, D.H. Hymes dan W.Littlewood. Kesemua mereka ini bersetuju dan bersependapat bahawa tujuan manusia mempelajari bahasa supaya mereka boleh berkomunikasi dengan lancar dan cekap dalam menyampaikan sesuatu maklumat dan informasi.

Kewujudan pendekatan komunikatif adalah disebabkan pendekatan-pendekatan bahasa yang lain bertumpu kepada penguasaan sesuatu bahasa dalam usaha membentuk struktur ayat yang sistematik. Hasilnya kebanyakan pelajar gagal dalam usaha penguasaan kebolehan berkomunikasi dalam menyatakan pendapat mereka sendiri walaupun mengetahui selok-belok tatabahasanya. Pengajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan adalah berasaskan kepada fungsi komunikasi. Fungsi komunikasi perlu di didik mengikut apa yang diperlukan oleh murid supaya boleh melaksanakan proses komunikasi dalam proses pengajaran dan kehidupan seharian. Dalam pendekatan ini murid-murid juga diajar dari segi struktur bahasa untukingkatkan kecekapan bahasa dan pengetahuan penggunaan bahasa sekaligus memiliki tahap komunikasi yang tinggi. Penggunaan dan amalan bahasa ini merupakan suatu proses memastikan murid-murid membentuk ayat yang tepat melalui ilmu dan hukum-hukum tatabahasa.

Kecekapan sosiobudaya pula bermaksud seseorang individu memiliki pengetahuan yang arif mengenai jenis peraturan yang menentukan sesuatu pertuturan yang sesuai dengan persekitaran sosial. Ia juga menitikberatkan tentang faktor menggalakkan seseorang berkomunikasi, seseorang yang diajar untuk berkomunikasi, segala maklumat yang mendorong sesuatu percakapan. Maka proses pendidikan pengajaran bahasa yang mengutamakan segala ciri di atas adalah

melahirkan penutur yang bijak menggunakan bahasa itu dalam sesuatu keadaan yang mengikut situasi dan sosiobudaya yang betul.

Kecekapan wacana bermakna memiliki ilmu duniawi tentang pengaplikasian ilmu bahasa dalam konteks wacana. Menurut Asmah (1984), wacana merupakan sistem bahasa yang memiliki elemen-elemen luaran daripada sistem bahasa. Ia memberi sumbangan dalam petuturan atau penulisan yang bermakna dalam proses komunikasi.

Pengaplikasian pengajaran berbentuk komunikatif wujud akibat daripada kewujudan kelemahan daripada teori-teori pembelajaran bahasa yang sedia ada seperti pendekatan yang berorientasikan kepada penterjemahan situasi dan audio visual. Amalan pendekatan-pendekatan ini gagal mewujudkan peluang kepada murid untuk mendalami dan memahami sesuatu bahasa dan mewujudkan tahap komunikasi yang terhad melalui penggunaan ayat-ayat yang bersesuaian.

2.2.2. Konsep Pendekatan Komunikatif

Menurut Brumfit (1979), pendekatan komunikatif diklasifikasikan sebagai suatu pendekatan yang berfokus kepada penguasaan peraturan dan ciri dalam proses pengajaran sesuatu bahasa atau teknik yang perlu difahami oleh seseorang pelajar bahasa tambahan atau bahasa antarabangsa dalam konteks komunikasi seharian. Beliau juga berpendapat pembelajaran tidak harus bertumpu kepada penguasaan tatabahasa semata-mata dalam melahirkan ungkapan ayat yang tepat. (Abdul Rahman Abdullah, 2009)

Littlewood (1992) menjelaskan amalan komunikatif berpusatkan kepada proses pendidikan bahasa dalam usaha melahirkan amalan komunikatif di kalangan pembelajaran bahasa secara efektif tanpa menumpukan kepada aspek tatabahasa

semata-mata. Dengan perkataan lain, pendekatan komunikatif tidak tertumpu kepada unsur ketulenan struktur ayat sahaja tetapi turut memberi tumpuan kepada sumbangan yang boleh disumbangkan oleh bahasa semasa proses komunikasi.

Menurut Richards dan Rodgers, (1986) antara intipati yang menjadi kayu ukur kepada amalan dan prinsip proses pengajaran bahasa secara komunikatif adalah dengan memberikan tumpuan kepada fungsi bahasa bersama dengan unsur penstrukturan ayat. Richards dan Rodgers seterusnya menambah bahawa kepentingan bahasa menurut perspektif komunikatif ialah:

- i) Penggunaan sesuatu ilmu bahasa merupakan sistem yang bakal akan membentuk sesuatu maksud.
- ii) Peranan bahasa yang utama adalah untuk interksi dan berkomunikasi antara satu sama lain.
- iii) Struktur bahasa menggambarkan fungsi dan kegunaan komunikasi perbualannya.
- iv) Fundamental asas kepada sesuatu bahasa tidak terhad kepada aspek tatabahasa dan struktur bahasa sahaja, malahan ia melibatkan kepelbagaian fungsi dan maksud komunikatifnya.

Menurut Muhammad Azhar Zailani (2007) pula berpendapat bahawa pendidikan bahasa berdasarkan amalan komunikatif adalah berdasarkan kepada pendekatan elektif memandangkan proses pembelajaran ditentukan atas sandaran sejauhmanakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan meningkatkan tahap penglibatan murid dalam proses penggunaan bahasa yang sebenar dan bermakna.

Jelas sekali melalui pendekatan komunikatif murid-murid bermatlamat mempelajari bahasa untuk berkomunikasi melibatkan individu dalam pelbagai konteks komunikasi. Maka konsep pendekatan komunikatif menitikberatkan

kecekapan berkomunikasi dari aspek sociolinguistik dan tatabahasa supaya melahirkan ayat yang betul dalam pertuturan.

Malahan proses pembelajaran BTSK, menyarankan agar pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan proses pembelajaran memusatkan murid. Pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam BTSK bersesuaian kerana ia melahirkan murid yang berdaya saing, holistik dan melahirkan seorang individu yang berketerampilan dan seimbang dari sudut keintelektualan, naluri, fizikal dan perasaan. Melalui pendekatan komunikatif, murid-murid memiliki eksplorasi bahasa yang meluas sehingga dapat meluahkan pandangan dan idea secara efektif. Segala pengetahuan bahasa, kemahiran berbahasa dan pengalaman yang dimiliki oleh murid akan membolehkan mereka bersaing dalam dunia pekerjaan kelak.

2.3. Konsep Kecekapan Komunikatif

Pendekatan komunikatif ini memberikan penekanan kepada aspek kecekapan komunikatif di kalangan murid-murid dalam mencapai prinsip dan amalan pengajaran bahasa. Istilah “kecekapan komunikatif” menurut Brown (1980) merujuk kepada apa yang seseorang itu perlu tahu untuk berhubung dengan berkesan dalam sesuatu konteks atau situasi. Hubungan yang berkesan menurut beliau memerlukan bukan sahaja ayat-ayat yang betul dari segi tatabahasa tetapi juga yang bermakna dan sesuai dengan konteks yang digunakan.

Bagi Brown (1980), pengajaran bahasa bukan sahaja menumpukan kepada kecekapan linguistik tetapi juga terhadap kecekapan komunikatif. Menurut Brown lagi, objektif pendidikan bahasa adalah suatu proses untuk mencapai apa yang didefinisikan sebagai “kecekapan komunikatif”. Jelas sekali, objektif pencapaian inilah yang jelas menunjukkan perbandingan antara pendekatan komunikatif bahasa

dengan prinsip-prinsip pendekatan yang memberikan tumpuan kepada tahap kecekapan dan kekuatan linguistik dan struktural.

Pendapat Brown dipersetujui oleh Savignon (1983) yang menyatakan bahawa penguasaan keterampilan komunikasi dikalangan murid-murid adalah amat penting dan diperlukan sewaktu melaksanakan proses komunikasi. Situasi ini dapat dicapai seandainya tahap-tahap pendidikan murid dilaksanakan dalam situasi sebenar.

Menurut Richards dan Rodgers (1986: 34), pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa mempunyai dua matlamat penting iaitu:

- i) Dalam proses pendidikan bahasa penguasaan kemahiran komunikatif diutamakan.
- ii) Menghubungkan konteks bahasa dan elemen komunikasi dalam usaha mengukuhkan proses pengajaran termasuk kemahiran berbahasa.

Menurut Blair (1982: 28) kecekapan komunikatif ialah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berhubung. Seterusnya menerangkan bahawa kemahiran komunikasi merangkumi empat elemen yang terdiri daripada :-

- i) Penguasaan bahasa dari sudut tatabahasa dan penstrukturan.
- ii) Penguasaan bidang sociolinguistik yang merangkumi tahap keilmuan melibatkan cara-cara pengaplikasian dan pemahaman ungkapan bahasa yang tepat. Penggunaan haruslah berdasarkan kepada amalan sosial yang berkait rapat dengan taraf peserta, tujuan interaksi termasuk norma interaksi.
- iii) Perbualan, penguasaan topikal yang membolehkan peserta bertutur dalam pelbagai konteks seperti penggunaan kata-kata melibatkan situasi dan penerima yang berbeza.

- iv) Pengaplikasian strategi yang melibatkan penggunaan teknik pertuturan yang berkesan dan efektif. Penggunaan perkataan – perkataan seperti meminta, memohon maaf, berterima kasih, menjemput dan sebagainya merupakan antara perkataan yang luas dipergunakan dalam proses komunikasi.

Melalui kecekapan komunikatif yang dimiliki oleh murid-murid mereka akan memiliki tahap komunikasi yang tinggi termasuk keyakinan diri melalui cara ini kita dapat melahirkan seorang murid yang holistik sejajar dengan aspirasi dan wawasan negara.

2.4. Matlamat Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif diasaskan daripada konsep dan amalan teori yang mengklasifikasikan bahasa sebagai satu proses meningkatkan tahap komunikasi. Asas teori pendekatan komunikatif didasarkan kepada kertas kerja Hymes (1972) yang bertajuk “On Communicative Competence” yang merupakan reaksi terhadap teori “Kecekapan Linguistik” yang dianjurkan oleh Chomsky (1965:56). Kecekapan linguistik menurut Chomsky merujuk kepada hukum-hukum tatabahasa yang perlu:

- i) Seseorang penutur perlu memiliki perbendaharaan kata yang mencukupi untuk mengungkapkan idea dan perasaannya dalam kepelbagaian keadaan.
- ii) Seseorang penutur harus mengetahui perhubungan antara struktur linguistik bahasa dan fungsi maknanya.
- iii) Seseorang penutur perlu mengetahui hubungan antara bangsa dan kebudayaan serta aspek-aspek komunikasi kehidupan seharian.

Secara umumnya dapat dirumuskan di mana pendidikan bahasa berbentuk komunikasi lebih mengutamakan aspek peraturan bahasa atau cara-cara penggunaan sesuatu ilmu bahasa tersebut. Pada masa yang sama penggunaan tahap bahasa yang tepat diutamakan melalui proses komunikasi adalah untuk memberikan ruang dan peluang kepada murid-murid dalam mengaplikasikan unsur bahasa yang tepat dan mempraktikkan elemen komunikasi yang meluas dalam proses pembelajaran.

2.5. Prinsip-prinsip Pendekatan Komunikatif

Cole (1994) menumpukan kepada lima bentuk amalan yang dapat membantu seorang pendidik bahasa dalam membentuk kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa dikalangan murid-murid untuk memperluaskan penggunaan bahasa dalam bilik pembelajaran secara efektif dan berkesan.

Proses pendidikan bahasa memerlukan seorang guru bahasa merancang pelbagai jenis kegiatan aktiviti dalam usaha menggalakkan penggunaan bahasa untuk tujuan berkomunikasi. Sewaktu sesuatu topik diberikan, murid dijelaskan tujuan aktiviti tersebut. Pada masa yang sama kegiatan sebegini adalah amat penting dikalangan murid kerana aktiviti sebegini diperaktikkan dalam kehidupan seharian.

Seorang warga pendidik bahasa seharusnya mengajar secara holistik tanpa membataskan pengajaran kepada proses pembentukan ayat dalam usaha membentuk kepakaran komunikasi di kalangan murid-murid. Seorang pendidik bahasa harus mewujudkan keadaan yang kondusif di dalam proses mendidik anak murid mereka yang akhirnya membolehkan mereka berkomunikasi secara lancar melalui proses pengaplikasian bahasa yang dipelajari.

Peringkat komunikasi dikategorikan kepada jurang maklumat, pilihan dan maklum balas. Ketiga-tiga peringkat ini perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran

dalam usaha melancarkan proses komunikasi murid-murid di dalam pelbagai scenario atau konteks. Dalam kehidupan seharian proses komunikatif melibatkan dua atau lebih individu sekiranya wujud jurang maklumat. Jurang maklumat dapat didefinisikan di mana seorang peserta mengetahui sesuatu informasi berbanding dengan individu yang lain melalui proses komunikasi. Kita dapat menghapuskan jurang yang dimaksudkan. Dengan perkataan lain mereka akan berkongsi maklumat melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti komunikatif.

Di dalam bilik darjah, jurang maklumat merujuk kepada apabila seseorang murid atau guru mengetahui sesuatu yang murid-murid lain tidak mengetahuinya. Idea mengenai jurang maklumat ini adalah salah satu daripada dasar penting dalam pengajaran komunikatif. Guru mesti berupaya menyediakan latihan-latihan yang mengandungi jurang maklumat supaya berlaku komunikasi yang jitu dan bermakna. (Ainon Mohd Abdullah Hassan, 2002)

Pada masa yang sama peserta-peserta yang terlibat dalam proses komunikatif harus memilih apakah yang hendak diperkataaan dan cara-cara untuk mewujudkan idea termasuk penggunaan unsur-unsur linguistik baharu yang bersesuaian dengan amalan komunikatif. Peserta-peserta yang berkomunikasi mempunyai pilihan dari segi kata-kata dan bagaimana hendak menuturkan kata-kata tersebut. Di sini penutur mesti menggunakan bahasa yang betul dan tepat. Pilihan ini merupakan satu tugas yang sukar bagi murid-murid.

Jadi apabila aktiviti komunikasi wujud dalam situasi pembelajaran, ia harus mempunyai matlamat yang khas. Apabila seseorang murid berkata sesuatu kepada murid yang lain, ia mempunyai sesuatu maksud untuk menyelesaikan masalah kepada persoalan atau proses. Jawapan adalah bergantung kepada apa yang penutur

katakan. Dalam komunikasi sebenar, seharusnya terdapat maklum balas yang termasuk di dalam proses jurang maklumat dan pilihan yang telah dinyatakan di atas.

2.6. Amalan Teknik Pengajaran Bahasa Kaedah Komunikatif

Pendidikan bahasa memerlukan pengaplikasian kepelbagaian teknik. Teknik merupakan satu cara pelaksanaan sesuatu tugas. Dalam pendidikan bahasa aktiviti-aktiviti yang didedahkan oleh seorang gurubahasa dalam usaha untuk mencapai objektif pengajaran dianggap sebagai teknik. Sehubungan dengan itu Mahzan Arshad (2007) menyatakan pengaplikasian sesuatu teknik merupakan taktik atau kaedah yang dipergunakan pendidik bahasa untuk menghasilkan output yang cepat dan mantap dalam proses pendidikan bahasa.

2.6.1. Teknik Drama

Drama merupakan teknik yang berkait rapat dengan tingkah laku dan aktiviti gerakan tubuh yang melibatkan fungsi pelbagai deria, peniruan watak dan pelbagai tingkah laku yang melibatkan kehidupan seharian individu. Teknik drama melibatkan pergerakan tubuh badan, peniruan watak-watak, bentuk perlakuan yang meliputi semua kegiatan kehidupan manusia. Kajian Noah & Montfort, Nick (2003) menyatakan teknik drama merupakan penyatuan antara lakonan dan pengucapan ataupun lakonan yang merupakan peniruan watak-watak (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012). Teknik drama ini kerap digunakan dalam kaedah komunikatif. Ini merangsangkan minda murid-murid dengan menghubungkan perasaannya dengan matapelajaran yang dipelajari. Melalui teknik drama, demonstrasi murid akan menerap nilai-nilai murni dan semangat kecintaan negara.

Kajian Cage (1975), Reece dan Walker (1997) berpendapat bahawa terdapat kaitan antara kepelbagaian kaedah pengajaran dengan keadaan tertentu memudahkan

proses penerimaan maklumat yang efektif. (Noraini Idris & Shuki Osman, 2009) Justeru, guru bahasa menggunakan teknik ini sebagai bahan bantu mengajar untuk mempelbagaikan jenis pengajaran. Objektif dalam penerapan drama dalam pendidikan merupakan usaha untuk mendidik murid-murid untuk mengaplikasikan kepelbagaian elemen seperti bahasa, suara, unsur linguistik dan bukan linguistik. Manakala pergerakan tangan, kepala, mimik muka yang berkesan dalam interaksi bahasa, menyeronokkan murid dan membentuk sahsiah yang baik.

Melalui teknik ini, kemahiran murid yang terpendam dapat dikembangkan. Apabila murid-murid mendapat gambaran yang jelas melalui realiti, maka ia memudahkan mereka untuk mengingati fakta-fakta dalam matapelajaran bahasa. Lakonan murid mendapat sambutan yang hangat di kalangan guru dan murid. Dengan ini, jelas terbukti jika murid-murid mendapat latihan yang secukupnya mereka akan menonjolkan bakat yang terpendam. Oleh itu, cara ini memudahkan guru untuk menyampaikan isi pelajaran dan intipati kandungan dengan berkesan.

2.6.2. Teknik Permainan Bahasa

Alice Kaplan berpendapat bahawa permainan bahasa dapat meningkatkan keyakinan diri, komunikasi serta menyatukan para pelajar yang memiliki kepelbagaian potensi dan pengalaman. (Yahya Othman, 2005) Pengkaji memang setuju dengan pernyataan ini kerana penglibatan murid secara interaktif dalam permainan memperolehi pembelajaran bermakna melalui latihan intensif akan menjadi alat diagnostik. Murid-murid dalam pembelajaran bahasa harus mengaplikasikan pengetahuan ilmu bahasa yang sedia ada untuk memastikan segala tugas yang diberikan di selesaikan. Melalui cara ini, guru dapat memahami tahap pemahaman murid terhadap pembelajaran bahasa dan akan menyediakan aktiviti pengukuhan, pengayaan dan pemulihan.

Menurut Jean Piaget, aktiviti permainan dapat meningkatkan keupayaan berfikir dan memberi makna pembelajaran kepada kanak-kanak. (Kamarul Shukri Mat Teh, 2010) Oleh yang demikian aktiviti seperti kuiz, teka silang kata, penyelesaian masalah, meneka, sisip suku kata, menangka kekata, teka-teki, demonstrasi dan sebagainya harus dikendalikan dalam bilik darjah untuk meningkatkan tahap keintelektualan murid. Teknik ini berperanan dan bertindak menjadi unsur dalam memulihkan, mengukuhkan dan mengayakan murid dalam bilik darjah.

Kajian Margaret Williams menyatakan bahawa nilai sosial mula dipupuk dalam jiwa murid-murid semasa bermain (Axelson, 2006). Oleh itu untuk menyempurnakan aktiviti permainan berjalan secara teratur, interaksi dua hala digalakan. Secara langsung kanak-kanak mempelajari proses komunikasi melalui kemahiran bahasa dengan sahabat mereka. Tambahan pula, proses sosialisasi ini dapat meningkatkan kefasihan dan keyakinan murid-murid. Pengkaji memang bersetuju dengan pendapat Margaret Williams. Pada masa kini murid-murid harus didedahkan dengan segala jenis permainan bahasa kerana ia seronok dan meningkatkan kemahiran kognitif dan kreativiti murid.

Kajian Cratty (1985) menjelaskan pengaplikasian kepelbagaian mainan membolehkan murid-murid menimba pengalaman dan pembelajaran yang menyeronok termasuk mengembangkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012) Ini jelas terbukti permainan bahasa tidak membosankan dan menyediakan konteks pembelajaran yang luas dan terbuka kepada murid-murid. Apabila amalan teknik ini digiatkan dalam pendidikan bahasa, maka pembelajaran bahasa akan mengambil inisiatif tersendiri untuk meningkatkan pengetahuan bahasa lantaran proses ini sejajar dengan naluri

semula jadi mereka. Mereka akan menggunakan aplikasi teknologi maklumat untuk mendapatkan intipati yang relevan dengan bahasa dan bersedia untuk kelas yang akan datang.

2.6.3. Teknik Bercerita

Kajian Rahimah Hj Ahmad (2000), guru yang kreatif menggunakan teknik ini untuk menyampaikan isi pengajaran dengan mudah dalam minda murid. Teknik ini merupakan suatu cara yang amat digemari oleh murid kerana mereka mendengar cerita dari zaman kanak-kanak. Di mana murid-murid zaman kini suka mendengar cerita pada waktu malam (bedtime story). Pengkaji bersetuju dengan pendapat di atas kerana teknik ini memang sesuai diaplikasikan sewaktu proses mendidik di dalam bilik darjah semasa aktiviti pendidikan berlaku dalam keadaan seronok.

Pengkaji sendiri mengamalkan teknik ini semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa mendapat sambutan yang baik dari murid-murid. Mereka menjana pelbagai idea yang kreatif dan mempelajari nilai-nilai murni yang membentuk sikap positif keperibadian murid. Disamping itu aktiviti ini meningkatkan kefahaman murid terhadap isi pelajaran dan merangsangkan kredibiliti pendapat murid. Semasa bercerita, guru harus memastikan suara yang mendatar tidak menimbulkan kejemuan. Tambahan pula seorang pendidik haruslah bijak dalam menentukan tema penceritaan yang bersesuaian dengan tahap penceritaan yang bersesuaian dengan tahap umur, tahap kercergasan, tahap kecerdasan dan daya tarikan murid-murid dalam usaha menguasai kepelbagaian kemahiran bahasa seperti audio, perbualan, bacaan dan penulisan.

Oleh yang demikian para pendidik bahasa seharusnya menggunakan daya kreativiti dalam menggunakan gerak badan, mimik muka dan kawalan mata untuk menarik perhatian murid semasa bercerita. Guru itu harus mengkaji cerita dan

memasukkan aspek bahasa dan unsur moral dalam usaha mendidik dan mengajar secara efektif, dinamik dan beretika. Guru boleh menyampaikan isi pengajaran melalui proses lisan, tontonan, mendengar rakaman dan pementasan boneka dalam situasi yang lega. Pengkaji menggunakan foto bersiri, objek-objek sebenar, kad-kad imbasan sebagai bahan bantu mengajar untuk menyampaikan cerita yang mengandungi ayat sehingga cerita itu lengkap supaya murid memahami isi pengajaran. Pengkaji memang setuju bahawa suatu pengajaran akan berjaya jika guru menggunakan kaedah yang sepadan dan berkesan terhadap aktiviti pembelajaran.

2.6.4. Teknik Perbincangan

Takrifan Kementerian Pendidikan terhadap teknik ini ialah satu aktiviti yang melatih murid-murid untuk meningkatkan daya kreativiti dan mengulas pandangan mereka. (Kementerian Pendidikan 1996: 85). Menurut pendapat Abdul Jalil Othman, (2014) menyatakan bahawa apabila guru bertindak sebagai fasilitator dan murid berperanan memperolehi kepelbagaian ilmu dalam proses pendidikan di bilik darjah. Ia membawa keberkesanan dalam proses pendidikan. Oleh itu pengkaji amat setuju dengan penggunaan teknik ini dalam pengajaran bahasa yang bersifat komunikatif.

Teknik ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu perbincangan seluruh kelas termasuk melibatkan perkongsian dalam set-set kumpulan saiz kecil oleh para pelajar. Kumpulan kecil dipimpin oleh murid mendapat peluang untuk berkomunikasi terutama dalam aktiviti separa formal. Ini akan menajamkan aras pemikiran minda murid dan melatih kepetahan murid untuk bercakap serta menjana idea mereka.

Menurut Noresah Baharom (2005), kreatif ditakrifkan sebagai kebolehan mencipta, menghasilkan, mengembangkan idea baharu dan asli. (Adenan Ayob &

Khairuddin Mohammad, 2012) Kenyataan ini diaplikasikan dalam teknik ini di mana murid-murid dapat meningkatkan keyakinan diri untuk mengintegrasikan kepelbagaian idea yang tulen dan inovatif dalam aktiviti perbincangan.

Guru-guru bahasa memilih tajuk semasa yang bersesuaian dengan tahap murid untuk perbincangan. Warga pendidik mengagihkan para penuntut kepada beberapa pasukan untuk memudahkan pengagihan maklumat. Guru-guru akan membentuk murid-murid kepada beberapa unit yang kecil dalam bentuk kumpulan dan setiap murid akan mendapatkan isi kandungan melalui proses diskusi dengan ahli-ahli yang lain. Segala aktiviti dan penglibatan komunikatif di amalkan sepenuhnya secara aktif oleh murid-murid. Guru sebagai pembimbing, bertindak meninjau sesuatu kumpulan sewaktu proses perbincangan dilaksanakan selaras dengan prinsip dan amalan pengajaran komunikatif. Pada akhir perbincangan, murid-murid seharusnya menyediakan laporan kumpulan dan dicatatkan dipapan tulis mengikut keutamaan. Guru membantu murid untuk merumuskan hasil perbincangan. Boleh dikatakan bahawa teknik ini berpusatkan murid dan mentransformasikan ketrampilan murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

2.7. Implikasi Pendekatan Komunikatif Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa

Amalan pespektif komunikasi ini telah mempengaruhi ahli-ahli pendidik bahasa di Britain seperti H.G.Widdowson, W.Littlewood, P.Ur dan lain-lain. Mengikut pendapat mereka, untuk membolehkan seseorang itu menggunakan bahasa dengan cekap dalam proses komunikasi ia perlu mempunyai:

- i) Kecekapan linguistik iaitu mempunyai pengetahuan dari sudut struktur bahasa dan konteks penggunaannya.

- ii) Kecekapan berkomunikasi iaitu mempunyai pengetahuan mengenai implikasi sosial dalam pemilihan unsur-unsur linguistik yang dimilikinya semasa ia menggunakan bahasanya sebagai ahli masyarakat tertentu mengikut konteks dalam sesuatu situasi sosial tertentu.

Oleh yang demikian, guru bahasa harus menumpukan perhatian kepada kedua-dua kecekapan tersebut. Untuk mencapai kedua-dua kecekapan di atas, murid-murid seharusnya menguasai kebolehan yang berikut:

- i) Penggunaan unsur-unsur bahasa yang fleksibel dan yakin bagi menjelaskan tingkah laku, situasi dan perasaan berdasarkan keadaan sesuatu komunikasi di amalkan.
- ii) Pemilihan amalan bahasa yang tepat dari aspek konteks dan sistemnya sewaktu penggunaannya untuk perspektif komunikasi.
- iii) Membentuk kepelbagaian strategi pembelajaran bahasa dalam usaha penyampaian sesuatu maksud secara efektif dalam pelbagai situasi. Melalui cara ini murid seharusnya dapat membaiki dan memperbetulkan segala kesalahan penggunaan bentuk-bentuk bahasa dan strukturnya dalam mengaplikasikannya untuk tujuan komunikasi.
- iv) Menyedari maksud sosialisasi bahasa dalam konteks maksud yang dihasilkan melalui maksud linguistik.
- v) Setiap pengguna bahasa harus memahami 'rule of use' dengan memastikan penstrukturan bahasa yang betul tidak dapat diaplikasikan penggunaannya sepenuhnya tanpa pemahaman yang mendalam

Guru-guru bahasa tidak sahaja perlu mengubah cara pendekatannya tetapi juga pemilihan bahan, teknik dan aktiviti-aktiviti bahasa haruslah menitikberatkan kecekapan bahasa serta kecekapan berkomunikasi dengan berkesan dalam keadaan

sebenarnya. Aktiviti pembelajaran yang memberi ruang kepada murid-murid melibatkan diri secara holistik seperti 'task-based' dan penyelesaian masalah adalah lebih sesuai dijalankan daripada aktiviti yang berpusatkan guru. Amalan komunikasi memberikan tumpuan kepada unsur keefektifan dan kecekapan komunikasi kepada murid. Keefektifan komunikasi menghubungkan kekuatan berbahasa dengan segala kemahiran sosial diri yang diaplikasikan dalam konteks komunikasi dan perucapan.

2.8. Teori Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif bertumpu kepada amalan komunikatif dan perhubungan di dalam kelas sewaktu proses pengajaran. Amalan ini menggunakan penggunaan bahasa yang jelas dalam pendekatan komunikatif dan proses pembentukan sistem dan tatacara yang berkesan dalam pengajaran, melibatkan empat komponen utama kemahiran bahasa seperti audio, percakapan, bacaan dan penulisan.

Pendekatan komunikatif diasaskan berdasarkan kepada teori fungsi bahasa Halliday. Ahli-ahli bahasa memberi tumpuan yang setimpal terhadap peranan bahasa tersebut dalam mencapai objektif pendekatan komunikatif. Selain mengkaji bahasa dari segi strukturnya, bahasa dilihat sebagai media untuk berkomunikasi. Bahasa memiliki tiga fungsi utama dalam teori ini. Bahasa berperanan dalam menyatupadukan kepelbagaian pendapat melalui perkongsian pandangan dan pendapat. Fungsi bahasa juga bertindak menyampaikan maklumat dan meluahkan perasaan melalui komunikasi seharian. Pada masa yang sama fungsi bahasa juga bertujuan berinteraksi melalui partisipasi atau penglibatan peserta dalam proses komunikasi.

Pendekatan komunikatif merupakan proses komunikasi dalam melahirkan seseorang murid yang holistik dari segi kreativiti dan daya imaginatif. Terdapat dua

konsep penting yang menjadi asas kepada teori pembentukan pendekatan komunikatif iaitu konseptual amalan komunikatif bahasa dan pemerolehan bahasa. Menurut Toimah (2004) komunikatif berbahasa merupakan satu amalan pemindahan informasi melibatkan seorang insan kepada insan yang lain, satu kumpulan kepada kumpulan yang lain sehingga kedua-dua pihak memahaminya.

Pada masa yang sama beliau berpendapat konteks komunikasi yang tulen haruslah bermula di dalam bilik darjah atas tiga alasan. Pertamanya tahap keupayaan untuk berkomunikasi melibatkan kesemua bentuk dan corak perhubungan bahasa dan kebudayaan secara umumnya murid-murid menghadapi kesukaran untuk komunikasi kerana mereka dari keturunan yang berlainan.

Tahap kemampuan untuk komunikasi akan melalui beberapa peringkat. Dalam peringkat komunikasi murid akan memperolehi sesuatu ilmu apabila wujud tindakan komunikasi yang betul dan salah. Jelas sekali amalan kesalahan melibatkan bahasa merupakan suatu pembelajaran yang berturutan.

Ketiga, pengetahuan kemahiran untuk berkomunikasi bukan hanya melibatkan unsur daya ingatan semata-mata tetapi turut melibatkan tahap pemahaman bahasa dan penggunaan bahasa melalui struktur yang tepat dalam amalan komunikatif.

Pelajar-pelajar kurang fasih semasa berkomunikasi, ini kerana terdapat perbezaan dari segi latar belakang, budaya, agama dan bangsa. Kedua pemerolehan kemampuan untuk berkomunikasi perlu melalui beberapa peringkat. Dalam setiap peringkat murid memperolehi sesuatu fahaman keilmuan melalui pelbagai peringkat yang tepat. Melalui cara ini kesilapan penggunaan bahasa merupakan proses pembelajaran yang berkesinambungan.

Ketiga, pemerolehan kemampuan untuk berkomunikasi bukan melalui proses ikutan dan ingatan sahaja tetapi juga melalui proses kefahaman dengan penggunaan struktur-struktur bahasa yang berfungsi dalam konteks sosial.

Husin Hamdiyy (1982) berpendapat bahawa komunikasi bahasa melalui beberapa proses atau tahap. Menurutnya seseorang akan memiliki idea dalam pemikirannya untuk disampaikan kepada pelbagai pihak dalam bentuk mesej. Untuk itu, seseorang murid atau pelajar akan memilih perkataan, ayat dan wacana yang sesuai untuk disampaikan. Murid atau pelajar juga akan memilih sistem bunyi yang sesuai dengan perkataan, ayat dan wacana tersebut untuk penyampaian bahasa seperti intonasi dan tekanan bunyi. Apabila proses susunan idea-idea dalam pemikiran dengan cara penyampaian bahasa ini dimaksudkan sebagai proses menyusun isyarat (encoding).

Setiap mesej tersebut boleh disampaikan melalui dua cara, yang diklasifikasikan secara lisan dan tulisan. Komunikasi langsung iaitu lisan antara penyampai dan penerima, memiliki unsur kebebasan berkomunikasi. Dalam proses komunikasi lisan penyampai tersebut dipanggil sebagai penutur. Komunikasi seterusnya adalah secara tulisan melalui media kertas, maka penyampai dipanggil penulis. Mesej yang dihantar secara lisan atau tulisan kepada penerima adalah melalui peralatan atau saluran komunikasi tertentu yang dipanggil media. Semasa penghantaran atau penyampaian berlaku, ia akan menerima gangguan atau penyelewengan seperti bunyi bising dan sebagainya. Gangguan akan mengurangkan kualiti penyampaian maklumat secara keseluruhan.

Penerima secara aktif akan menerima mesej dalam bentuk bunyi dan mengaitkannya dengan sistem bahasa, konteks ayat dan pengalaman lalu. Ini dipanggil 'proses hurai isyarat' (decoding). Penerima yang menerima mesej lisan

dipanggil pendengar, manakala yang menerima secara tulisan pula digelar sebagai pembaca.

Berdasarkan model komunikasi yang dijelaskan terdapat empat kemahiran untuk komunikasi melibatkan empat elemen asas berbahasa seperti proses penulisan, pembacaan, pertuturan dan pendengaran. Ta'imat (2004) seterusnya telah menjelaskan perhubungan di antara keempat-empat kemahiran ini. Mendengar dan bertutur adalah aktiviti lisan berkaitan kemahiran bunyi yang memerlukan pendengar dan penutur berinteraksi secara terus. Membaca dan menulis adalah aktiviti tulisan yang mungkin terdapat jurang masa dan tempat di antara pembaca dan penulis. Mendengar dan membaca pula merupakan aktiviti menerima mesej dalam sesuatu proses komunikasi. Pendengar dan pembaca perlu menghuraikan isyarat yang diterima oleh mereka untuk mendapatkan kefahaman. Manakala bertutur dan menulis adalah aktiviti penyampaian mesej dalam sesuatu proses komunikasi. Penutur dan penulis perlu menyusun isyarat yang hendak disampaikan dengan sistematik.

Konsep kedua yang menjadi asas kepada pendekatan komunikatif ialah pemerolehan bahasa. Konsep ini diasaskan oleh Krashen (1979) yang mencadangkan murid-murid dapat mempelajari dan menguasai bahasa kedua mereka. Apa yang membezakan mereka dengan kanak-kanak kecil ialah kemahiran penyelesaian masalah yang membolehkan mereka memproses secara sedar tatabahasa bahasa kedua. Ini bermakna murid-murid mempunyai dua cara dalam mempelajari bahasa kedua melalui pemerolehan (acquisition) dan pembelajaran (learning), sedangkan kanak-kanak yang menguasai bahasa ibundanya hanya mempunyai satu cara sahaja iaitu melalui pemerolehan bahasa (acquisition). Oleh itu setiap pelajar yang di didik dengan pendidikan Tamil di sekolah kebangsaan harus memanfaatkan kedua-dua

cara ini iaitu pemerolehan dan pembelajaran dalam usaha menguasai objektif pembelajaran.

Berdasarkan kepada konteks ini Krashen dan Terrel (1983) memberikan tumpuan dalam usaha memahirkan tahap komunikatif dan pemahaman makna kerana komunikasi merupakan fungsi utama bahasa. Mereka juga menekankan kepada aspek menarafka bahasa untuk tujuan komunikatif dalam usaha menyalurkan maklumat. Dengan itu pengetahuan bahasa akan wujud apabila seseorang murid jelas dan faham akan bahasa kedua yang didedahkan.

Menurut pandangan Krashen dan Terrel (1983), sesuatu ilmu bahasa melibatkan unsur-unsur leksikal, struktur-struktur dan mesej. Leksikon yang melibatkan persepsi dan pengeluaran adalah penting untuk mengorganisasi dan menginterpretasi mesej. Pemerolehan bahasa adalah asimilasi semulajadi peraturan-peraturan bahasa dengan menggunakan bahasa tersebut untuk tujuan komunikasi. Ini bermakna keupayaan linguistik akan dapat dicapai melalui input yang mengandungi struktur-struktur yang boleh difahami (Comprehensible Input).

Input yang mengandungi struktur-struktur yang boleh difahami ini hanya dapat diperolehi melalui komunikasi. Oleh itu guru perlu mewujudkan situasi sebenar kehidupan dalam kelas dan meminta murid menjalankan aktiviti-aktiviti komunikatif. Dalam pelbagai situasi, murid dapat mempelajari bahasa. Melalui pendekatan komunikatif murid melalui pelbagai aktiviti komunikatif dapat menggunakan bahasa untuk kepelbagaian tugas komunikasi dan interaksi sosial bersama orang lain.

Ini bermakna pendekatan komunikatif adalah amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Menurut Littlewood (1981) melalui pendekatan komunikatif, pelbagai aktiviti komunikatif dapat menyediakan amalan-amalan

keseluruhan tugas (whole task practice). Pelbagai aktiviti melalui pendekatan komunikatif dapat meningkat motivasi dalam proses pembelajaran termasuk mewujudkan pembelajaran semulajadi (natural learning). Pada masa yang sama pendekatan komunikatif dapat mewujudkan konteks dan situasi yang menyokong pembelajaran. Keadaan ini adalah selaras dengan kurikulum BTSK yang memberikan tumpuan kepada kemahiran komunikasi.

Dalam pendekatan komunikatif, terdapat pelbagai aktiviti komunikatif. Littlewood (1981) membahagikannya kepada dua jenis, iaitu aktiviti prakomunikatif dan aktiviti komunikatif yang dijalankan secara berperingkat. Pada peringkat prakomunikatif, murid-murid akan dimahirkan dengan aspek kemahiran berkomunikasi separa, di mana kaedah latihan dilaksanakan berulang kali menggunakan pelbagai teknik.

Ia turut berkait rapat dengan aktiviti sesi soalan dan jawapan oleh murid yang memberikan peluang kepada mereka untuk melatih memahirkan mutu komunikasi dan lancar dari segi nahu sebutan bahasa mengikut struktur latihan aktiviti sebegini pada peringkat awal akan memahirkan murid dalam usaha memiliki pelbagai kemahiran untuk tahap seterusnya yang merupakan kegiatan komunikatif. (Littlewood, 1981)

Amalan komunikasi merupakan bentuk kegiatan yang mengaplikasikan kepelbagaian kemahiran komunikasi dalam proses melaksanakan interaksi. Semasa kegiatan ini dilaksanakan murid-murid sudah mendapat pendedahan terhadap pelbagai latihan prakomunikatif yang bakal akan digunakan untuk tujuan pertukaran idea dan informasi akan dilaksanakan oleh murid melalui pelbagai kemahiran dan pengetahuan yang sedia wujud. (Littlewood, 1981)

Secara dasarnya wujud dua jenis bentuk aktiviti komunikatif yang dapat diaplikasikan iaitu komunikasi berbentuk fungsian dan kegiatan interaktif sosial. Kegiatan komunikasi bercorak fungsian merupakan proses komunikasi yang bersandarkan kepada peranan dan obligasi yang melibatkan murid dalam usaha memenuhi jurang informasi.

Prinsip pendidikan bahasa komunikatif fungsian menetapkan peranan guru sebagai pembentuk situasi atau permasalahan belajar dan murid-murid bertindak merungkai dan menyelesaikan masalah tersebut. Permasalahan atau situasi belajar akan menentukan proses perangsangan untuk berkomunikasi serta kayu ukur menjayakan kegiatan komunikatif. Segala aktiviti yang disediakan memberikan tumpuan kepada aspek unsur fungsi komunikasi bagi kegunaan bilik darjah. Secara keseluruhan, keberhasilan aktiviti komunikatif amat berkait rapat dengan kemahiran dan kebolehan murid untuk menyesuaikan diri dalam sesuatu situasi komunikatif.

Littlewood (1981) menyatakan kegiatan interaktif sosial merupakan kegiatan yang menggunakan bahasa dalam keadaan yang menyerupai dengan proses penggunaan bahasa dalam konteks benar. Dengan ini seseorang pendidik bahasa seharusnya mentransformasikan konteks penggunaan bahasa di dalam proses pengajaran bilik darjah. Pendidik bahasa wajar menjadikan bilik darjah sebagai persekitaran sosial untuk mencapai tahap sosialisasi yang tinggi.

Komunikasi fungsian yang dicadangkan oleh Littlewood (1981) menggariskan kriteria atau panduan-panduan yang berkaitan dengannya. Komunikasi fungsian ini adalah berdasarkan kepada Model Harmer (1983) dan Johnsan (1982). Penyelidikan ini bakal akan menerapkan ciri-ciri yang digariskan oleh Harmer (1983) dan Johnsan (1982) sebagai panduan untuk melihat pelaksanaan dan pemahaman pendekatan komunikatif oleh guru BTSK di negeri Selangor.

Harmer (1983: 46) telah bertindak menerapkan enam ciri-ciri berikut :

i) Hasrat sesuatu unsur komunikatif. Kegiatan komunikatif haruslah mengungkitkan matlamat untuk berkomunikasi dikalangan murid-murid dan guru-guru. Guru-guru harus menyediakan aktiviti-aktiviti yang dapat membuka ruang yang luas kepada murid-murid untuk berkomunikasi dalam konteks pembelajaran. Aktiviti pembelajaran yang berperastasi tinggi murid-murid akan bertindak untuk berkomunikasi dengan terbuka. ii). Tujuan komunikasi. Aktiviti dalam pendekatan komunikatif hendaklah melibatkan murid-murid secara langsung untuk melaksanakan kegiatan komunikatif yang tulen dan tidak terhad kepada praktis bahasa semata-mata. Maka perlu mewujudkan jurang perbezaan maklumat atau ilmu melibatkan ahli-ahli dalam proses komunikatif yang lebih dinamik.

Manakala kriteria ketiga pula menggariskan kandungan mesej dan tidak melibatkan aspek struktur bahasa. Proses melaksanakan kepelbagaian aktiviti, murid-murid perlu memfokuskan tumpuan kepada mesej yang ingin disalurkan atau disampaikan. Oleh yang demikian setiap murid harus memberi tumpuan terhadap maklumat atau informasi yang hendak di salurkan atau dipraktikkan dan tidak menumpukan sepenuhnya kepada struktur-struktur bahasa dalam penyampaian sesuatu maklumat.

Kriteria keempat pula terdiri daripada pelbagai bentuk atau struktur bahasa. Kegiatan aktiviti komunikatif akan memastikan murid-murid untuk mengaplikasikan kepelbagaian struktur dan bentuk bahasa. Murid-murid memiliki kebebasan untuk mengaplikasikan pilihan struktur bahasa yang hendak diaplikasikan. Kriteria kelima adalah menghadkan penglibatan pendidikan bahasa. Apabila sesuatu aktiviti komunikatif diamalkan, ia akan memberikan ruang kepada pelajar-pelajar dapat

berpeluang untuk berinteraksi sesama mereka tanpa sokongan dan pengawsan guru dalam bilik darjah. Dengan ini seseorang guru hanya bertindak sebagai fasilitator.

Seseorang guru hanya memainkan peranan dalam menilai dan membetulkan peranan dalam menilai dan membetulkan segala hasil aktiviti yang telah dilaksanakan oleh murid-murid secara berkumpulan. Penilaian yang bakal dilaksanakan adalah berteraskan kepada tahap pencapaian murid dalam penglibatan melalui proses komunikasi langsung dan tidak terbatas kepada penggunaan bahasa yang tepat semata-mata

Kriteria keenam adalah ketiadaan kawalan terhadap bahasa merupakan kriteria keenam yang diberikan keutamaan dalam model Harmer. Pendidik bahasa dalam bilik darjah tidak mempunyai kawalan bahasa dan bakal digunakan oleh murid itu sendiri diberikan kebebasan sepenuhnya untuk menentukan bahasa yang bakal digunakan. Kebebasan ini penting dalam usaha menggalakkan murid-murid mengutarakan pendapat mereka secara terbuka. Selaras dengan usaha untuk membentuk kemenjadian murid.

Manakala model Johnson (1982: 54) bertindak menyenaraikan lima elemen pendekatan komunikasi yang terdiri daripada:-

- i) Amalan memindahkan maklumat.

Amalan komunikatif merupakan suatu proses yang mengaitkan kepada kefahaman informasi yang diterima dan seterusnya melibatkan proses perpindahan maklumat yang diterima kepada media komunikatif grafik yang ditransformasikan kepada bentuk laporan. Kriteria kedua ialah proses komunikatif yang berlaku sekiranya seseorang individu tidak mengetahui apa yang diketahui oleh pihak yang lain. Oleh itu individu lain dalam usaha memperolehi maklumat atau informasi akan


melibatkan diri dalam proses komunikasi. Melalui cara ini jurang maklumat dapat dikurangkan antara kedua-dua individu tersebut.

Prinsip pengurangan jurang maklumat. Kewujudan proses komunikatif akan wujud sekiranya pihak A tidak jelas dan faham dengan apa yang diketahui oleh pihak B. Dalam usaha memperolehi informasi, pihak A akan mendapatkan informasi atau bertanya pihak B dalam usaha pengurangan jurang maklumat melibatkan kedua-dua individu tersebut.

Seterusnya ketiga ialah aktiviti komunikatif juga dapat dilaksanakan melalui cantuman benda berpisah. Melalui proses cantuman ini dapat mengumpulkan maklumat yang terpisah dalam menyempurnakan sesuatu tugas. Manakala kriteria keempat pula merupakan prinsip kebergantungan tugas. Keadaan ini melibatkan hubungkait dalam proses pelaksanaan komunikasi. Dengan ini sesuatu hasil kerja akan dilaksanakan melalui penyelesaian hasil kerja yang sebelumnya dalam memastikan kejitian proses komunikasi.


Akhirnya yang kelima ialah penilaian seseorang guru di fokuskan kepada bahasa yang dituturkan oleh murid sewaktu berkomunikasi dalam menjalankan tugas. Walaubagaimanapun seseorang guru dalam sesuatu peringkat atau tahap boleh membetulkan ketepatan tatabahasa murid. Melalui cara ini, ia akan meningkatkan proses pembelajaran bahasa di kalangan murid.

Pelaksanaan pendekatan komunikatif oleh guru-guru BTSK merupakan fokus utama kajian ini dan sejauhmanakah guru-guru BTSK di Negeri Selangor memahami pendekatan ini secara menyeluruh dikaji menggunakan model-model yang diutarakan sebelum ini.



Rajah 2.1 Asal-Usul teori pendekatan komunikatif

2.9. Kerangka Teori Pendekatan Komunikatif



Rajah 2.2 Kerangka Teori Model Pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Komunikatif

Dalam aktiviti komunikatif, pelajar-pelajar harus diberi peluang melibatkan diri dengan individu yang cekap menggunakan bahasa. Mereka harus diberi peluang dan galakan dalam mengukuhkan aspek-aspek bahasa yang telah dipelajari, meningkatkan kemahiran serta menggalakkan pemikiran secara bebas di kalangan murid. Kebebasan dari sudut pemikiran akan membantu murid membangunkan dan mengembangkan idea termasuk mempergiatkan aktiviti komunikatif. Kebebasan komunikasi turut meningkatkan keyakinan diri murid dalam melaksanakan presentasi dalam konteks bahasa melalui keyakinan ini murid akan bertindak mempelajari kata dan kosa kata bahasa dalam membentuk struktur ayat yang menepati peraturan bahasa tersebut.

Untuk melahirkan tahap pembelajaran yang tinggi di kalangan murid-murid, guru harus memastikan murid-murid dilatih untuk menguasai kemahiran yang diperlukan dan aktiviti-aktiviti ini harus dilakukan melalui integrasi kemahiran-kemahiran lain. Aktiviti-aktiviti dalam proses pengajaran bahasa dalam pendekatan komunikatif perlu diintegrasikan dengan kemahiran seperti komunikasi, presentasi, mimik muka, pergerakan tubuh badan, tahap keyakinan presentasi dan pengaplikasian teknologi dalam usaha melahirkan tahap komunikasi. Amalan pendidikan bahasa melalui pendekatan komunikatif adalah berdasarkan kepada kerangka teori model pengajaran dan pembelajaran komunikatif Model Harmer dan Johnson.

Peringkat pertama dalam pengajaran dan pembelajaran pendekatan komunikatif adalah dengan menimbulkan rangsangan. Pada tahap ini seseorang tenaga pendidik seharusnya memberikan aktiviti berbentuk tugas. Segala aktiviti tugas yang diutarakan kepada murid adalah secara verbal (audio, rakaman, unsur bacaan warga pendidik atau murid-murid). Murid-murid harus sedar akan

tanggungjawab tugas mereka dan mengenalpasti maklumat yang diperlukan. Dalam peringkat ini tahap kemahiran konsentrasi dan pendengaran murid dipertingkatkan. Kemahiran ini amat penting dalam usaha murid memahami tugas yang bakal akan dilaksanakan melalui pemahaman ini, ia akan memudahkan urusan murid untuk merancang aktiviti tugas dengan lebih efektif dan efisien.

Strategi atau langkah seterusnya adalah, para pelajar terlibat dalam pelbagai latihan untuk mengembangkan perspektif mereka melalui penglibatan daya pemikiran dan transformasi minda. Dengan ini akan wujud pelbagai pendapat dan pandangan atau persepsi murid tentang perkara yang diperkatakan dan melihat dengan rasional dan kreatif. Dalam peringkat ini murid-murid diberi peluang berbincang sesama sendiri, bertukar-tukar idea, maklumat dan pengetahuan. Perbincangan boleh dilakukan secara berpasangan atau kumpulan. Peringkat ini meningkatkan tahap visualisasi murid dalam mengembangkan daya kreativiti murid. Perbincangan secara berpasangan atau kumpulan meningkatkan kemahiran kerja kumpulan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Perbincangan kumpulan akan memberikan peluang kepada setiap murid menghujahkan idea-idea mereka dengan menstrukturkan ayat menggunakan bahasa yang mudah difahami. Dengan kemahiran-kemahiran ini murid-murid akan memiliki tahap daya saing yang tinggi.

Dalam peringkat seterusnya murid-murid didorong untuk membina bentuk komunikatif yang diperlukan termasuk kemahiran-kemahiran yang hendak dicapai secara lisan, membaca atau menulis diberi perhatian. Pada peringkat ini murid-murid memiliki input yang mencukupi untuk melalui proses perbincangan. Murid-murid dididik dalam usaha pertukaran idea pelajar kepada elemen-elemen berbentuk komunikasi seperti laporan, pengiklanan, bercerita, berdialog dan pelbagai bentuk yang lain. Sekiranya murid hendak menyampaikan bentuk komunikatif melalui

aktiviti penulisan, murid-murid hendaklah di pandu membuat rancangan dan persediaan sebelum melaksanakan aktiviti tersebut. Pada masa ini seseorang guru harus menitikberatkan supaya mereka dapat melahirkan fikiran yang rasional bebas dan kreatif. Murid-murid bebas berbincang dengan rakan-rakan dan bebas mencari bahan-bahan dari bilik perpustakaan atau melalui penggunaan teknologi dan maklumat seperti VLE Frog, You Tube dan Google Classroom. Amalan-amalan sebegini akan meningkatkan tahap pengetahuan murid dan tahap keyakinan murid. Pengetahuan yang diperolehi oleh murid akan melahirkan seorang murid yang kreatif dan Inovatif selaras dengan matlamat Pendidikan Abad Ke-21.

Manakala langkah atau strategi seterusnya merupakan penghayatan sendiri, di mana murid-murid dikehendaki mengemukakan pelbagai elemen komunikatif yang difahami dan diwujudkan. Murid-murid berpeluang menjelaskan atau mengemukakan kepada rakan sepelajar dalam kumpulan sendiri untuk pendapat penjelasan. Keadaan ini memberi galakan kepada murid-murid untuk utarakan fikiran dan meninjau hasil rakan-rakan sekalian secara langsung akan menghasilkan komunikatif yang lebih efektif dan efisien antara murid-murid. Setelah selesai menyemak, hasil kerja kumpulan akan di serahkan kepada guru untuk penilaian akhir. Penghayatan sendiri akan bakal membentuk seorang murid yang holistik dalam menghadapi kepelbagaian cabaran. Ini adalah kerana murid-murid bertindak bertukar pendapat, idea dan menilai segala isi kandungan yang dibincang dan dibentangkan. Pada masa yang sama tahap pemikiran kritis di kalangan murid dapat di perkenalkan.

Sewaktu proses penilaian dan kejutuan dilaksanakan, guru menilai murid-murid dari aspek kreativiti dan imaginatif. Guru tidak digalakkan mencari kesalahan murid sehingga boleh menjejaskan minat mereka untuk terus belajar. Guru

seharusnya mengemukakan aspek-aspek positif untuk meningkatkan keyakinan murid. Guru juga harus bertindak sebagai motivator dan fasilitator kepada murid tersebut. Amalan guru sebagai pemudahcara adalah selaras dengan matlamat pendidikan yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara. Guru seharusnya mengemukakan kepelbagaian strategi dalam usaha mempergiatkan penglibatan aktif murid. Seseorang guru seharusnya memberikan komen membina dalam usaha menyemaikan matlamat pendekatan komunikatif dalam kalangan murid-murid BTSK.

Dalam proses melaksanakan penilaian, penekanan harus ditumpukan memberi focus dalam mewujudkan kepetahan, kedinamikan dan kejituan. Kejituan di sini bermaksud ketepatan seseorang murid itu menggunakan bahasa dan bercakap dengan jelas dan tepat tidak terkeluar daripada konteks. Kecekapan pula membawa maksud, di mana seseorang murid dapat menonjolkan tahap keilmuannya. Secara Inovatif melalui daya kreativiti dan imaginasi dalam penggunaan bahasa yang di dalamnya.

Selain itu penilaian juga boleh dilaksanakan oleh murid-murid dengan guru membentuk kumpulan-kumpulan untuk tujuan menilai. Biasanya peserta bertindak belajar dalam keadaan terbuka sekiranya kerja kumpulan itu ditegur atau mendapat perhatian dan pandangan rakan-rakan mereka sendiri.

Jelas sekali pendekatan komunikatif merangsangkan kecekapan gramatikal, sociolinguistik dan strategi komunikasi. Melalui pendekatan ini, matlamat untuk mengintegrasikan kesemua aspek tersebut akan tercapai. Pendekatan ini dilihat bersesuaian dalam usaha memahirkan seseorang murid berbahasa dan menanam minat mencintai sesuatu bahasa yang dipelajari. Apabila seseorang murid menguasai

sesuatu bahasa melalui pendekatan ini, maka tahap keyakinan murid akan meningkat untuk menguasai kepelbagaian bahasa.

2.10. Kajian-Kajian Lepas

2.10.1. Kajian-Kajian Dalam Negara

Penyelidik akan mengemukakan beberapa dapatan hasil penyelidikan yang telah dikaji berkaitan amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab atau bahasa asing, aspek pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran, analisis pengajaran dan pembelajaran karangan termasuk ayat, persepsi murid terhadap Bahasa Tamil, pelaksanaan bahasa-bahasa asing di peringkat rendah dan menengah. Hasil perbincangan terhadap dapatan kajian akan dijadikan panduan kepada pengkaji untuk membuat perkaitan dengan pelaksanaan pendekatan komunikatif oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan peringkat negeri Selangor.

Nordin Bin Halias (2016) dalam kajiannya “Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama” menjalankan penyelidikan ini untuk mengkaji penggunaan komunikasi nonverbal (KNV) dalam pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Beliau mengkaji tentang kedudukan motivasi, sikap pelajar dan hasil pembelajaran melalui model persamaan berstruktur. Penyelidikan beliau berbentuk kuantitatif. Data dipungut melalui soal-selidik yang melibatkan 750 orang responden di 5 buah sekolah menengah Arab.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat signifikan antara empat saluran yang menjadi penyumbang pada pembelajaran Bahasa Arab. Motivasi pelajar merupakan faktor utama dalam pembelajaran Bahasa Arab. Sikap murid yang berinisiatif untuk belajar juga menjadi dorongan dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Penggunaan

teknik yang relevan dan sesuai telah mewujudkan situasi pembelajaran Bahasa Arab yang berkesan. Beliau mencadangkan bahawa warga pendidik yang memiliki penampilan yang baik supaya murid mempunyai tanggapan positif untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Guru juga harus cekap dalam pengurusan masa, memiliki suara yang kuat supaya pelajar tidak bosan dan guru harus prihatin dengan persekitaran kelas yang kondusif. Pengkaji berpendapat bahawa watak warga pendidik lebih mustahak dalam memanjangkan sesuatu mesej kepada murid-muridnya. Oleh itu sebagai seorang guru harus memberi perhatian yang wajar dalam perwatakan serta personaliti mereka supaya proses komunikasi itu lebih berkesan.

Teh Hong Siok (2014) telah menjalankan kajian “Penilaian Kurikulum Pengajaran Bahasa Mandarin Komunikatif: Satu Kajian Pendekatan Iluminatif” yang melibatkan pelajar bukan penutur jati (non-native speakers) di Universiti Malaya. Kajian ini berbentuk kaedah pemerhatian kelas yang berupa kualitatif, temu bual, pengambilan nota dan rujukan dokumen kursus untuk mengumpul maklumat. Selain itu, tiga pensyarah Bahasa Mandarin dari Universiti Malaya turut menyertai kajian ini. Pengkaji telah menggunakan pendekatan iluminatif yang diasaskan oleh Parlet dan Hamilton (1972) untuk menilai pengajaran Bahasa Mandarin Komunikatif.

Dapatan kajian beliau mendapati bahawa pelaksanaan kurikulum Bahasa Mandarin komunikatif kurang menepati kaedah pengajaran Bahasa Mandarin seperti yang terkandung dalam kurikulum kursus. Ini disebabkan kurikulum kursus menegaskan penyertaan pelajar secara aktif dalam pembelajaran Bahasa. Namun pendekatan komunikatif kurang ditekankan manakala pengajaran pensyarah pula lebih cenderung kepada penjelasan dan pemberian informasi tentang Bahasa Mandarin untuk membetulkan sebutan sahaja. Tahap penglibatan pelajar adalah

kurang aktif kerana mereka tidak berpeluang untuk mempraktikan Bahasa Mandarin yang dipelajari.

Di samping itu, penyelidikan ini juga telah mengupas beberapa unsur lain yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran Bahasa Mandarin komunikatif di Universiti Malaya. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah dari segi kekangan masa, keadaan kelas yang tidak kondusif, kemudahan teknologi pendidikan dan keyakinan pensyarah. Pendek kata, kelemahan-kelemahan ini perlu diatasi untuk membolehkan matlamat komunikatif yang ditetapkan dicapai pada tahap yang memuaskan dan menyakinkan. Pengkaji memang setuju dengan pendapat Teh Hong Siok yang menyatakan keadaan kelas yang tidak kondusif dan kekangan masa dapat membantutkan pencapaian proses komunikasi. Kebanyakan sekolah di negeri Selangor mengalami masalah yang sama menjadi penghalang dalam menjayakan program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan ini.

Penyelidikan yang dilaksanakan oleh Nur Hayati (2013) bertajuk “Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Tugas dalam Mengajar Kemahiran Bertutur kepada Pelajar (*The Effectiveness of Task Based Learning Method in Teaching Students’ Speaking Skill*) mendapati bahawa Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas sangat efektif dalam pengajaran kemahiran sebutan. Beliau menyatakan bahawa murid yang dididik melalui cara tradisional tidak memperolehi keputusan cemerlang mendapati berbanding dengan murid yang belajar melalui kaedah pembelajaran berasaskan tugas. Penulis juga mencadangkan agar guru menggunakan Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas yang menggunakan kaedah komunikasi mewujudkan situasi kelas yang kondusif.

Pengkaji juga berpendapat penggunaan teknik dan pendekatan tugas dalam mengajar kemahiran bertutur dapat mengoptimalkan tahap komunikasi murid-murid.

Melalui pengajaran sebegini tahap komunikasi pelajar dapat dinilai dan dipertingkatkan dari masa ke semasa dalam usaha membentuk seorang pelajar yang holistik. Pengkaji berpendapat bahawa seorang pendidik harus menggunakan teknik penyampaian yang menarik untuk mencungkil bakat yang terpendam daripada murid-muridnya.

Manakala Abdullah Sukor Shaari (2013) telah menajalankan kajian tentang “Amalan Pendekatan Komunikasi dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Peringkat Sekolah Rendah: satu kajian kes meninjau kaedah dan cara yang diamalkan oleh pendidik Bahasa Melayu dalam pelaksanaan aktiviti komunikasi di dalam bilik darjah. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes melibatkan 3 orang pendidik dan 25 sampel murid tahap 2 (tahun 5) di sebuah sekolah kebangsaan di Negeri Terengganu. Beliau menggunakan prinsip aktiviti komunikatif Johnson dan Hamer yang menggariskan tujuh kriteria. Antaranya hasrat komunikasi, tujuan komunikasi, kandungan bukan struktur, kepelbagaian struktur bahasa, tiada campur tangan guru, tiada pengawalan bahan dan cantuman benda terpisah.

Hasil, penyelidikan menunjukkan tahap penglibatan murid adalah semakin aktif dalam aktiviti komunikatif. Didapati bahawa murid dapat bertutur dan berinteraksi dalam kelas. Guru memainkan peranan sebagai fasilitator dalam proses komunikatif dengan menyediakan bahan pembelajaran yang berkualiti. Ini dapat mempertingkatkan peluang untuk murid berkomunikasi. Ia juga memberi kesan terhadap aspek pedagogikal subjek Bahasa Melayu yang melibatkan pengimplementasian kemahiran audiotori dan pertuturan murid. Pengkaji berpendapat para pelajar lebih pro-aktif apabila terlibat dalam pelbagai situasi komunikasi berbentuk kumpulan. Ini jelas membuktikan bahawa pendekatan

komunikatif berperanan dalam usaha melahirkan peringkat komunikasi yang lebih efektif.

Hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kumutha (2013) yang berjudul “Analisis Penggunaan Ayat dalam Karangan Bahasa Tamil” mengkaji tentang kemahiran menulis, ciri-ciri karangan yang bermutu dan aspek-aspek lain yang berkait rapat dengan pengetahuan penulisan yang melibatkan penulisan yang berkualiti. Beliau telah mengumpul data melalui tiga kaedah iaitu soal selidik, temubual dan pemerhatian. Kaedah pemerhatian digunakan bagi mengukuhkan lagi dapatan yang diperolehi melalui kaedah soal selidik dan temubual. Kajiannya tertumpu kepada teknik penyampaian karangan, pengaplikasian teknologi dan komunikasi serta bentuk dan jenis ayat yang mudah dalam penulisan sesuatu karangan.

Beliau mencadangkan Amalan Teknologi Maklumat dalam Proses Pendidikan dapat memantapkan mutu penulisan dan minat murid dalam menghasilkan suatu karangan yang bermutu dan penggunaan teknik penulisan yang mudah membantu meningkatkan minat murid dalam menghasilkan karangan. Pengkaji juga mendapati pengaplikasian teknologi ICT dalam proses pedagogi turut meningkatkan tahap komunikasi dalam menjalankan presentasi tajuk-tajuk karangan. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan VLE- Frog memupuk minat pelajar dalam proses mempelajari kepelbagaian ilmu di dalam bilik pembelajaran.

Dapatan penyelidikan Vikneshwary Manoharan (2012) bertumpu untuk mendapatkan maklum balas berkaitan method kesopanan dalam proses komunikasi melibatkan pegawai atasan dan pendidik sewaktu melaksanakan sesuatu mesyuarat. Melalui mesyuarat ini beberapa method kesopanan dikenalpasti dalam konteks pendidik. 13 orang warga pendidik di pilih sebagai sampel kajian bagi tujuan kajian

ini. Beliau menjalankan penyelidikan di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang bertapak di Daerah Kulai, Johor.

Penyelidikan ini berorientasikan kepada kaedah tinjauan deskriptif. Penyelidikan ini merangkumi pegawai atasan dalam bidang pengurusan iaitu guru besar, guru penolong kanan pentadbiran, guru penolong kanan hal ehwal murid dan guru penolong kanan ko-kurikulum. Penyelidik melalui penyelidikan ini memperoleh dapatan terhadap teknik komunikatif. Kesopanan yang dipergunakan dalam kalangan pengurusan atasan. Pada masa yang sama, penyelidik mendapati pekerja-pekerja pengurusan meminta sesuatu permintaan menggunakan cara yang sopan dan meminta secara terus, tanpa bahasa kiasan. Penyelidikan ini juga mendapati dalam bidang pekerjaan, tenaga pendidik harus memiliki tahap dan kualiti komunikasi yang tinggi di peringkat dalaman dan luaran. Pengkaji mendapati bahawa strategi kesopanan memainkan peranan penting dalam proses komunikasi kerana ia membantu murid membetulkan kesilapan bahasa secara berperingkat-peringkat.

Atefeh Hadi (2012) telah meninjau penyelidikan yang bertajuk “Persepsi terhadap KPBBT: Kajian terhadap Pelajar Iran yang Mempelajari Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing” (*Perceptions of Task-based Language Teaching: A Study of Iranian EFL Learners*) telah berpendapat bahawa kebanyakan murid menyokong terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas yang diamalkan dalam persekitaran pembelajaran. Mereka sanggup menerima kaedah baru ini yang bersifat kolaboratif, berinteraksi, bermotivasi kepada pelajar. Namun ada segelintir kecil murid yang tidak menerima pendekatan ini. Mereka lebih terikat dengan amalan pengajaran yang berpusatkan tenaga pendidik atau konvensional.

Pengkaji juga mendapati guru-guru seharusnya bertindak sebagai fasilitator atau pemudahcara dalam memastikan kejayaan Kaedah Pengajaran Bahasa

Berasaskan Tugas. Amalan sebegini dapat meningkatkan keyakinan pelajar dan kemahiran berucap. Pengkaji turut menyokong pendapat Atefeh Hadi (2012), iaitu warga pendidik berperanan penting dalam melaksanakan tugas fasilitator dalam usaha mewujudkan amalan komunikatif yang aktif, sihat dan menerapkan nilai-nilai murni sewaktu proses komunikasi.

Ashinida Aladdin (2012) telah melakukan kajian yang bertajuk “Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab”. Beliau mengkaji penggunaan cara berkomunikasi Bahasa Arab di peringkat menengah untuk mengatasi masalah kekurangan leksikal. Kajian beliau membantu pelajar untuk menggunakan strategi komunikasi yang berkesan dalam Bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Kaedah temubual berstruktur digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Sampel kajiannya terdiri daripada enam orang pelajar tingkatan enam bawah dari sebuah sekolah menengah agama di Selangor.

Hasil penyelidikan pengkaji menggambarkan para pelajar tidak menunjukkan minat dan tumpuan untuk mengamalkan bahasa ibunda apabila menghadapi masalah leksikal semasa berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Beliau berpendapat bahawa sikap pelajar itu sendiri membantu mereka berkomunikasi apabila melanjutkan pelajaran ke Negara Timur Tengah. Beliau mencadangkan guru supaya membimbing pelajar dengan sistematik dalam proses komunikasi dan guru mempelbagaikan teknik pengajaran kemahiran bertutur. Kajian beliau turut mendapati pelajar memiliki tahap motivasi yang tinggi apabila berkomunikasi dalam Bahasa Arab walaupun menghadapi masalah kekurangan leksikal. Pengkaji berpendapat bahawa warga pendidik merupakan watak penting dalam mencungkil minat dan motivasi murid untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab.

Nor Fariza Mohd Nor (2009) dalam penyelidikannya berkaitan teknik dan strategi komunikasi yang diamalkan oleh para pelajar tempatan dalam proses mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Penyelidikan beliau berfokus kepada “Teknik dan Strategi Komunikatif yang diaplikasikan dalam melaksanakan proses komunikasi secara lisan wujud kepelbagaian aktiviti lisan seperti rundingan, debat, perjanaan idea pro dan kontra. Pada masa yang sama elemen interaktif dalam komunikasi turut di selidik oleh penyelidik dalam usaha memahami cara –cara strategi komunikasi memberikan sumbangan yang bermakna dalam menyelesaikan permasalahan sewaktu komunikasi dilaksanakan.

Kajian ini adalah berdasarkan kepada teori kajian bersifat strategi komunikasi yang berkait rapat dengan interaktif. (Interaction conceptual of various communication strategies). Pelbagai jenis peralatan telah digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada videografi, rakaman audio, temubual sampel, pemerhatian sewaktu kajian dan kajian berbentuk taksonomi digunakan dalam menganalisis strategi komunikasi iaitu Dornyei dan Scott (1977). Pengkaji berpendapat bahawa warga pendidik harus mempelbagaikan aktiviti seperti bercerita, drama, pidato, perbincangan, dialog, percambahan minda dalam menimbulkan hasrat murid untuk berkomunikasi.

Abdul Rahman bin Abdullah (2009) meninjau penyelidikan yang bertajuk ‘Kompetensi Komunikasi dan Strategi Komunikasi Bahasa di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor’. Penyelidikan ini melibatkan pelbagai sampel yang bertindak memberikan jawapan kepada soalan-soalan penyelidikan dan ujian kompetensi lisan Bahasa Arab. Penyelidikan ini melibatkan seramai 155 sampel responden pelajar-pelajar tingkatan 4 dari tiga buah sekolah agama peringkat menengah di negeri Selangor.

Penyelidikan ini bertujuan untuk menilai kepelbagaian jenis teknik dan strategi komunikasi yang diamalkan oleh para pelajar dalam usaha menyalurkan sesuatu intipati komunikasi tanpa sebarang masalah. Namun hasil kajian membuktikan bahawa tahap kompetensi komunikatif responden dalam Bahasa Arab lebih tinggi apabila peratus penggunaan strategi penghuraian dan strategi penghampiran berada pada paras yang tinggi. Beliau mencadangkan tiga strategi baru iaitu strategi kata serapan, strategi penjedaan dan strategi pengulangan yang tidak terdapat dalam Model Taksonomi Strategi Komunikasi Tarone. Melalui strategi-strategi tersebut seorang pelajar yang holistik dan berpandangan jauh dapat dibentuk. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Abdul Rahman bahawa guru harus memainkan peranan sebagai seorang kreatif dan inovatif supaya dapat mencungkil bakat pelajar-pelajar dalam aktiviti pendidikan bahasa.

Nazenin Ruso (2007) pula dalam kajiannya yang bertajuk “Pengaruh Pembelajaran Berasaskan Tugas di dalam kelas pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Asing (*The Influence of Task Based Learning on EFL Classrooms*). Hasil kajiannya menunjukkan wujudnya proses pendidikan bahasa yang menggunakan kaedah berbentuk tugas telah mendorong para pelajar menggunakan pelbagai method untuk mempelajari bahasa tersebut. Pembelajaran dan pengajaran bahasa yang berkonsepkan tugas membentuk pelbagai sistem belajar dikalangan pelajar. Pada masa yang sama methodology ini mendorong pelajar-pelajar terlibat secara aktif dalam meningkatkan proses pembelajaran bahasa.

Dapatan kajian terhadap 100 responden menunjukkan Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas membantu para pelajar menguasai kemahiran komunikasi dan meningkatkan tahap keyakinan diri. Antara kejayaan besar Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas, berjaya membentuk keperibadian pelajar

tanpa sebarang batasan komunikasi. Pemilikan tahap komunikasi yang tinggi akan menjamin peluang yang luas terbuka dalam menghadapi pelbagai persaingan globalisasi. Pengkaji bersetuju dengan kaedah yang menggunakan aktiviti task-based dan penyelesaian masalah yang sesuai dalam proses komunikasi.

Abdul Salam Bin Mohd Ibrahim (2007) pula dalam kajiannya bertajuk “Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah: Persepsi Guru-Guru Bahasa Arab di Melaka telah sebagaimana pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam kalangan guru Bahasa Arab. Hasil penyelidikan ini merupakan usaha untuk menilai sama ada hubungan antara pembolehkan pendedahan dan pemahaman terhadap pendekatan komunikatif dengan pelaksanaan itu sendiri dalam pengajaran Bahasa Arab. Para responden terdiri daripada golongan pendidik Bahasa Arab yang mengajar di sekolah-sekolah menengah negeri Melaka. Kajian berbentuk soal selidik dijalankan.

Hasil penyelidikan pengkaji membuktikan bahawa golongan pendidik seharusnya mengaplikasikan kaedah yang tepat dan efektif dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Warga pendidik harus berinovatif, kreatif dan berteknologi dalam mengendalikan pengajaran supaya pelbagai teknik baru yang menarik perhatian murid dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Dalam kajian ini, beliau mencadangkan supaya pembaharuan kurikulum dilaksanakan sejajar dengan konteks masa dan kehendak pasaran. Bahan bantu pengajaran yang berteknologi maklumat dan komunikasi yang sistematik dalam aktiviti pendidikan yang akan mewujudkan bilik pembelajaran yang bakal akan mewujudkan keadaan pembelajaran yang kreatif, inovatif dan efisien.

Pengkaji menyarankan bahawa faktor yang paling banyak mempengaruhi kejayaan pengajaran Bahasa Arab ialah kemahiran guru itu sendiri, sejauhmana

kemampuannya mengadaptasi kefahaman dan pengetahuannya terhadap pendekatan komunikatif dalam melaksanakan sesi pengajaran bahasa. Pengkaji berpendapat bahawa guru wajar mewujudkan aktiviti yang berunsurkan jurang maklumat dalam pendekatan komunikasi.

Hasil penyelidikan Jalinah Jaji (2006) yang bertajuk “Kaedah Alat Bantu Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua: Analisis Penggunaan Alat Linguaphone” mendapati amalan alat bantu mengajar hanya efektif dalam beberapa elemen sahaja seperti unsur bacaan, penggunaan kata dan Intonasi. Manakala unsur-unsur penggunaan alat bantu mengajar lain seperti percakapan, tulisan dan aspek bahasa berada pada tahap yang kurang memuaskan. Melalui teknik permainan bahasa, ia membolehkan seseorang murid fasih, petah berbahasa dan aktif dalam menyatakan pelbagai idea sewaktu berada dalam bilik darjah. Teknik permainan bahasa digunakan oleh tenaga pendidik dalam proses aktiviti pendidikan bahasa untuk merangsangkan seseorang murid itu berkomunikasi. Ia juga turut merangsangkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi secara aktif dalam bilik darjah

Aspek kerjasama diutamakan dalam permainan bahasa. Oleh yang demikian, teknik permainan bahasa bertindak meningkatkan tahap motivasi di kalangan murid. Setiap permainan bahasa yang dilaksanakan harus memiliki objektif dalam usaha meningkatkan keyakinan, pengalaman dan suasana dalam proses pembelajaran di bilik darjah. Melalui permainan bahasa murid-murid dapat bersuara dan menonjolkan keterampilan berbahasa berbanding method-method konvensional. Pengkaji dapat merumuskan bahawa murid diberi kebebasan untuk menyampaikan idea dan pandangan tanpa kawalan bahasa dalam pendekatan komunikatif.

Kajian yang dijalankan oleh Chellamal Bagavathy (2005) untuk “Mengatasi Kelemahan Murid Menguasai aspek Tatabahasa melalui Cara Permainan Bahasa”.

Antara permainan bahasa yang diamalkan oleh penyelidik berorientasikan kepada permainan berbentuk kuiz, percantuman kad dan latihan yang konsisten. Ahli-ahli behavioris berpendapat melalui latihan yang konsisten dan berterusan sesuatu perubahan besar dapat dicapai dari segi tingkah laku.

Hasil penyelidikan yang melibatkan 100 orang murid menggambarkan bahawa amalan permainan bahasa yang diamalkan bertindak membantu murid-murid dalam usaha mendalami unsur bahasa dan amalannya melibatkan pelbagai kata seperti kata sendi, hubungan, seru dan tanya. Beliau turut mencadangkan bahawa pendekatan permainan bahasa harus diperluaskan kepada murid-murid di peringkat tadika dan sekolah rendah dalam usaha membentuk asas yang kukuh dalam penguasaan bahasa. Pengkaji juga berpendapat melalui permainan bahasa murid-murid menguasai aspek tatabahasa dan tahap komunikasi.

Seman (2005) telah menjalankan penyelidikan kualitatif yang ditumpukan kepada komunikasi lisan semasa aktiviti pendidikan Komsas. Beliau mewujudkan satu model penyelidikan dengan penggabungan model pengajaran Allwright dan Bailey (1991) dan pendekatan Gumperz dan Herasimohuk (1973). Seman (2005) terlibat dalam penyelidikan berbentuk kualitatif yang difokuskan kepada komunikasi berbentuk lisan dalam pendidikan komsas. Penyelidikan kualitatif melibatkan lima orang sampel responden yang terdiri daripada para guru yang mengajar subjek Bahasa Malaysia dan penyelidikan ini juga melibatkan lima orang pelajar tingkatan empat. Kawasan penyelidikan ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Hulu Langat, Selangor.

Hasil penyelidikan beliau mengutarakan bahawa komunikasi lisan lebih tertumpu kepada tenaga pendidik berbanding dengan penglibatan murid yang terhad.

Memandangkan fokus pendidikan lebih tertumpu kepada aspek peperiksaan maka wujud halangan dalam proses penyampaian komunikasi dikalangan guru. Penyampaian dan perbincangan guru adalah lebih bertumpu kepada perbincangan komponen struktur dalam sesebuah karya. Penyampaian sebegini dilihat sebagai halangan dalam mewujudkan komunikasi dua hala melibatkan pelajar dan guru. Keadaan ini wujud kerana pelajar-pelajar hanya terlibat dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh seseorang guru. Hasil penyelidikan Seman (2005) segala proses komunikasi lisan diamalkan mengikut tahap dan proses pendidikan dan selaras dengan matlamat dan pendekatan yang diamalkan oleh warga pendidik.

Arman Md Rusoff (2004) pula meninjau pendapat para pelajar mengenai penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Mahaad Hamidiah, Kajang, Selangor dalam kajian yang berjudul “Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi”. Seramai 120 orang pelajar Bahasa Arab tingkatan empat yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah menjadi sample kajian. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapat maklum balas mereka.

Dapatan kajian beliau jelas menyatakan bahawa murid-murid yang terlibat dalam aktiviti komunikasi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Mereka menghadapi pelbagai halangan semasa melaksanakan pendekatan komunikatif dalam aktiviti pendidikan Bahasa Arab. Namun penglibatan guru dalam aktiviti komunikasi semasa proses pengajaran adalah pada tahap yang tinggi. Pengkaji mencadangkan bahawa dalam usaha meningkatkan penglibatan responden dalam aktiviti komunikasi guru harus mendalami ilmu pedagogi dan psikologi pelajar dalam mencapai maklumat pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga harus melaksanakan

strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dalam mewujudkan komunikasi dua hala untuk mencapai matlamat komunikatif. Namun pengkaji mendapati bahawa guru menghadapi kesukaran dalam menyediakan aktiviti lisan bagi murid yang memiliki tahap kecerdasan yang berbeza.

Hasil kajian Rozelan Baki (2003) ditumpukan untuk meninjau proses interaktif lisan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Penyelidikan ini adalah bersifat kaedah kualitatif di empat buah sekolah berasrama penuh terpilih. Penyelidik mendapati bahawa masalah kawalan kelas adalah berpunca daripada tenaga pendidik yang kurang aktif dalam melaksanakan interaktif secara lisan yang meluas bersama murid dan melibatkan para murid. Pada masa yang sama kepelbagaian jenis komponen interaktif lisan yang wujud semasa proses pendidikan Bahasa Malaysia telah ditinjau oleh Roselan (2003).

Tenaga pendidik menggunakan pelbagai bentuk interaksi lisan seperti interaksi lisan, penyoalan, penilaian, kawalan dan arahan dalam aktiviti proses pendidikan. Selain daripada itu penyelidikan Roselan menyatakan faktor pengalaman merupakan faktor utama tenaga pendidik dalam menguasai pelaksanaan interaksi lisan pengajaran. Rumusan kajian menunjukkan bahawa fahaman guru tentang perspektif interaksi lisan masih dalam bentuk konvensional walaupun tenaga pendidik didedahkan dengan pelbagai input dan teori perspektif pendidikan. Oleh yang demikian, pelbagai langkah dilakukan untuk menggalakan tenaga pendidik menggunakan perspektif pendidikan abad ke-21 dalam aktiviti pendidikan. Namun pencapaian pihak pentadbiran sekolah termasuk guru-guru pembimbing dapat mengubah senario pengajaran guru secara berperingkat. Pengkaji berpendapat bahawa warga pendidik kerap mengaplikasikan penggunaan teknologi digital dalam proses pendidikan sesuatu bahasa.

Amilrudin Isyak (2003) dalam penyelidikannya “Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di kalangan Pelajar Melayu” telah meneliti dan membuat analisis tentang strategi komunikasi. Pengkaji memilih seramai 70 orang pelajar dari kolej Kuantan yang menuntut dalam semester keempat sebagai sampel kajian. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti forum, perbualan telefon, lakonan, bercerita dan memberi taklimat merupakan antara aktiviti lisan yang telah dijalankan dalam kajian tersebut. Pengkaji merakam segala data dengan diketahui dengan jelas dalam segala aktiviti lisan. Tiga jenis strategi diutamakan dalam strategi komunikasi iaitu strategi komunikasi yang berunsurkan non verbal, strategi komunikasi yang berasaskan Bahasa Arab dan strategi komunikasi yang berasaskan bahasa ibunda.

Didapati terdapat sejumlah 475 kes yang menunjukkan penggunaan strategi perkataan yang tidak betul dalam aktiviti lisan. Antaranya terdapat 118 kes dalam strategi penjedaan dan strategi penghampiran serta strategi pengulangan mencatatkan jumlah kes yang sama banyak iaitu 72 kes. Namun strategi berasaskan bahasa ibunda merupakan jumlah yang sedikit daripada jumlah keseluruhan. Para penuntut lebih memberikan fokus kepada strategi-strategi komunikasi yang berbentuk Bahasa Arab dalam penyelesaian komunikasi.

Kajian khusus tentang pendekatan komunikatif dalam aktiviti pendidikan Bahasa Arab Komunikasi di sekolah menengah telah dijalankan oleh para penyelidik seperti Jefridin Pilus. Kajian yang dilaksanakan oleh Jefridin Pilus (2002) yang bertajuk “Penggunaan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu, Negeri Sembilan. Hasil kajiannya berkaitan pendekatan komunikatif di kalangan guru dan pencapaian di kalangan guru Bahasa Arab adalah pada tahap minimum.

Hasil penyelidikan mendapati bahawa tenaga pendidik memiliki tahap pemahaman yang sederhana dalam perspektif pendekatan komunikatif dalam aktiviti proses pendidikan Bahasa Arab. Analisis penyelidikan menyatakan pengalaman dan pendedahan tenaga pendidik dalam perspektif pendekatan komunikatif masih berada pada paras sederhana dan perlu ditingkatkan. Kebanyakan daripada responden menyatakan bahawa mereka kekurangan pengetahuan yang berkaitan dengan pendekatan komunikatif dari sudut teoritikal dan amalan pendekatan. Bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh tenaga pendidik, pengkaji telah menyarankan agar tahap pemahaman tenaga pendidik terhadap konsep dan aktiviti pendekatan komunikatif dipertingkatkan. Tenaga pendidik boleh menghadiri kursus jangka pendek dan jangka panjang, seminar serta pemantauan berterusan dari agensi pendidikan kerajaan dan pusat. Ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru dari masa ke semasa yang menuju pembelajaran abad ke-21.

Dapatan Kajian beliau dapat disimpulkan seperti berikut: pertama tahap pemahaman guru terhadap konsep pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Arab adalah sederhana. Kedua, tahap pendedahan guru terhadap konsep pendekatan komunikatif juga berada pada tahap sederhana. Ketiga tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di kalangan guru SMAP Labu, Negeri Sembilan adalah sederhana. Manakala yang keempat pula, masalah utama tenaga pendidik ialah kurang memiliki pengetahuan tentang perspektif komunikatif dalam kemahiran pengajaran bahasa berasaskan pendekatan tersebut. Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai petunjuk dalam usaha mengukuhkan aktiviti proses pendidikan Bahasa Arab di sekolah menengah menggunakan perspektif komunikatif. Pengkaji berpendapat bahawa guru sebagai fasilitator harus berusaha

untuk menambah ilmu pengetahuan dari masa ke semasa supaya tidak ketinggalan dalam alaf pendidikan abad ke-21.

Seterusnya Kulandasamy (1999) telah mengkaji “Persepsi Murid-Murid Tamil terhadap Bahasa Tamil: Keadaan Pengajaran Tamil dan Guru-Guru Bahasa Tamil di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Johor Darul Takzim. Beliau menjalankan penyelidikan soal selidik terhadap 40 orang responden. Masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah kurangnya data mengenai pengajaran pembelajaran Bahasa Tamil, kekangan masa, layanan guru, kurikulum dan latar belakang keluarga murid. Hasil kajian beliau dirumuskan seperti layanan guru yang berbeza menimbulkan rasa kurang puas hati dikalangan murid.

Pencapaian murid-murid ada pertalian signifikasi dengan guru-guru berbanding dengan pengajarannya, kurikulum yang diajar dan sosiologi yang digunakan. Dalam kajian beliau, menyarankan supaya setiap murid harus diberi layanan yang adil oleh tenaga pendidik, waktu yang diperuntukan untuk matapelajaran Bahasa Tamil harus ditambahkan supaya murid lebih mudah memahami dan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil. Pada masa yang sama kaedah pengajaran yang sistematik, kurikulum yang mudah dapat menggalakkan murid untuk mempelajari Bahasa Tamil di sekolah menengah. Pengkaji bersetuju dengan amalan jadual waktu matapelajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan kini namun tetapi tidak menyokong waktu pengajaran dan pembelajaran sebanyak 90 minit. Oleh kerana kekangan masa pnp tidak memberi kesan yang efektif kepada murid-murid. Mereka menghadapi kesukaran dalam mahirkan bahasa itu.

Mohd Misnan Jemah. (1999). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak. Pengkaji memilih seramai 20 responden penyelidikan. Responden terbahagi kepada

dua kategori. Kategori pertama merupakan penuntut tahap rendah yang belajar tingkatan satu manakala kumpulan kedua ialah penuntut tahap tinggi iaitu tingkatan tiga. Matlamat utama penyelidikan adalah untuk mengkaji pelbagai strategi komunikasi yang digunakan oleh penuntut semasa proses pendidikan.

Dapatan penyelidikan menunjukkan strategi komunikasi yang digunakan mengikut tahap penuntut adalah amat sesuai dan memudahkan mereka menguasai Bahasa Arab. Pengkaji juga berpendapat pengajaran dan pembelajaran bahasa secara umumnya menggunakan strategi komunikasi memudahkan proses penguasaan sesuatu bahasa secara berperingkat. Ketidakteraturan sistem peperiksaan bagi Bahasa Arab komunikasi sekolah menengah yang ada sekarang. Tidak menekankan aspek kemahiran komunikasi berbanding pengajarannya yang dilaksanakan bermatlamat untuk berkomunikasi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia harus menyediakan aktiviti 'task-based' dan penyelesaian masalah yang sesuai untuk semua guru Bahasa Arab.

Nik Mohd Rahimi (1999) dalam kajiannya "Bahasa Arab untuk Kemahiran Komunikasi: Satu Kajian tentang pelaksanaannya dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran. Di Abad ke-21 mendapati bahawa pelaksanaan Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi belum mencapai tahap maksimum, terutama sekali untuk peperiksaan. Seterusnya aspek gaya pembelajaran pelajar-pelajar Bahasa Arab Komunikasi yang mempengaruhi kejayaan mereka dalam mata pelajaran ini juga diperkatakan oleh sesetengah pengkaji. Antaranya Mohd. Misnan Jemali (1999) dalam kajiannya "Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak" mendapati bahawa gaya pembelajaran iaitu latihan, hafalan dan perbincangan mempunyai hubungan

yang positif dan sangat penting untuk meningkatkan pencapaian kejayaan Bahasa Arab Komunikasi peringkat Penilaian Menengah Rendah.

Nor Azwan Yaakob (1997) pula mengkaji tentang “Persepsi Guru dan Penggunaan Buku Teks di Sekolah Menengah di Lembah Kelang”. Kajian ini menumpukan perhatian kepada salah satu aspek yang berkaitan dengan bidang penerbitan iaitu buku teks sebagai produk penerbitan. Aspek yang diberi perhatian khusus ialah persepsi guru-guru tentang peranan dan pentingnya buku teks serta penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sejumlah 206 orang guru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor telah dijadikan sampel dan responden kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa buku teks yang dikaji berhasil melahirkan aspirasi negara yang berhasrat membentuk generasi yang seimbang dan dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan membentuk keperibadian pelajar dari sudut komunikasi. Pengkaji berpendapat bahawa buku teks memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dikalangan murid sekolah.

Krishnan (1997), dalam kajiannya ‘Teachers Perception of the Reading Comprehension Component of a Tamil Language Textbook’ pula telah memfokus kepada persepsi tenaga pendidik terhadap fahaman komponen bacaan dalam buku teks Bahasa Tamil. Penyelidikan beliau adalah berdasarkan kepada 80 orang responden di daerah Petaling Perdana. Beliau menggunakan buku teks Bahasa Tamil tahun enam untuk penyelidikan ini. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji tentang kekurangan yang terdapat dalam komponen bacaan yang merupakan aspek penting dalam dasar pendidikan negara yang mengutamakan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kelemahan dalam komponen bacaan akan membantutkan proses komunikasi dan tahap keyakinan komunikasi di kalangan murid-murid. Pengkaji

bersetuju dengan pendapat Krishnan bahawa murid-murid hilang minat dan motivasi mereka untuk berkomunikasi apabila mementingkan aspek penggunaan bahasa, bukan semata-mata kegunaan bahasa.

2.10.2. Kajian-Kajian Luar Negara

Terdapat beberapa kajian tentang pendekatan komunikatif yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji luar. Kajian yang dijalankan oleh Idah Faridah Laily (2013) yang bertajuk “Pendekatan Komunikatif dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia di SD/MI meninjau kemampuan dan kebolehan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Indonesia. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mengkaji cara berkomunikasi yang efektif dan efisien di kalangan pelajar, mengaplikasikan Bahasa Melayu Indonesia untuk memantapkan kepelbagaian ilmu duniawi, pembentukan diri secara holistik dari aspek insaniah. Penyelidikan ini melibatkan 40 orang responden. Kesemua sampel responden ini dikaji menggunakan kaedah soal selidik berbentuk kuantitatif.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat mengembangkan potensinya dengan sesuai berdasarkan kemampuan mereka sendiri, guru menyediakan tugas yang dapat mengembangkan kompetensi bahasa pelajar, tugas-tugas yang disediakan bersesuaian dengan kematangan dan kemampuan pelajar dan penglibatan mereka adalah secara aktif dalam pelaksanaan program kebahasaan. Pengkaji turut mendapati pendekatan komunikatif memberi peluang kepada mahasiswa untuk memberi pandangan yang luas, membina semangat untuk berkomunikasi dan memberi motivasi dalam pelajaran mereka. Pengkaji berpendapat bahawa guru sebagai agen sosialisasi mewujudkan hubungan sosial yang positif antara murid dan guru. Ini akan menggalakkan murid untuk berkomunikasi dikalangan mereka.

Anggun Kirana Putri (2012) mengkaji “Pendekatan Komunikatif dalam Peningkatan Keterampilan Komunikasi Bahasa Inggris Dilihat dari Sudut Motivasi Belajar Mahasiswa”. Kajian beliau menggunakan kaedah kualitatif melibatkan seramai 120 orang responden. Kajian beliau memfokuskan kepada perbandingan antara pengaruh dan perhubungan pendekatan komunikatif dengan pendekatan ekspositori dalam peningkatan kemahiran komunikasi Bahasa Inggris dan keterampilan berbicara Bahasa Inggris siswa dari sudut motivasi belajar mahasiswa.

Rumusan kajian adalah untuk meneliti adakah pengaruh pendekatan komunikatif dan pendekatan ekspositori dalam peningkatan kemahiran berbicara Bahasa Inggris. Pengaruh motivasi pelajar terhadap tahap kemahiran komunikasi Bahasa Inggris. Hasil dapatan beliau menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan melibatkan amalan belajar dan elemen motivasi dalam sistem pendidikan. Di kalangan mahasiswa memiliki kemahiran komunikasi Bahasa Inggris, motivasi pembelajaran yang rendah dan tinggi serta penggunaan pendekatan komunikatif dan ekspositori di kalangan responden. Pengkaji berpendapat bahawa pengajaran pendekatan komunikatif menimbulkan motivasi yang tinggi di kalangan murid untuk mempelajari sesuatu bahasa.

Nadhif Syihabuddin (2014), dalam kajian beliau mengenai “Penyelidikan Teoritik Amalan Komunikatif dalam Pendidikan Bahasa Arab” yang meliputi pelbagai cara dalam amalan komunikasi dan pengaplikasian pelbagai teknik pendidikan Bahasa Arab dengan mengaplikasikan pendekatan berorientasikan komunikasi. Pengkaji membuat rujukan perpustakaan (library research) melalui pungutan data dari sumber bertulis seperti majalah, surat khabar, bahan ilmiah dan sebagainya. Data primer dan sekunder dikumpul untuk tujuan dokumentasi. Pengkaji

menggunakan teknik analisis data deskriptif analitik dengan cara deduktif dan induktif.

Dapatan kajian beliau menjelaskan bahawa pengaplikasian amalan komunikasi dalam proses pendidikan Bahasa Arab dilihat sebagai usaha murni untuk memperbaiki kompetensi tahap komunikasi siswa. Penggunaan bahasa dalam situasi sebenar berkaitan dengan pengajaran bahasa yang menggunakan pendekatan komunikatif. Situasi benar ini berdasarkan kepada pelbagai sebab yang dikaitkan dengan perbincangan ahli-ahli yang terlibat, ruang kawasan dan masa berlangsungnya proses interaktif komunikasi bahasa. Pengkaji menghuraikan bentuk-bentuk komunikasi dan teori-teori berkaitan pembelajaran bahasa yang menjadi alat komunikasi di kalangan mahasiswa. Pelbagai bentuk komunikasi digunakan oleh golongan mahasiswa dalam pendekatan komunikatif di dalam pembelajaran Bahasa Arab sejajar dengan prinsip-prinsip pendekatan komunikatif.

Seterusnya ada kajian yang dijalankan berkaitan dengan penyemaian amalan komunikasi dalam proses mempelajari Bahasa Indonesia. Menurut Kentarsih Rabawati, M. Utama, M. Gosong (2013) yang telah menjalankan kajian untuk meninjau “Penyemaian Amalan Komunikasi” dalam pendidikan Bahasa Indonesia. Kajian ini melibatkan data-data primer yang terdiri daripada guru dan mahasiswa dan data sekunder seperti kurikulum pendidikan, pelaksanaan rancangan pelajaran dan hasil kerja mahasiswa. Penyelidikan ini melibatkan 80 orang mahasiswa sebagai sampel kajian di salah sebuah sekolah di Denpasar.

Penyelidik berpendapat golongan tenaga pengajar menghadapi pelbagai masalah dalam usaha menerapkan pendekatan komunikatif sewaktu pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa. Tahap pencapaian mahasiswa memang kurang memuaskan dari sudut penguasaan tahap komunikasi. Antara kelemahan yang

dikenal pasti adalah dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Indonesia, ketiadaan alat bantu pengajaran yang sesuai dalam proses pendidikan, kekangan waktu pengajaran dan pembelajaran, kurang penglibatan tenaga pendidik dalam proses komunikasi sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Kentarsih Rabawati (2013) bahawa peruntukan masa dalam jadual waktu perlu memadai dengan tajuk-tajuk yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran.

Irmayanti (2013) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Meningkatkan Keterampilan Berkomunikasi dalam Proses Pembelajaran Bahasa Indonesia melalui Pendekatan Komunikatif : Kelas V Sekolah Dasar Negeri Pasirbuah”. Tujuan kajian beliau adalah merupakan usaha murni dalam menaik taraf kualiti mahasiswa/siswi dalam aspek komunikasi. Pengkaji berpendapat penglibatan yang aktif dalam komunikasi akan meningkatkan keyakinan diri. Siswa lebih aktif melibatkan diri dan guru berperanan sebagai fasilitator dalam pendekatan komunikatif. Keterampilan berbicara berkemampuan untuk mengucap, mengekspresikan, menyatakan, menyampaikan fikiran, gagasan dan perasaan.

Pengkaji mendapati bahawa mahasiswa menghadapi masalah semasa berkomunikasi dalam proses pembelajaran bahasa. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kemampuan mahasiswa berkomunikasi dengan menggunakan pendekatan komunikatif di dalam kelas. Pengkaji mencadangkan bahawa mahasiswa lebih terampil dalam berbicara atau belajar di dalam menggunakan kaedah komunikatif di dalam kelas. Tambahan pula guru harus memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam membentuk proses wawasan pembelajaran Bahasa Indonesia. Guru juga berperanan untuk menilai dan mengukur hasil pembelajaran mahasiswa dan menentukan suasana pembelajaran yang lebih kondusif. Pembentukan situasi dan

proses pembelajaran berdasarkan prinsip komunikatif dapat membentuk kemahiran komunikasi mahasiswa, sekaligus memartabatkan sistem pendidikan negara. Hal ini dipersetujui oleh pengkaji bahawa keadaan iklim atau persekitaran pembelajaran membantu pelaksanaan pendekatan komunikatif secara lebih efektif.

Manakala Nur Zubaidah (2011), telah mengkaji kemahiran mahasiswa berkomunikasi dengan memberikan tumpuan kepada pembinaan dan pengembangan kemampuan komunikatif mahasiswa. Kajian beliau yang bertajuk “Pengimplementasian Amalan Komunikasi dalam Pendidikan Bahasa Indonesia untuk Mentransformasikan Minda Mahasiswa dalam Usaha Melahirkan Komunikator yang aktif”. Beliau berpendapat bahawa pengimplementasian amalan komunikasi adalah berdasarkan kepada konsep pemudahcaraan. Guru bertindak sebagai fasilitator dan mahasiswa bertindak sebagai “student centric”. Amalan pendidikan sebegini akan membantu para mahasiswa untuk melontarkan buah fikiran tanpa sebarang halangan dan batasan. Namun pengkaji mendapati, dalam proses pembelajaran Bahasa Indonesia pelajar-pelajar kurang dalam aspek kemahiran komunikasi. Pelajar-pelajar belum mahir dalam menguasai pelbagai kaedah pembelajaran pelajar dan hanya mahir dalam bentuk tugas dan ceramah. Terdapat juga kelemahan dari segi kelancaran bercerita, struktur ayat yang tidak lengkap dan pelajar kurang yakin untuk berkomunikasi. Pengkaji yakin bahawa mahasiswa harus diberi kebebasan untuk menyampaikan idea dan pandangan tanpa kawalan bahasa dalam pendekatan komunikatif.

Tareq Mitib Murad (2009) menjalankan kajian yang bertajuk “Kesan Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas untuk menguasai kepelbagaian kemahiran perbualan melibatkan para pelajar Palestin yang dididik dengan bahasa antarabangsa iaitu Bahasa Inggeris di Isreal dan tingkah laku mereka terhadap bahasa tersebut.

Penyelidikan ini melibatkan 37 orang lelaki, 54 orang perempuan yang berjumlah 91 orang responden. Tempoh masa penyelidikan adalah selama 90 hari.

Pengkaji bertindak menggunakan ujian sebelum dan selepas pertuturan yang bersandarkan kepada KPBBT untuk meneliti sikap penuntut sebelum dan selepas ujian. Penuntut diberikan beberapa set soal selidik untuk menjawab. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat unsur positif yang merangsangkan penuntut untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas meningkatkan keintelektualan dan rangsangan penuntut untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Keputusan menunjukkan kaedah ini sesuai untuk penuntut perempuan yang lebih efisien dalam proses petuturan berbanding dengan penuntut lelaki. Pengkaji memang bersetuju dengan pendapat Tareq Mitib Murad (2009) bahawa guru memilih perkataan dan ayat yang mudah untuk bacaan murid seterusnya digunakan dalam percakapan mereka.

Kajian Nasir (2007) yang bertajuk “Pendekatan Pembelajaran Bahasa Indonesia Komunikatif di SMA Negeri 3 Kota Metro Lampung” di Jakarta. Kajian ini dijalankan di SMA Negeri 3, Kota Metro Lampung yang melibatkan 257 responden dengan menggunakan teknik purpose sampling. Masalah yang dikaji oleh beliau adalah seperti tahap kecekapan komunikasi, pemahaman prinsip komunikasi dan menilai kesesuaian pendekatan komunikatif dalam menyelesaikan permasalahan komunikasi. Hasil kajian beliau menunjukkan pembelajaran Bahasa Indonesia memiliki prinsip-prinsip pembelajaran khusus, pendekatan komunikatif menekankan penggunaan Bahasa Indonesia dan pelbagai strategi penggunaan pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Nasir bahawa fasilitator harus mempelbagaikan aktiviti dalam menimbulkan hasrat murid untuk berkomunikasi.

In-Jae Jeon dan Jung-won Hahn (2006) dari Universiti Kebangsaan Mokpo, Korea telah menjalankan satu penyelidikan yang bertajuk “Meninjau Persepsi Guru EFL terhadap Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas: Kajian Kes di dalam Kelas di Sekolah Menengah Korea (Exploring EFL Teachers’ Perceptions of Task-Based Language Teaching: A Case Study of Korean Secondary School Classroom Practice). Dapatan penyelidikan mereka mendapati bahawa kebanyakan tenaga pendidik memiliki pemahaman yang baik terhadap konsep Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas. Namun terdapat segelintir kecil yang masih memiliki fahaman negatif dalam usaha pelaksanaan method-method dalam pendidikan bahasa berasaskan tugas sewaktu pengajaran guru di dalam kelas atau kuliah. Berdasarkan daripada 128 sampel kajian, sebanyak 117 mengamalkan metodologi Namun aktiviti kumpulan semasa proses pendidikan memang mencungkil hasrat murid-murid untuk berkomunikasi. Oleh itu, pengkaji bersetuju bahawa murid harus diberi kebebasan untuk menyampaikan idea dan pandangan tanpa kawalan Bahasa dalam pendekatan komunikatif.

Chen (2005) di Taiwan telah menjalankan kajian dalam usaha “Menilai Tahap Keefektifan Tugas Bahasa Inggeris dalam Elemen Bacaan dan Penulisan”. Kajian ini melibatkan 37 responden dalam kalangan penuntut di sekolah menengah yang mendalami Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Penyelidik bertindak mengedarkan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas berkaitan kerja kursus yang diberikan kepada setiap pelajar. Melalui kajian ini penyelidik berpendapat aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan tugas seperti kemahiran membaca. Pengkaji mendapati kemahiran membaca mendorong kepada pelajar-pelajar berkomunikasi tanpa sebarang perasaan rendah diri.

Gascoigre dan Robinson (2001) telah menjalankan kajian berkaitan persepsi murid Bahasa Perancis dan Sepanyol tentang tahap pencapaian mereka. Mereka telah menilai kedudukan dan bagaimana persepsi guru dan pelajar wujud dalam kelas bahasa antarabangsa tersebut. Kajian penyelidikan ini melibatkan sampel kajian sebanyak tiga puluh tiga individu. Kesemua mereka diedarkan dengan soalan-soalan soal selidik berbentuk tertutup dan terbuka di sebuah institusi pendidikan tinggi di Amerika Syarikat. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa penuntut-penuntut di Amerika Syarikat kurang arif dalam pencapaian bahasa mereka dan juga mereka lemah dalam menilai tahap pencapaian bahasa mereka. Pengkaji turut mencadangkan tahap berbahasa pelajar harus dipertingkatkan dalam memastikan peningkatan pencapaian individu dan memiliki nilai ekonomi di pasaran yang kompetatif. Pengkaji berpendapat bahawa murid diberi kebebasan untuk menyampaikan idea dan pandangan tanpa kawalan bahasa dalam pendekatan komunikatif.

Yasmashita (2000) telah menjalankan kajian berkaitan strategi yang diaplikasikan oleh pelajar antarabangsa untuk memahami kuliah, pengajaran dalam Bahasa Jepun di pusat pengajian tinggi Jepun. Penyelidikan ini meneliti strategi yang paling dominan digunakan oleh penuntut memahami kuliah dalam Bahasa Jepun adalah mendapatkan maklumat dari bacaan awal yang diamalkan sebelum memasuki dewan kuliah, hubungan akrab, hubungan pelajar dan pensyarah dan kaedah penyampaian pengajaran di dewan kuliah. Kajian oleh Yamashita menunjukkan bahawa persediaan awal sebelum memasuki dewan kuliah dan menjalankan tindakan susulan selepas kuliah merupakan pendekatan terbaik yang digunakan pelajar memahami kuliah. Yamashita juga merumuskan bahawa persediaan awal melalui bacaan dan perhubungan sosial memudahkan pelajar-pelajar menjalankan komunikasi menggunakan Bahasa Jepun, walaupun daripada latarbelakang

kebudayaan yang berbeza. Pengkaji bersetuju dengan Yasmashita bahawa penyediaan awal sebelum kuliah dapat memberi tumpuan untuk merancang dan melaksanakan pendekatan komunikatif supaya menimbulkan motivasi di kalangan murid.

Pengkaji seperti S.Pitt Corder (1999) pun telah melaksanakan kajian berkaitan teknik melaksanakan kajian berkaitan teknik komunikatif dari sudut bahasa kedua. “Strategics and Technique of Communication” merupakan tajuk kajian beliau dalam Bahasa Inggeris. Penyelidikan beliau menggambarkan bahawa sesuatu teknik atau strategi akan diamalkan oleh seseorang penutur bahasa kedua apabila wujudnya masalah untuk mentransformasikan sesuatu informasi.

Situasi ini wujud kerana penuntut kurang fasih dengan pengetahuan linguistik untuk memahami sesuatu maksud. Dalam keadaan ini seseorang penuntut dapat menggunakan dua kaedah sahaja iaitu menggunakan strategi mengelak atau terus bertutur walaupun wujudnya kesalahan atau kesilapan.

S.Pitt Corder menyarankan bahawa penutur bahasa harus memiliki kompetensi linguistik yang mendalam berbanding dengan pelajar bahasa kedua. Kekurangan ilmu linguistik di kalangan pelajar bahasa kedua merupakan halangan mereka memahami bahasa tersebut. Penutur asli yang sentiasa berada dalam keadaan ketidakseimbangan tidak memiliki tujuan (ends) dan pendekatan (means). Penutur-penutur bahasa kedua ini memiliki dua pilihan sahaja. Antara dua pilihan itu ialah penyampaian sesuatu maklumat dengan pengubahsuaian maklumat mengikut pengalaman pengetahuan linguistik atau menggunakan strategi perluasan sumber. Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa yang diajar menekankan kemahiran lisan dan komunikasi dua hala.

Seterusnya penyelidikan Tarone yang mengkaji strategi komunikasi yang berhubungan dengan strategi-strategi lain dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Contoh penyelidikan yang paling jelas ialah kajian perbandingan yang dilakukan antara strategi produksi, strategi pembelajaran dan strategi persepsi. Tarone (1983) berpendapat, golongan cendekiawan menggunakan strategi komunikasi sebagai satu usaha damai dalam satu keadaan tertentu. Struktur (*requisite*) makna tidak dikongsi bersama oleh penutur dan pendengar dalam hal ini. Tarone (1983) juga telah menjelaskan perbezaan antara strategi pengeluaran, strategi komunikasi dan strategi pembelajaran. Strategi pengeluaran amat berlainan sekali dengan strategi-strategi lain kerana tidak ada unsur tolak ansur dari segi makna dalam aspek interaksi. Tarone (1983) berpendapat bahawa strategi komunikasi adalah bersifat koperatif. Oleh itu, jika penutur dan pendengar gagal mempunyai pengetahuan linguistik yang sempurna namun perundingan makna amat diperlukan untuk membolehkan pendengar memahami dengan jelas maklumat yang ingin disampaikan.

Terdapat beberapa sebab bagi kewujudan jurang dalam sistem semantik dan sistem linguistik di antara penutur dan pendengar. Dalam dunia ini, terdapat kekurangan dari segi kemahiran linguistik leksikon sesuatu bahasa oleh pelajar bahasa kedua dan penutur asli. Seseorang individu boleh mengalami situasi kehilangan memori pada bila-bila masa sahaja semasa proses komunikasi. Maka strategi komunikasi dianggap sebagai satu perantara untuk mengatasi jurang dalam situasi komunikasi yang sebenar. Pengkaji bersetuju dengan pendapat ini kerana guru harus menggalakkan murid agar minat dan motivasi untuk berkomunikasi dalam bahasa masing-masing supaya tidak terbantut.

Claus Faerch & Gabriele Kasper (1983) dalam penyelidikan mereka yang bertajuk 'Plans And Strategies In Foreign Language Communications' mengutarakan

pandangan mereka terhadap strategi komunikasi. Mereka berpendapat bahawa strategi komunikasi Corder (1983) merupakan satu penyelesaian yang bijak untuk menyelesaikan masalah komunikasi dalam keadaan sedar untuk mencapai matlamat komunikasi. Mereka menyatakan bahawa terdapat dua jenis tujuan komunikasi iaitu tujuan yang mudah dicapai dan tujuan yang sukar dicapai oleh penutur. Mereka menyatakan strategi komunikasi yang ada dalam diri setiap penutur harus digunakan oleh mereka semasa menghadapi masalah sewaktu berkomunikasi.

Disamping itu, mereka juga menyarankan bahawa dengan usaha sendiri penutur boleh menyelesaikan sesuatu masalah komunikasi dengan bijak. Dalam hal ini, penutur harus membuat dua pilihan sama ada menyambung komunikasi dengan menggunakan strategi komunikasi atau menamatkan komunikasi dengan menggunakan strategi pengelakan tanpa mencapai tujuan komunikasi. Maka pengkaji berpendapat bahawa guru harus menyediakan aktiviti lisan bagi murid yang memiliki tahap kecerdasan yang berbeza. Ini dapat menjayakan proses pendekatan komunikatif.

2.11. Kesimpulan

Dalam arus globalisasi, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha membangunkan modal insan yang bermutu tinggi. Kurikulum Standard Berasaskan Sekolah (KSSR) yang diperkenalkan akan menjadi jentera utama dalam penghasilan modal insan yang sudah menjadi satu keperluan. Pada masa yang sama penguasaan kepelbagaian bahasa di utamakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Seseorang murid haruslah menguasai bahasa ketiga sejajar dengan matlamat kerajaan.

Memandangkan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik maka seseorang guru haruslah menentukan pendekatan dan teknik pengajaran yang mudah

diadaptasi oleh murid dalam konteks pendidikan prinsip dan amalan bahasa. Kemahiran melibatkan kepelbagaian bahasa di kalangan murid-murid membolehkan mereka berdaya saing dalam dunia global termasuk mencapai matlamat Kurikulum Bahasa KSSR yang digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sistem pendidikan masa kini menitikberatkan tentang pengajaran guru dan pembelajaran murid secara holistik. Bagaimanapun, tumpuannya adalah lebih kepada proses pembelajaran murid iaitu memenuhi kehendak mereka serta sesuai dengan kehendak masyarakat. Oleh itu sistem pembelajaran sekarang menjadi tanggungjawab murid kerana tugas guru bertukar dari pemberi segala maklumat atau ilmu kepada pemudahcara. Guru perlu menyediakan alat bantu mengajar dan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid.

Pada masa sekarang terdapat banyak aktiviti komunikatif dan pergerakan didalam bilik darjah untuk membolehkan murid-murid belajar bahasa dan melatih diri mereka menggunakannya. Bagaimanapun pada masa yang sama guru tidaklah hanya berdiam diri dan memerhatikan murid-murid menjalankan aktiviti di dalam bilik darjah. Guru mesti menyediakan rangka kerja yang meliputi bidang dan susunan pembelajaran tanpa menyusun struktur tatabahasanya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan

Bab ini menjelaskan kaedah kajian yang diaplikasikan untuk menjalankan kajian berkaitan amalan pendekatan komunikatif dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil aliran Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor. Menurut Mohd Majid Konting (2000) penyelidikan merupakan cara memperolehi pengetahuan baharu. Penyelidikan juga merupakan aktiviti teratur untuk mendapatkan maklum balas bagi proses penyoalan kajian yang dikemukakan tentang permasalahan yang hakikinya sudah dikenalpasti. (Ahmad Mahzan, 2005). Secara umumnya penyelidikan ialah suatu aktiviti yang teratur untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu persoalan kajian dan denganya suatu penemuan data, fakta dan ilmu baharu akan diperolehi.

Melalui penyelidikan ini pengkaji dapat mengupas dan mengkaji pelaksanaan guru terhadap pendekatan komunikatif dalam konteks pnp BTSK dan tahap pemahaman guru terhadap amalan pendekatan komunikatif dalam menentukan hala tuju pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Kebijaksanaan dan kebolehan penyelidik dalam menentukan cara-cara penyelidikan akan memastikan tahap dan mutu sesuatu penyelidikan. Pelbagai cara dan teknik dapat dipergunakan dalam usaha mengumpul informasi dan data statistik. Kajian dalam bidang Sains Sosial menggunakan dua kaedah dalam proses melaksanakan kajian bersifat kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji akan mengaplikasikan kutipan data berbentuk kuantitatif daripada responden yang terdiri daripada guru.

Kajian ini akan dilaksanakan secara deskriptif melalui cara tinjauan dalam usaha memperolehi data dan input yang holistik daripada sampel responden menggunakan kaedah soal selidik. Penyelidikan yang diaplikasi dalam kajian akan memperjelaskan segala soalan-soalan penyelidikan yang dikemukakan. Tumpuan perbincangan seterusnya akan merangkumi aspek-aspek seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, Instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, pengumpulan data dan cara-cara analisis data.

3.2. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan ini akan dilaksanakan dengan pengaplikasian pendekatan bukan interaktif yang menggunakan kaedah tinjauan berbentuk soal selidik. Model soal-selidik digunakan secara deskriptif memandangkan saiz populasi yang luas dan besar. Penyelidikan sebegini dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap sesuatu maklumat yang diketahui mengikut ketetapan masa. Segala kandungan dan maklumat yang diperolehi melalui penyelidikan deskriptif dapat mengenalpasti dan menambah baik sesuatu hasil kajian. Model penyelidikan sebegini dapat dikategorikan sebagai pengumpulan data, data statistik melalui proses kutipan kuantitatif melalui cara ini segala kutipan data memiliki kemampuan untuk menganalisis segala reaksi dan tindak balas pihak responden. Respondan dapat menganalisa masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat melalui soal selidik. Ini adalah kerana data kuantitatif melalui soal-selidik adalah sistematik, piawai, mudah dianalisa dan dikemukakan dalam masa yang pendek. Dengan ini penggunaan kaedah tinjauan sebagai alat pengukur utama untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan guru terhadap amalan pendekatan komunikatif dalam

pengajaran dan pembelajaran BTSK adalah bersesuaian dan bertepatan dengan objektif dan soalan kajian.

Creswell (2012) menyatakan kaedah tinjauan dan penganalisan deskriptif dapat memberikan pemahaman yang menyeluruh terhadap segala kehendak yang dinilai oleh penyelidik. Pada masa yang sama penggunaan memiliki beberapa ciri istimewa. a) Pengaplikasian keseluruhan dapat digunakan dalam usaha menjawab kepelbagaian soalan yang berkait rapat dengan permasalahan termasuk menjelaskan pelbagai pandangan.

Dari sudut perilaku, naluri, persepsi, kepercayaan dan tingkah laku. b) Penggunaan kaedah temubual atau kajian berbentuk soal selidik akan memusatkan proses analisis data dan maklumat. c) Penganalisan data yang mudah dalam tempoh waktu yang pendek d) Kewujudan saiz sampel yang besar akan menyukarkan proses pendidikan yang bersifat eksperimental. e) Maklumbalas direkod dengan segera tanpa membuang masa f) Keupayaan dapatan digeneralisasikan kepada populasi adalah tepat dan berkesan.

Soal selidik merupakan suatu method penyelidikan yang merangkumi set soalan-soalan bagi mengumpul maklumat daripada responden. Kelebihan soal selidik adalah tidak mahal berbanding dengan kaedah yang lain, tidak memerlukan banyak soalan seperti tinjauan telefon atau temubual bersemuka. Melalui soal-selidik responden ditanya soalan yang sama dan ini dapat mempercepatkan proses pengumpulan dan pemprosesan data. Jelas sekali pengumpulan data melalui kaedah tinjauan ini merupakan penyelidikan bercorak deskriptif yang dapat digunakan untuk mendiagnos dan seterusnya menyelesaikan sesuatu masalah melalui analisis statistik SPSS.

“The advantage of quantitative survey approach is that it's possible to measure the reaction of a great many

people to a limited set of questions, thus facilitating comparison and statistical aggregation of the data. This gives abroad, generalizable set of findings presented sufficiently and parsimoniously”

(John, 1970: 14)

Dapat dirumuskan penyelidikan melalui tinjauan merupakan suatu tindakan atau cara dalam proses pengumpulan data dalam usaha memperjelaskan, memperbandingkan dan menghuraikan tahap keilmuan tindakan termasuk aspek tingkah laku. Ilmu pengetahuan yang lengkap dan luas berkaitan model penyelidikan tinjauan dapat memperjelaskan dan memberikan sumbangan kepada kepelbagaian teori pendidikan dan bidang sarjana. Pada masa yang sama penyelidikan tinjauan amat diperlukan dalam proses menyelesaikan sesuatu permasalahan, pengujian hipotesis dan penghasilan data yang dibentuk oleh penyelidik.

Penentuan reka bentuk kajian yang bersesuaian dengan tajuk kajian akan mengukuhkan kajian pengkaji dan menyokong segala hasil penemuan pengkaji. Melalui cara ini matlamat dan persoalan pengkaji dapat dirungkai sepenuhnya. Berdasarkan kepada keunikan yang wujud pada model tinjauan, penyelidik berpendapat kajian tinjauan adalah selaras dan sesuai dalam usaha mendapatkan maklumat dan data kerana bersifat logikal dan saintifik.

3.3. Lokasi Kajian

Pemilihan lokasi kajian yang tepat dan sesuai merupakan aspek penting yang mesti diberi perhatian supaya matlamat kajian tercapai termasuk menetapkan reka bentuk kajian. Penyelidik berpendapat bahawa perhatian harus diberikan kepada lokasi yang mudah, tidak kompleks, menjimat masa, pentadbir, pendidik yang memberikan cadangan termasuk pegawai kurikulum dalam konteks penyelidikan. Langkah sebegini penting dipertimbangkan pada peringkat awal kajian bagi mengelakkan

perkara yang tidak diinginkan seperti tidak mendapat kerjasama daripada guru, pihak sekolah tergesa-gesa untuk memulakan kerja kajian dan lewat ke kawasan kajian. Mengikut Ranjit Kumar (2008), pemilihan lokasi yang bertepatan dan tidak kompleks akan menentukan pengumpulan data lebih efisien dan efektif.

Penyelidikan akan dilaksanakan di sekolah aliran kebangsaan peringkat Negeri Selangor yang menawarkan subjek Bahasa Tamil. Di negeri ini terdapat sebanyak 80 buah sekolah yang menawarkan subjek tersebut. Negeri Selangor merupakan negeri yang paling banyak menawarkan program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di Malaysia (Laporan Tahunan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, 2015: 18). Lokasi kajian Negeri Selangor dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mengutip dan mengumpul data yang dapat dijalankan dalam tempoh waktu singkat iaitu empat bulan. Tempoh masa empat bulan adalah mencukupi untuk mengutip data soal selidik daripada responden di Negeri Selangor melalui perancangan yang sistematik kerana pengkaji sendiri menetap di Negeri Selangor dan memudahkan melaksanakan urusan kajian.

Pada masa yang sama guru-guru BTSSK akan bertemu setiap empat bulan sekali untuk tujuan perancangan latihan. Pertemuan ini membuka ruang kepada pengkaji untuk tujuan pengumpulan data. Penyelidik bertindak memilih sebanyak 65 sampel responden menggunakan persampelan rawak merangkumi sepuluh buah daerah iaitu daerah Petaling Perdana, daerah Petaling Utama, daerah Klang, daerah Sepang, daerah Gombak, daerah Kuala Langat, daerah Kuala Selangor, daerah Sabak Bernam, daerah Hulu Langat dan daerah Hulu Selangor.

Pengkaji turut membuat panggilan telefon kepada Penolong Pengarah Unit Kurikulum Bahasa Tamil untuk menyatakan hasrat dan mendapatkan pendapat beliau berkaitan lokasi kajian. Melalui perbualan ini beliau menyatakan kesediaan untuk

membantu dan memberikan sokongan penuh terhadap kajian pengkaji kerana kajian-kajian sebegini dapat mengukuhkan lagi proses pendidikan subjek Bahasa Tamil di sekolah aliran Kebangsaan.

Sekolah-sekolah di Negeri Selangor menjadi skop kajian pengkaji memandangkan warga pendidik menunjukkan sifat kerjasama kepada penyelidik dan sikap ini akan memastikan kewujudan hubungan dan kepercayaan responden penyelidikan. Keakraban penyelidik dengan responden akan membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang kredibel dan bermutu.

Segala ciri-ciri yang diperjelaskan merupakan sebab aliran sekolah kebangsaan di Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi penyelidikan bagi tujuan peringkat analisis termasuk pelaksanaan instrumen kajian.

3.4. Populasi Dan Sample Kajian

Pemilihan populasi dan sampel penyelidikan menjadi satu lagi proses yang amat mustahak selepas menetapkan lokasi penyelidikan. Matlamat utama penyelidikan adalah untuk mendapatkan data dan maklumbalas daripada perspektif peserta kajian. Peserta kajian ini dapat membekalkan data-data yang amat berguna untuk kajian pengkaji. Dalam konteks kajian ini responden penyelidikan adalah semua pendidik yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor dan berpengetahuan terhadap konsep amalan dan kaedah komunikatif dalam konteks pendidikan bahasa.

Daripada keseluruhan 250 pendidik Bahasa Tamil sekolah kebangsaan di Malaysia, sebanyak 65 orang guru Bahasa Tamil di Selangor akan menjadi sampel kajian iaitu merangkumi 26%. Guru-guru di Negeri Selangor dipilih secara persampelan rawak dari sepuluh buah daerah iaitu daerah Petaling Perdana, daerah

Petaling Utama, daerah Klang, daerah Sepang, daerah Gombak, daerah Kuala Langat, daerah Kuala Selangor, daerah Sabak Bernam, daerah Hulu Langat dan daerah Hulu Selangor kerana negeri ini merupakan antara negeri yang paling tinggi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil sekolah kebangsaan yang tertinggi berbanding dengan negeri yang lain.

Dalam kajian ini terdapat 65 orang guru yang menjadi sampel kajian yang memiliki kelayakan Ijazah berserta Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dalam Bahasa Tamil dari Institut Pendidikan Guru (IPG). Sampel kajian yang melibatkan guru-guru ini terdiri daripada mereka yang mengajar Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di bandar dan luar bandar.

Pelaksanaan persampelan kajian merupakan suatu elemen yang amat diperlukan. Tahap-tahap dan proses kepada persampelan akan dilaksanakan dengan mewujudkan suatu kerangka sampel dan seterusnya melaksanakan pemilihan menggunakan persampelan yang sedia wujud selepas kedua-dua proses ini, pengkaji akan melaksanakan kajian statistik ke atas sampel-sampel kajian. Segala nilai yang di dapati daripada ujian tersebut akan dinilai dan dianalisis termasuk mewujudkan kesaksamaan melibatkan populasi sampel.

Kesanggupan dan sikap kerjasama yang ditunjukkan dan dilakukan oleh guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di Negeri Selangor mendorong pengkaji memilih guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di Negeri Selangor. Pengkaji juga telah bertemu dengan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan dalam Kursus Orientasi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 5 KSSR 2015 bagi subjek Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan pada 3 dan 4 September 2015 termasuk DSKP Tahun 6 KSSR 2016 yang di adakan pada 2015.

Guru-guru telah menyatakan kesanggupan mereka untuk bekerjasama dengan pengkaji.

Memandangkan penyelidikan ini merupakan penyelidikan tinjauan, maka sampel yang besar dikehendaki. Antara perkara yang perlu diberikan keutamaan oleh penyelidik sebelum menetapkan jenis sampel kajian, penyelidik seharusnya menetapkan saiz populasi sampel yang ingin diselidik. Selain itu, penyelidik juga akan mengambil kira aspek bilangan sampel dari segi saiz, perbelanjaan, method ujian statistik dan bilangan saiz populasi. Data-data statistik sah yang dikumpul daripada para guru ini akan memastikan pencapaian matlamat kajian, merungkai persoalan kajian dan menilai kejayaan pelaksanaan pendekatan komunikatif oleh guru BTSK.

3.5. Instrumen Kajian

Penyelidik akan menggunakan instrumen soal selidik dalam menjalankan penyelidikan berkaitan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor. Instrumen soal selidik dianggap sesuai dalam bidang pendidikan untuk pengumpulan data (Mohd Majid Konting, 2000). Penyelidik akan mengedarkan soalan-soalan soal selidik dalam bentuk satu set kepada pihak responden dalam usaha mengumpul dan mendapatkan data-data yang sah, jitu dan tepat. Dalam penyelidikan ini, pengkaji bertindak membentuk Instrumen kajian bersandarkan kepada objektif dan soalan kajian yang diutarakan. Instrumen yang dibentuk ini merangkumi beberapa konstruk dan bahagian. Alat kajian yang digunakan mengandungi item-item berbentuk pernyataan dan pilihan jawapan yang diberikan dalam bentuk skala likert (1 – 5) iaitu (1) Amat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Kurang setuju, (4) Setuju, (5) Amat setuju.

Pemilihan skala likert dibuat kerana ianya lebih mudah diurus dan dijawab oleh responden. Selain itu kebolehpercayaan data yang diperolehi lebih tinggi dan mudah digeneralisasikan kepada populasi.

Menurut Mohd Majid Konting (2000) instrumen yang menggunakan bentuk soal selidik akan memudahkan pentafsiran maklumat dan proses penganalisaan data. Untuk penyelidikan yang bersaiz besar amat sesuai digunakan set soal selidik. Arahan dan soalan yang diberi dalam soal selidik kepada semua responden yang dikaji adalah piawai dan serupa. Ini akan dapat meningkatkan lagi ketepatan dan kebenaran responden terhadap soalan yang dikemukakan.

Pembinaan item-item soal selidik bagi kajian ini adalah berpanduan kepada beberapa dokumen antaranya :-

- i) Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Tahun 1-6.
- ii) Buku Pedagogi BTKS Kementerian Pendidikan Malaysia 2008.
- iii) Laporan Tahunan 2010-2013 Nazir Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv) Laporan Tahunan 2012-2014 Nazir Bahasa Tamil SJKT berkaitan Prinsip dan amalan pengajaran Bahasa Tamil.

Selain itu, lima soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji lalu berkaitan amalan atau pendekatan komunikatif telah diadaptasi sebagai panduan untuk membina soal selidik mengenai keberkesanaan pelaksanaan pendekatan komunikatif oleh guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor. Soal selidik tersebut ialah:-

- i) Soal selidik oleh Kamarul Husni Bin Kamaruddin (2005) dalam kajian bertajuk “Kesan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Cerpen terhadap Pemahaman Pelajar Tingkatan Dua.”

- ii) Soal selidik oleh Mohd Jaafar Bin Abdul Latif (2006) dalam kajian bertajuk “Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan: Satu kajian di Sekolah-Sekolah dalam Daerah Hulu Langat, Selangor.”
- iii) Soal selidik oleh Abdul Salam Bin Mohd Ibrahim (2007) dalam kajian bertajuk “Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah: Persepsi Guru-Guru Bahasa Arab di Melaka.”
- iv) Soal Selidik oleh Nordin Bin Halias (2007) dalam kajian bertajuk “Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama.”
- v) Soal Selidik oleh Nordin Bin Halias (2007) dalam kajian bertajuk “Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi : Satu Kajian Perbandingan.”
- vi) Soal Selidik oleh Abdul Rahman Abdullah (2009) dalam kajian bertajuk “Kompentensi Komunikatif dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor.”

Dengan menggunakan dokumen-dokumen dan soal selidik pengkaji yang lalu, pengkaji telah memurnikan bahagian-bahagian dan item-item soal selidik bersesuaian dengan kajian pengkaji pada masa sekarang.

3.6. Item Soal Selidik

Dengan ini alat penyelidikan melibatkan tujuh bahagian seperti berikut :-

3.6.1. Pembahagian Item Soal Selidik

Kandungan penyelidikan ini dibahagikan kepada enam kategori iaitu A, B,C, D,E dan F. Ia adalah seperti berikut:

Bahagian A : Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi 10 item mengenai maklumat diri responden. Item-item berkaitan dengan jantina, umur, nama sekolah yang diajar, kelulusan akademik tertinggi, bidang pengkhususan semasa pengajian akademik tertinggi, nama institusi pengajian akademik tertinggi, kelulusan ikhtisas tertinggi, nama institusi pengajian ikhtisas tertinggi, pengalaman berkhidmat sebagai guru, pengalaman mengajar Bahasa Tamil sekolah kebangsaan.

Bahagian B: Pemahaman Guru Terhadap Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian ini mengandungi 12 item bagi meninjau pemahaman guru terhadap prinsip, konsep pendekatan komunikatif secara menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian C: Pemerolehan Sumber Pengetahuan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian ini mengandungi 10 item bagi mengetahui pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian D: Strategi Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.

Bahagian ini mengandungi 15 item yang berkaitan dengan strategi, teknik pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Bahagian E: Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian ini mengandungi 13 item yang meninjau persepsi guru terhadap proses dan tahap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian F: Masalah dalam Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif Sewaktu Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil.

Bahagian ini mengandungi 10 item yang berkaitan dengan masalah dan cabaran dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

3.6.2. Pengkelasan Item Soal Selidik

Penyelidik dalam proses penganalisan soal selidik bertindak menggunakan ukuran skala likert sebagai alat ukuran untuk memastikan wujudnya kebolehpercayaan dan mengesahkan kesesuaian soal selidik atau instrumen. Skala yang digunakan untuk mengkaji persepsi guru terhadap pendekatan komunikatif diselaraskan untuk memastikan setiap responden memahaminya dengan jelas. Pada masa yang sama ia turut memudahkan proses penganalisan data yang dikutip oleh penyelidik. Skala likert digunakan kepada setiap pernyataan berhubung (a) pemahaman guru terhadap pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil, (b) pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil, (c) strategi pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran .pengajaran dan

pembelajaran Bahasa Tamil, (e) masalah dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

3.7. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Setiap pengkaji akan mengutamakan hasil penyelidikan yang sah dan jitu serta boleh dipercayai. Sehubungan dengan itu, dalam proses pengumpulan data kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua perkara yang amat ditutamakan. Kesahan (Validity) dan kebolehpercayaan (reliability) bertindak sebagai alat instrumen yang akan menumpukan kepada usaha untuk mengekalkan ketepatan data. Ketepatan data adalah amat penting dalam usaha mengelakkan daripada wujudnya kecacatan data yang meluas dari segi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaannya. Majid Konting (2000) mengatakan semakin benar maklumat yang akan diperolehi bagi mewujudkan penyelidikan yang bertaraf tinggi dan berkualiti. Jelas sekali kesahan dan kebolehpercayaan adalah amat penting kerana pengetahuan yang disalurkan dipercayai dapat menyumbang kepada ilmu yang sedia wujud.

3.7.1. Kesahan

Dalam proses melaksanakan penyelidikan kesahan ditafsirkan sebagai sesuatu yang tepat, benar, memiliki makna dan pengaplikasian instrumen yang memudahkan segala data untuk di inferenkan (Franekel Jack dan Norman Wallen, 2005). Antara sebab seseorang penyelidik terpaksa melaksanakan kesahan adalah untuk memastikan dan menjamin tahap kesahan segala item supaya bersifat:-

- a) Segala hasil penyelidikan dapat diperkukuhkan selaras dengan fakta yang jitu.
- b) Menepati kehendak penulisan ilmiah dalam menjawab segala persoalan kajian.

- c) Haruslah menepati tujuan sesuatu kajian dilaksanakan.
- d) Memperjelaskan makna setiap data skor yang di kutip.
- e) Memiliki penguasaan ilmu dari segi kebolegunaan kerana segala tindakan yang dilaksanakan akan memudahkan proses penilaian dalam menyalurkan informasi yang berkualiti berkaitan dengan tajuk penyelidikan dan pembolehubah yang hendak diubah dalam usaha mentafsirkan dapatan penyelidikan.

Jelas sekali kesahan dapat didefinisikan sebagai suatu penilaian yang dilaksanakan selaras dengan tahap kesesuaian dalam proses penterjemahan dan perubahan yang dijalankan melibatkan skor penyelidikan. (Richard Homes, 2005). Menurut Walliman (2001), elemen kesahan dihubungkan dengan kebenaran dan kesesuaian sesuatu cara untuk melaksanakan sesuatu kajian penyelidikan. Mengkonsepsikan idea dalam mendefinisikan sesuatu konsep dan sesuatu pengukuran. Ia juga merujuk kepada sejauhmanakah sesuatu idea mengenai realiti bertepatan dengan realiti sebenar:

“The absence of validity occurs if there is poor fit between the constructs a researcher uses to describe theorize or analyze the social world dan what actually occurs in the social world. In simple terms validity address the question of how well the social reality being measured through research matches with the constructs researches use to understand it.”

(Walliman, 2001: 164)

Secara keseluruhannya kesahan merujuk kepada sejauhmana kajian ini adalah tepat dan jitu . Sekaligus menggambarkan termasuk menilai konsep secara spesfik yang ingin diselidik dan diukur oleh pengkaji.

Menurut Fraenkel, Norman & Wallen (2005), terdapat tiga teknik dalam menentukan validiti instrumen: a) content-related evidence of validity ia merujuk kepada ketetapan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen,

kebolegunaan variable, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada sampel untuk menjawabnya serta ketekalan kandungan dan format item untuk diukur dan dinilai oleh sampel. Teknik ini menggunakan sekumpulan pakar rujuk bagi membuktikan ketepatan kandungan item ketika menilai instrumen. b) criterion-related evidence of validity. Ia merujuk kepada perhubungan antara skor yang diperolehi dari satu instrumen dengan skor yang diperolehi daripada satu atau lebih instrumen yang lain untuk melihat bagaimana kekuatan hubungan instrumen-instrumen tersebut. c) construct-related evidence of validity. Ia merujuk kepada darjah pembuktian yang total yang diperolehi secara tekal daripada pelbagai bukti yang berbeza.

Untuk instrument soal selidik penyelidik akan menggunakan keesahan kriteria dalam usaha mengumpul kesahan alat penyelidikan yang menggunakan kumpulan pakar pendidik. Kesahan kriteria ini merujuk kepada perhubungan antara skor yang diperolehi dari satu instrumen dengan skor yang diperolehi daripada satu atau lebih instrumen yang lain untuk melihat bagaimana kekuatan hubungan instrumen-instrumen tersebut.

Pengkaji telah memilih kumpulan pakar pendidik dalam proses pengesahan instrumen penyelidikan seperti jadual di bawah. Jadual berikut menunjukkan kumpulan golongan pakar bagi pengesahan instrumen soal selidik.

Pengkaji telah melantik beberapa orang pakar untuk mengesahkan instrumen kajian seperti jadual di bawah. Jadual berikut menunjukkan kumpulan golongan pakar bagi pengesahan kesahan luaran dan kesahan dalaman instrumen soal selidik.

Jadual 3.1

Pakar- pakar yang mengesahkan instrumen kajian.

Bil	Aspek rujukan pakar	Nama panel dan jawatan
1	Mengkaji intipati dalaman dan luaran Instrumen bersesuaian dengan sukatan BTSK	Penolong Pengarah, Unit Kurikulum Bahasa Tamil, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
2	Menilai aspek instrumen menepati dengan amalan dan prinsip pengajaran bahasa	Pensyarah, Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
3	Menilai aspek instrumen menepati dengan kehendak tajuk kajian dan aspek linguistik	Menilai aspek instrumen menepati Pensyarah, Fakulti Pengajian India, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Penolong Pengarah, Unit Kurikulum Bahasa Tamil, membantu dalam berkongsi kepakaran dalam proses menyediakan soal selidik pengkaji. Beliau telah meneliti dan mencadangkan idea beliau tentang pendekatan komunikatif secara holistik. Pada masa yang sama pengkaji menghantar e-mel kepada Pensyarah, Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sosial Sains, Universiti Malaya. Beliau mengeketengahkan idea berkaitan pendidikan Bahasa Tamil dan mengesahkan kesahan instrumen soal selidik. Beliau menasihati pengkaji untuk menambahkan soalan item dalam bahagian D, iaitu strategi pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp bahasa memandangkan ia merupakan satu unsur yang penting. Beliau memberi tunjuk ajar tentang prinsip pendekatan komunikatif dalam Bahasa Tamil dan membantu pengkaji dalam menghasilkan soalan yang mudah dan jelas dalam melicinkan proses penyelidikan.

Di samping itu, pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan membantu pengkaji dalam proses memperbaiki kesahan soal selidik. Beliau banyak memberi pandangan dan idea yang bernas tentang soal selidik

pengkaji. Beliau mencadangkan supaya pengkaji menyelitkan soal selidik berbentuk soalan terbuka supaya menawarkan responden satu peluang untuk menjawab soalan dengan lengkap tentang amalan komunikatif. Soalan terbuka itu juga menggalakkan responden untuk menyampaikan sikap, perasaan, pendapat dan idea mereka sendiri. Dengan bantuan beliau, pengkaji dapat membina soalan terbuka untuk membantu kajian penyelidikan.

Pandangan bernas kumpulan pakar ini membantu pengkaji menstrukturkan kembali soal selidik dan mengukuhkan soalan-soalan dalam soal selidik secara holistik. Akhirnya penyediaan soal selidik ini memudahkan responden untuk memberikan respon mereka terhadap setiap soalan yang diutarakan.

3.8. Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan dapat didefinisikan sebagai tahap kestabilan data yang didapati melalui proses pengumpulan data yang dilaksanakan, boleh dipercayai, ia akan menghasilkan hasil yang sama. Richard Homes (2005: 297) menjelaskan “reliability means consistency, an observed score can be seen as consisting of two parts, one part in individual’s “true” score and the other part an “error” “score”.

Secara keseluruhannya kebolehpercayaan adalah sesuatu yang konsisten, ketekalan, keteguhan, stabil, boleh dipercayai dan diharap. Apabila ujian yang digunakan untuk mengukur sesuatu diulangi akan memberikan keputusan yang sama.

Data-data yang dikumpul, digunakan untuk mengukur tahap atau nilai realibiliti atau kebolehpercayaan menggunakan Ujian Statistik Cronbach’s Alpha dalam perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22 dalam ujian kebolehpercayaan item soalan dalam soal selidik.

Kebanyakan penyelidik Sains Sosial berpendapat tafsiran pekali tahap kebolehpercayaan yang dapat diterima harus lebih daripada $\alpha = 0.60$. Melalui penguguran maklumat-maklumat yang dapat mengurangkan pekali tersebut, pengkaji dapat meningkatkan tahap reliabiliti dalam proses ukuran. Mengikut Mohd Majid Konting (2000) tahap $\alpha = 0.71 - 0.99$ adalah tahap yang terbaik. Fraenkel dan Wallen (1996) meletakkan nilai reliabiliti item yang diterima pada tahap $\alpha = 0.70 - 0.99$. Kubiszyn dan Borich (2000) menentukan nilai $\alpha = .80 - .90$ reliabiliti coefficients yang diterima.

Melalui kajian rintis ini, pengkaji akan melaksanakan kajian dalam usaha meninjau nilai pekali kebolehpercayaan. Pekali kebolehpercayaan didapati daripada kajian rintis ini ialah Cornbach alpha 0.915. Menurut Fauzi Hussin (2014), menyatakan apabila nilai Cronbach Alpha hampir kepada 1.0, maka tahap kebolehpercayaan berada pada paras tertinggi. Tahap kebolehpercayaan berada di paras lemah sekiranya nilai Cronbach alpha kurang dari 0.6 manakala 0.7 dapat di terima dan melebihi 0.8 di kategorikan baik.

Secara keseluruhannya kajian rintis yang dijalankan menggambarkan soal-selidik yang direka mudah dan jelas difahami oleh guru serta mencapai objektif penyelidikan. Walaubagaimanapun struktur ayat yang kurang jelas maksudnya telah diperbaiki dalam usaha memantapkan soal selidik. Ini jelas menunjukkan soal-selidik yang digunakan bersesuaian dengan tahap pemahaman guru-guru BTKS.

3.9. Kajian Rintis

Sebelum sesuatu kajian dilaksanakan dilapangan dalam usaha mengutip data dari responden suatu pra-ujian dilaksanakan iaitu kajian rintis. Melalui kajian percubaan yang melibatkan subjek kajian adalah suatu proses untuk menentukan tahap

kebolehperryaaan atau pengesahan mutu kesesuaian soal-selidik berdasarkan kepada prosuder pelaksanaan melibatkan persekitaran kajian (Fauzi Hussin, 2014). Jelas sekali kajian rintis merupakan pra ujian awal dilakukan sebelum pengkaji menjalankan kajian lapangan sebenar. Seramai 30 orang guru di sekolah rendah kebangsaan Negeri Selangor dari Petaling Perdana, Petaling Utama dan PPD Klang yang mengajar subjek Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan akan terlibat dalam kajian rintis.

Tujuan kajian rintis menggunakan soal selidik adalah untuk melihat sama ada soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji melalui soal selidik dapat difahami oleh responden atau subjek kajian. Sekiranya soalan sukar difahami oleh responden maka soalan berkenaan akan diubah dan dipermudahkan. Sebelum kerja lapangan sebenar dilakukan melalui kajian rintis dapat menganggarkan jumlah soal selidik yang boleh dilengkapkan dalam tempoh tertentu untuk perancangan dan pengiraan, penyelidikan kos. Justeru itu, ia juga dapat menganggarkan parameter populasi seperti min dan varians daripada sampel pra-ujian. Melalui kajian rintis pekali kebolehperryaaan diperolehi adalah Cornbach alpha 0.915.

Secara keseluruhannya kajian rintis sering memberi idea dan petunjuk baru kepada pengkaji yang dapat menghasilkan penemuan yang lebih jelas dalam kajian utama kelak. Pada masa yang sama kajian rintis dapat mengurangkan beberapa masalah yang tidak dijangka dan memastikan masalah yang sama tidak berlaku sewaktu kajian sebenar. Kajian rintis ini juga dapat menyediakan data yang mencukupi kepada pengkaji untuk membuat keputusan sama ada kajian utama perlu dilakukan atau sebaliknya.

3.10. Pengumpulan Data

Prosuder proses pengumpulan data untuk penyelidikan ini dapat diuraikan mengikut beberapa tahap, bermula dengan cadangan tajuk penyelidikan sehingga segala kutipan data dianalisa. Selepas cadangan tajuk penyelidikan mendapat kelulusan pihak jawatankuasa Ijazah Tinggi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Penyelidik akan memohon kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan kelulusan untuk melaksanakan penyelidikan di sekolah-sekolah Kebangsaan Negeri Selangor. Pada masa yang sama, penyelidik harus mendapatkan kelulusan bersurat daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS).

Seterusnya pengkaji akan ke sekolah untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak kepimpinan sekolah. Pengkaji akan berbincang berkaitan proses dan syarat dalam melaksanakan penyelidikan. Pada masa yang sama penyelidik akan membuat kepastian terhadap masa dan sampel yang akan melibatkan diri sewaktu penyelidikan di jalankan.

Pengkaji memberi penerangan ringkas kepada responden sebelum mereka mengisi dan menjawab borang soal selidik. Responden diberikan tempoh masa seminggu untuk menjawab set soalan dalam usaha memberikan ruang masa yang secukupnya kepada responden supaya mereka yakin dalam memberikan respon kepada persoalan yang diutarakan dalam penyelidikan.

Data-data soal selidik tidak akan dikumpul tanpa persetujuan dari mana-mana pihak yang terlibat dalam kajian ini seperti yang ditetapkan dalam etika sesuatu kajian survey. (Fauzi Hussin, 2014). Prosuder soal selidik yang melalui beberapa peringkat diringkaskan dalam jadual dibawah.

Jadual 3.2

Prosuder pelaksanaan pengumpulan data

Peringkat	Prosuder
1	Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia/ Pentadbir Sekolah
2	Pemilihan sampel mengikut sekolah
3	Taklimat kepada responden berkaitan objektif kajian
4	Mengedar soal selidik kepada pihak guru dan memastikan masa yang secukupnya diberikan untuk respon.
5	Mengkaji, menginterpretasi dan menganalisis data statistik melalui perisian SPSS
6	Menghasilkan laporan penyelidikan.

3.11. Analisis Data

Segala data statistik yang dikumpul akan diperinci dan dianalisis menggunakan prosuder analisis data tertentu. Ini bagi memastikan data-data tersebut dapat diterjemahkan dan di olah untuk menjawab soalan-soalan kajian. Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data nombor. Dengan ini maklumat yang didapati dikaji melalui ujian statistik oleh dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Penyelidikan kuantitatif dapat dijalankan melalui penganalisaan secara deskriptif atau Inferensi. Segala data kuantitatif bagi penyelidikan akan akan digabungkan menerusi kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat ukuran kajian, data kuantitatif yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan SPSS versi 22.

Penyelidikan melalui kaedah deskriptif statistik adalah merangkumi aspek kekerapan, peratusan, min, sisihan dan piawai bagi soalan satu hingga tiga. Untuk tujuan perbandingan ujian t diaplikasikan menggunakan min satu sampel dengan suatu nilai yang tertentu. Nilai tertentu ini lazimnya ialah nilai parameter populasi. Skor item untuk soalan penyelidikan empat hingga soalan lima ujian t diaplikasikan untuk menilai dan menakul data dalam menjawab segala persoalan penyelidikan.

Secara amnya, ujian t tidak sesuai untuk membandingkan min lebih daripada dua kumpulan. Untuk tujuan ini, ujian ANOVA adalah paling sesuai. Dalam ujina ANOVA, statistik ujian ialah statistik F. Nilai F yang besar menunjukkan bahawa perbezaan antara min besar. Ujian ini menilai perbezaan min pemboleh ubah bersandar kuantitatif antara tiga atau lebih kumpulan. Dalam analisis ini, dua pemboleh ubah perlu ada, iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas yang dinamakan faktor. Faktor pula perlu terdiri daripada dua atau lebih peringkat atau kumpulan.

Min merupakan kiraan skor purata bagi sesuatu siri data maklumat yang menggambarkan ketepatan set data yang dikemukakan. (Noraini Idris, 2013). Ukuran serakan yang baik digunakan sebagai ringkasan data ialah varians dan sisihan piawai. Ini adalah kerana kedua-dua ukuran ini menggunakan keseluruhan skor dalam set data untuk mengukur serakan. (Kiess, 2002). Sisihan piawai ialah punca kuasa dua varians dan merupakan min sisihan satu set skor daripada min. Sekiranya tidak ada perbezaan antara skor dan min, maka nilai sisihan piawai ialah 0. Jika taburan skor besar, maka nilai sisihan piawai juga besar.

3.12. Kesimpulan

Secara umumnya bahagian ini membincangkan kepelbagaian kaedah, method dan prosedur yang diaplikasikan dalam usaha memperoleh pelbagai data dan informasi dalam usaha memperoleh pelbagai data dan informasi dalam usaha meninjau tahap dan masalah. Pelaksanaan pendekatan komunikatif dikalangan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Penggunaan dan pengaplikasian pendekatan yang terbaik dalam penyelidikan dapat membantu penyelidik dalam usaha kutipan data yang sistematik dengan melibatkan responden-responden penyelidikan.

Pengaplikasian teknik secara tepat dan dapatan yang sistematik akan menghasilkan keputusan yang lebih mantap. Pengaplikasian kaedah yang jitu dapat membantu penyelidik dalam memastikan selaras dengan ketepatan dalam pengumpulan data dari responden dan lokasi penyelidikan dapat memperoleh maklumat terkini prinsip dan amalan pendidikan sekaligus memperihalkan masalah-masalah melibatkan guru-guru BTSK dalam melaksanakan pendekatan komunikatif. Penggunaan kaedah pendekatan yang sesuai untuk mengkaji permasalahan penyelidikan dapat menyumbangkan hasil yang rasional selaras dengan kehendak pendidikan abad ke 21.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1. Pendahuluan

Penyelidikan ini dijalankan untuk meninjau pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor. Penyelidik merungkai hasil kajian yang didapati daripada proses pengumpulan data melalui kaedah soal-selidik. Kaedah survey diaplikasikan dalam usaha mengumpul data-data yang lebih tepat dan luas daripada para guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor.

Dapatan kajian akan merungkai lima soalan kajian yang terdiri daripada:

- S1: Apakah persepsi dan pemahaman guru terhadap amalan pelaksanaan pendekatan komunikatif?
- S2: Apakah sumber maklumat yang diperolehi oleh guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan?
- S3: Adakah terdapat perbezaan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru untuk menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut gender, lokasi dan bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar?
- S4: Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru mengikut pengalaman mengajar dalam proses pelaksanaan pendekatan komunikatif?
- S5: Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah dan memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan?

4.2. Kenormalan Data

Kenormalan data dijalankan sebelum analisis data dijalankan untuk memastikan sama ada data yang diperolehi akan dianalisis secara parametrik atau tidak parametrik. Jadual 4.1 menunjukkan kenormalan data yang dipungut.

Jadual 4.1

Nilai skewness dan kurtosis Data

(N=65)	Jantina	Umur	Lokasi Sekolah	Kelulusan Alademik	Bidang Pengkhususan	Institusi Pengajian	Kelulusan Ikhtisas Tertinggi	Institusi Ikhtisas	Pengalaman Berkhidmat	Pengalaman Mengajar B. Tamil
Skewness	-1.308	.075	.352	1.806	.352	4.016	3.417	-.109	.622	-.246
Std.Error of Skewness	.297	.297	.297	.297	.297	.297	.297	.297	.297	.297
Kurtosis	-.298	-.304	-1.937	1.302	-1.937	17.093	10.863	-1.511	.377	-1.481
Std.Error of Kurtosis	.586	.586	.586	.586	.586	.586	.586	.586	.586	.586

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa kesemua bahagian pembolehubah bebas dan pembolehubah bergantung berada di antara -.02 dan +.02 nilai skewness dan skewnessnya. Ini bermakna data yang dipungut adalah bersifat normal dan boleh dianalisis secara parametrik.

4.3. Profil Responden

Kajian ini mengkaji latar belakang sosial responden termasuk jantina, umur, lokasi sekolah, kelulusan akademik, bidang pengkhususan, institusi pengajian, kelulusan

ikhtisas tertinggi, institusi ikhtisas, pengalaman berkhidmat dan pengalaman mengajar Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan Negeri Selangor.

Berikut adalah penjelasan terhadap profil responden berdasarkan latarbelakang dinyatakan dalam jadual 4.2 seperti berikut.

4.3.1. Responden Guru

Jadual 4.2

Profil Responden Guru

Variabel Bebas	Kategori	Kekerapan (Jumlah)	Peratus
Jantina	Lelaki	15	23.1
	Perempuan	50	76.9
Umur	Bawah 30 tahun	19	29.2
	31 – 35 tahun	40	61.5
	36 – 40 tahun	6	9.2
Lokasi Sekolah	Bandar	38	58.5
	Luar Bandar	27	41.5
Kelulusan Akademik	Ijazah Sarjana Muda	54	83.1
	Ijazah Sarjana	11	16.9
Bidang Pendidikan	Bahasa Tamil	38	58.5
Pengkhususan	Bukan Pendidikan Bahasa Tamil	27	41.5
Institusi Pengajian	Awam	60	92.3
	Swasta	5	7.7
Kelulusan Ikhtisas Tertinggi	KPLI	59	90.8
	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	3	4.6
	Ijazah Sarjana Pendidikan	3	4.6
Institusi Ikhtisas	Pulau Pinang	20	30.8
	Kedah	6	9.2
	Perak	5	7.7
	Negeri Sembilan	18	27.7
	Pahang	14	21.5
	Johor	2	3.1
Pengalaman Berkhidmat	1-3 tahun	23	35.4
	4-6 tahun	23	35.4
	7-10 tahun	19	29.2
Pengalaman Mengajar	Kurang 3 tahun	20	30.8
Bahasa Tamil	3-5 tahun	14	21.5
	Lebih 5 tahun	31	47.7

Jadual 4.2 di atas menunjukkan bilangan guru perempuan (50, 76.9%) adalah lebih ramai berbanding jumlah responden guru lelaki (15, 23.1%). Ini jelas menunjukkan bahawa kaum wanita lebih berminat menceburi bidang pendidikan berbanding dengan kaum lelaki. Ini kerana kaum wanita lebih dikenali dengan sifat keibuan dan kesabaran yang banyak diperlukan dalam mendidikan anak bangsa kita.

Daripada jumlah keseluruhan dapatan responden, bilangan guru yang berumur bawah 30 tahun (19, 29.2%), mereka yang berumur 31-35 tahun (40, 61.5%) dan mereka yang berumur 36-40 tahun (6, 9.2%). Jumlah responden yang berumur 31-35 tahun adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan responden lain.

Responden dari kategori bandar lebih ramai iaitu (38, 58.5%) berbanding dengan luar bandar (27, 41.5%). Responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda adalah lebih ramai iaitu (54, 83.1%) daripada Ijazah Sarjana yang hanya (11, 16.9%) orang. Manakala responden yang berlatarbelakang pendidikan Bahasa Tamil adalah (38, 58.5%) orang dan bukan berpendidikan Bahasa Tamil adalah (27, 41.5%) orang.

Dapatan kajian menunjukkan bilangan guru dari institusi pengajian awam lebih ramai iaitu (60, 92.3%) berbanding dengan institusi swasta iaitu (4, 7.7%). Di antara responden yang memiliki kelulusan ikhtisas tertinggi ialah Kursus Perguruan Lulusan Ijazah iaitu (59, 90.8), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (3, 4.6%) dan Ijazah Sarjana Pendidikan adalah (3, 4.6%).

Responden yang menuntut di institusi ikhtisas yang terdapat di Pulau Pinang adalah (20, 30.8%), Kedah (6, 9.2%), Perak (5, 7.7%), Negeri Sembilan (18, 27.7%), Pahang (14, 21.5%), dan Johor (2, 3.1%). Bilangan responden yang menuntut di Pulau Pinang adalah lebih tinggi berbanding dengan yang lain di peringkat institusi ikhtisas.

Dari segi pengalaman berkhidmat di sekolah, responden yang mempunyai pengalaman 1-3 tahun adalah (23, 35.4%), 4-6 tahun (23, 35.4%), 7-10 tahun ialah (19,29.2%).Namun antara pengalaman responden yang mengajar Bahasa Tamil di sekolah yang kurang 3 tahun ialah (20, 30.8%), 3-5 tahun (14,21.5%), lebih 5 tahun adalah (31, 47.7%).

4.4. Analisis Deskriptif

Kajian deskriptif digunakan dalam merungkai hasil penyelidikan berdasarkan soal-selidik responden terhadap persoalan yang dikemukakan dalam soal selidik. Penganalisaan deskriptif digunakan bagi tujuan mengkaji maklumat yang membabitkan min, sisihan piawai, peratusan, ujian t, ANOVA sehala terhadap soalan kajian yang diutarakan. Data yang membabitkan nilai min, sisihan piawai, peratusan, ujian t, anova sehala, dan frekuensi terhadap soalan kajian yang diuji.Selepas data diproses, dapatan data akan kategorikan dan diterjemahkan ke dalam lima kategori seperti yang digariskan dalam Sumber Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006). Dalam usaha menginterpretasikan data maklumat deskriptif, hasil kajian dikaji berdasarkan kepada jadual interpretasi skor purata min tersebut seperti jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3

Skor Purata dan interpretasi min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

(Ranjit Kumar, 2005 : 34)

Soalan Kajian 1

Soalan Kajian 1: Apakah pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif?

Keputusan dapatan kajian bagi soalan kajian 1 adalah seperti jadual berikut:

a) Pemahaman guru terhadap pendekatan komunikatif.

Jadual 4.4

Pemahaman Guru-Guru terhadap Pendekatan Komunikatif

	Tahap Pemahaman	STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Guru memahami maksud pendekatan komunikatif.	1 (1.5%)	0	4	41 (83.3%)	19 (3.3%)	4.18	.68
2.	Guru memahami tujuan pendekatan komunikatif	1 (1.5%)	1 (1.5%)	3 (4.6%)	43 (66.2%)	17 (26.2%)	4.14	.70
3.	Pengajaran Bahasa Tamil mengutamakan kecekapan berkomunikasi murid		6 (9.2%)	9 (13.8%)	40 (61.5%)	10 (15.4%)	3.83	.80
4.	Guru memahami cara pelaksanaan pendekatan komunikatif	1 (1.5%)	3 (4.6%)	2 (3.1%)	42 (64.6%)	17 (26.2%)	4.09	.79
5.	Mewujudkan hubungan sosial yang positif antara guru dan murid.		1 (1.5%)	4 (6.2%)	46 (70.8%)	14 (21.5%)	4.12	.57
6.	Aktiviti Komunikatif mementingkan aspek penggunaan Bahasa dan bukan kegunaan Bahasa.		2 (3.1%)	4 (6.2%)	40 (61.5%)	19 (29.2%)	4.17	.67
7.	Pengajaran pendekatan komunikatif menimbulkan motivasi dikalangan murid.		2 (3.1%)	9 (13.8%)	40 (61.5%)	14 (21.5%)	4.02	.69
8.	Bahasa yang diajar menekankan kemahiran lisan dan komunikasi dua hala.		2 (3.1%)	5 (7.7%)	41 (63.1%)	17 (26.2%)	4.12	.67
9.	Bahasa yang diajar menekankan aspek fungsi dan struktur bahasa secara serentak		2 (3.1%)	7 (10.8%)	43 (66.2%)	13 (20.0%)	4.03	.66
10.	Pengajaran Bahasa Tamil perlu dibuat dalam konteks wacana atau melebihi satu ayat.		12 (18.5%)	15 (23.1%)	25 (28.5%)	13 (20.0%)	3.60	1.0
11.	Pendekatan komunikatif mengutamakan kelancaran berbahasa berbanding ketepatan bahasa.		4 (6.2%)	4 (6.2%)	46 (70.8%)	11 (16.9%)	3.98	.69
12.	Pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada sistem makna.		3 (4.6%)	9 (13.8%)	40 (61.5%)	13 (20.0%)	3.96	.72
	Purata						4.02	.72

Daripada jadual 4.4, Keputusan jelas menunjukkan lapan daripada 12 item yang diuji mengenai tahap pemahaman terhadap amalan dan prinsip komunikatif dalam proses pendidikan Bahasa Tamil berada pada paras tinggi dengan nilai minnya melebihi 4.00. Tahap pemahaman guru terhadap pendekatan komunikatif ini juga mempunyai persamaan dengan kajian Mohd Jaafar Bin Abdul Latif (2006) mencatatkan tahap pengetahuan para guru terhadap pendekatan komunikatif adalah tinggi ($M = 3.85$, $SP = .64$). Item nombor satu menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.18 dan sisihan piawai .68 bagi kenyataan responden memahami maksud pendekatan komunikatif. Seramai 41 orang (63.1%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 19 orang (29.2%) sangat bersetuju, 4 orang (6.2%) tidak pasti dan cuma seorang responden (1.5%) sangat tidak setuju dengan kenyataan ini.

Item yang menunjukkan kedudukan kedua tertinggi ialah item keenam yang mencatatkan ($M = 4.17$, $SP = .67$). Item keenam iaitu aktiviti komunikatif seharusnya mementingkan aspek penggunaan bahasa, bukan semata-mata kegunaan bahasa menunjukkan 40 responden (61.5%) bersetuju, 19 responden (29.2%) sangat bersetuju, 4 responden (6.2%) tidak pasti manakala 2 responden (3.1%) tidak setuju dengan kenyataan ini.

Item kedua merupakan item ketiga tertinggi, iaitu para responden menyatakan mereka memahami tujuan pendekatan komunikatif menunjukkan nilai ($M = 4.14$, $SP = .70$). Daripada jumlah responden, 43 responden (66.2%) bersetuju, 17 responden (26.2%) sangat bersetuju, 3 responden (4.6%) tidak pasti dan seorang responden (1.5%) menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Item dengan min terendah ialah item kesepuluh, iaitu para responden dapat menyatakan pengajaran Bahasa Tamil perlu diajar dalam konteks wacana. Seramai 25 responden (38.5%) bersetuju, 15 responden (23.1%) tidak pasti, 13 responden

(20%) sangat setuju manakala 12 responden (18.5%) tidak setuju. Nilai min yang dicatatkan ialah 3.60 dan sisihan piawai 1.0.

Item kedua dengan min yang terendah ialah 3.83 dengan $SP = .80$. Daripada 65 orang responden kajian 40 responden (61.5%) bersetuju, 10 responden (15.4%), 9 responden (13.8%) dan hanya 6 responden (9.2%) tidak setuju dengan pernyataan pengajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan mengutamakan kecekapan berkomunikasi murid.

Item keduabelas merupakan item ketiga terendah dengan min terendah iaitu 3.96 dan $SP = .72$. Item ini menyatakan pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada sistem makna disetujui oleh 40 responden (61.5%), 13 responden (20.0%) sangat setuju, 9 responden (13.8%) tidak pasti manakala 3 responden (4.6%) tidak setuju.

Secara ringkasnya, item-item yang menguji tahap pemahaman warga pendidik berkaitan persepsi amalan komunikatif dalam pendidikan khususnya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil berada di paras yang tinggi ($M = 4.02$, $SP = .72$). Keadaan ini menggambarkan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan secara keseluruhan memahami konsep komunikatif selaras dengan pendidikan bahasa dan Pelan Pembangunan Pendidikan negara (2013-2025).

b) Persepsi guru terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif

Jadual 4.5

Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif Dalam PnP Bahasa Tamil.

	Tahap Pemahaman	STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Guru sebagai pemudah cara, pembimbing, pemerhati dan pengurus bilik darjah.		1 (1.5%)	1 (1.5%)	42 (64.6%)	21 (32.3%)	4.28	.57
2.	Contoh model pengajaran BTKS masih kurang		1 (1.5%)	9 (13.8%)	43 (66.2%)	12 (18.5%)	4.01	.62
3.	Guru memberi ganjaran kepada murid yang berbakat			3 (4.6%)	44 (67.7%)	18 (27.7%)	4.23	.52

4.	Penggunaan multimedia dalam PnP		4 (6.2%)	45 (69.2%)	16 (24.6%)	4.18	.52
5.	Kursus dan latihan dalam perkhidmatan diberikan kepada guru BTKS		3 (4.6%)	48 (73.8%)	14 (21.5%)	4.16	.48
6.	Murid menggunakan pelbagai bentuk dan struktur bahasa	2 (3.1)	5 (7.7)	50 (76.9%)	8 (12.3%)	3.98	.57
7.	Kesediaan guru masih di tahap rendah	16 (24.6%)	7 (10.8%)	37 (56.9%)	5 (7.7%)	3.47	.95
8.	Guru mewujudkan aktiviti yang berunsurkan jurang maklumat	1 (1.5%)	5 (7.7%)	53 (81.5%)	6 (9.2%)	3.98	.48
9.	Pihak sekolah menyediakan kemudahan fizikal		3 (4.6%)	37 (56.9%)	25 (38.5%)	4.33	.56
10.	Penggunaan bahasa berdasarkan situasi	2 (3.1%)	1 (1.5%)	11 (16.9%)	42 (64.6%)	9 (13.8%)	3.84 .79
11.	Murid diberi kebebasan untuk menyampaikan idea	2 (3.1%)	4 (6.2%)	47 (72.3%)	12 (18.5)	4.06	.60
12.	Penilaian guru berasaskan pencapaian murid dalam komunikasi	1 (1.5%)	5 (7.7%)	5 (7.7%)	46 (70.8%)	8 (12.3%)	3.84 .79
13.	Menggalakkan murid mempelajari komunikasi Bahasa Tamil secara semulajadi	3 (4.6%)	8 (12.3%)	46 (70.8%)	8 (12.3%)	3.90	.65
Purata						4.02	0.62

Jadual di atas menghuraikan tentang persepsi guru terhadap amalan pendekatan komunikatif dalam pendidikan Bahasa Tamil. Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati 7 daripada 13 item berada pada paras tinggi dengan nilai minnya melebihi 4.00. Manakala 6 item yang lain berada pada paras sederhana nilai ($M = 3.84$, $SP = .79$).

Antara item-item ini, item kesembilan menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.33 dan $SP = .56$ bagi kenyataan responden pihak sekolah perlu menyediakan kemudahan fizikal dan suasana pembelajaran kondusif seperti makmal bahasa. Daripada 65 responden kajian 37 orang (56.9%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sementara 25 responden (38.5%) sangat bersetuju. Hanya 3 responden (4.6%) tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Item kedua tertinggi ialah item satu, iaitu warga pendidik berperanan sebagai pemudah cara, pembimbing, pemerhati dan pengurus bilik darjah mencatat ($M = 4.28$, $SP = .57$). Seramai 42 responden (64.6%) bersetuju, 21 responden (32.3%) sangat setuju manakala 1 responden (1.5%) tidak menyokong dengan pernyataan ini. Tindakan sebegini adalah selaras dalam usaha melahirkan murid yang holistik dan memiliki keyakinan diri yang tinggi.

Seterusnya item yang menunjukkan kedudukan ketiga tertinggi ialah item ketiga yang mencatat nilai ($M = 4.23$, $SP = 0.52$) bagi kenyataan guru wajar memberi ganjaran pada murid yang menonjolkan bakat dalam komunikasi. Daripada 65 orang responden 44 responden (67.7%) bersetuju, 18 responden (27.7%) sangat setuju dan 3 responden (4.6%) tidak pasti.

Item dengan min yang terendah dicatatkan ialah item ketujuh, iaitu mencatatkan ($M = 3.47$, $SP = .95$). Item ini menerangkan kesediaan guru melaksanakan pendekatan komunikatif masih di tahap rendah kerana kurang mendapat pendedahan pengetahuan dan latihan. Daripada 65 responden, 37 orang (56.9%) bersetuju, 16 orang (24.6%) tidak setuju, 7 orang (10.8%) tidak pasti manakala 5 orang (7.7%) sangat setuju dengan pernyataan ini.

Manakala min yang kedua terendah ialah item kesepuluh iaitu pendekatan komunikatif menekankan penggunaan Bahasa Tamil berdasarkan konteks atau situasi yang menyerupai keadaan sebenar mencatatkan ($M = 3.84$, $SP = .79$). Antara 42 responden (64.6%) bersetuju, 9 responden (13.8%) sangat bersetuju, 11 orang responden (16.9%) tidak pasti, 2 orang responden (3.1%) sangat tidak setuju hanya seorang (1.5%) tidak setuju.

Namun item yang kedua belas juga mencatatkan min kedua terendah iaitu nilai ($M = 3.84$, $SP = .79$). Item keduabelas menguji penilaian guru terhadap apa

yang dicapai oleh murid berdasarkan proses komunikasi dan bukannya amalan penggunaan bahasa yang betul atau salah. Antara 46 responden (70.8%) bersetuju, 8 responden (12.3%) sangat setuju manakala 5 orang responden (7.7%) tidak setuju dan tidak pasti hanya seorang (1.5%) sangat tidak setuju dengan kenyataan ini.

Seterusnya item dengan min yang terendah dicatatkan ialah item ketiga belas yang menyatakan pendekatan komunikatif menggalakkan murid mempelajari komunikasi Bahasa Tamil secara semulajadi. Dapatan data menunjukkan nilai ($M = 3.90$, $SP = .65$). Daripada 46 responden (70.8%) bersetuju, 8 orang responden (12.3%) sangat bersetuju dan tidak pasti manakala 3 orang responden (4.6%) tidak setuju.

Dengan ini jelas bahawa tahap persepsi guru terhadap perancangan dan pengimplementasian amalan komunikatif dalam pendidikan Bahasa Tamil Sekolah kebangsaan berada di peringkat tinggi iaitu ($M = 4.02$, $SP = .62$). Pencapaian ini, akan memastikan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan melaksanakan pendidikan Bahasa Tamil secara efektif lebih berkesan dan mencapai aspirasi pendidikan negara mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Soalan Kajian 2

Soalan kajian 2 : Apakah sumber maklumat yang diperolehi oleh guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan.

Jadual 4.6

Pemerolehan Sumber Pengetahuan Pendekatan Komunikatif dalam PnP Bahasa Tamil

			STS	TS	TP	S	SS	M	SP
1.	Kuliah	yang	5	6	8	40	6	3.55	1.04
	mencakupi		(7.7%)	(9.2%)	(12.3%)	(61.5%)	(9.2%)		
2.	Kursus	dalam	1	4	3	47	10	3.93	.76
	perkhidmatan		(1.5%)	(6.2%)	(4.6%)	(72.3%)	(15.4%)		
	meningkatkan								
	kemahiran								
3.	Pengalaman			1	1	51	12	4.13	.49
	semasa mengajar			(1.5%)	(1.5%)	(78.5%)	(18.5%)		

4.	Perbincangan bersama rakan	4 (6.2%)	2 (3.1%)	51 (78.5%)	8 (12.3%)	3.96	.63
5.	Bimbingan semasa kursus	1 (1.5%)	4 (6.2%)	48 (73.8%)	12 (18.5%)	4.07	.62
6.	Latihan dalaman meningkatkan pengetahuan komunikatif	4 (6.2%)	3 (4.6%)	46 (70.8%)	12 (18.5%)	4.01	.69
7.	Pemantauan dan galakan dari pihak atasan	2 (3.1%)	4 (6.2%)	45 (69.2%)	14 (21.5%)	4.09	.63
8.	Maklumat dari internet	1 (1.5%)	7 (10.8%)	39 (60.0%)	18 (27.7%)	4.13	.65
9.	Bahan bacaan membantu meningkatkan kemahiran komunikatif	1 (1.5%)	2 (3.1%)	49 (75.4%)	13 (20.0%)	4.13	.52
10.	Seminar yang berkaitan Pendekatan komunikatif	8 (12.3%)	5 (7.7%)	40 (61.5%)	12 (18.5%)	3.86	.86
Purata						3.57	.69

Merujuk kepada jadual 4.6 menggambarkan pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Item kelapan yang menyatakan maklumat dari internet membantu menambahkan kemahiran yang berasaskan pendekatan komunikatif mencatat nilai ($M = 4.13$, $SP = .65$). Diantara 39 orang responden (60.0%) bersetuju, 18 orang (27.7%) sangat bersetuju, 7 orang (10.8%) tidak pasti dan seorang responden (1.5%).

Seterusnya nilai min yang sama juga di catatkan oleh item ketiga iaitu pengalaman semasa mengajar membantu saya memahami pendekatan komunikatif. Nilai ($M = 4.13$, $SP = 0.52$). Antara 65 orang responden, seramai 49 orang 75.4% bersetuju, 13 orang (20%) sangat setuju, 2 orang (3.1%) tidak pasti dan hanya seorang (1.5%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Perkara yang sama juga berlaku pada item ketujuh iaitu nilai ($M = 4.1$, $SP = 0.65$). Para responden kerap menggunakan maklumat dari internet dalam melaksanakan pendekatan komunikatif. Hal ini disetujui oleh 39 orang responden

(60%), 18 orang (27.7%) sangat setuju, 7 orang responden (10.8%) tidak pasti dan seorang (1.5%) tidak setuju.

Namun nilai min yang kedua tertinggi ($M = 4.09$, $SP = .63$) menyatakan pemantauan dan galakan dari pihak atasan mendorong guru mendalami pelaksanaan pendekatan komunikatif. Daripada jumlah responden, 45 orang (69.2%) bersetuju, 14 orang (21.5%) sangat setuju, manakala 4 orang (6.2%) tidak pasti dan 2 orang (3.1%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Walau bagaimanapun item kelima mewakili min yang ketiga tertinggi ($M = 4.07$, $SP = .62$). Item ini menerangkan tentang bimbingan semasa menjalankan kursus membantu guru memahami pendekatan komunikatif. Di antara 48 orang (73.8%) bersetuju, 12 orang (18.5%) sangat setuju, 4 orang (6.2%) tidak pasti dan seorang (1.5%) tidak setuju.

Berdasarkan kesemua item, item satu mewakili nilai min yang terendah iaitu ($M = 3.55$, $SP = 1.04$). Item ini menerangkan bahawa kuliah dalam latihan perguruan asas yang mencakupi tentang pelaksanaan pendekatan komunikatif. Dapatan data menunjukkan 40 responden (61.5%) bersetuju, 8 orang responden (12.3%) tidak pasti, 6 responden (9.2%) sangat setuju dan tidak setuju sebanyak 5 orang dan (7.7%) sangat tidak setuju.

Seterusnya Item kedua dengan min terendah dicatatkan ialah item kesepuluh iaitu guru menghadiri seminar yang berkaitan tentang pelaksanaan pendekatan komunikatif. Item ini menunjukkan nilai min terendah, ($M = 3.86$, $SP = .86$). Item ini daripada 65 responden, hanya 40 orang (61.5%) bersetuju, 12 orang (18.5%) sangat bersetuju manakala 8 responden (12.3%) tidak setuju dan 5 orang (7.7%) tidak pasti.

Tambahan pula, item kedua merupakan item ketiga terendah yang mempunyai nilai ($M = 3.93$, $SP = .76$). Seramai 47 orang (72.3%) bersetuju, 10 orang (15.4%) sangat setuju, 4 orang (6.2%) tidak setuju, 3 responden (4.6%) tidak pasti dan seorang (1.5%) sangat tidak setuju dengan pernyataan kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri membantu guru meningkatkan kemahiran pendekatan komunikatif.

Secara ringkas boleh dikatakan bahawa tahap pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pendidikan bahasa Tamil berada di peringkat yang tinggi ($M = 3.57$, $SP = .69$). Guru-guru seharusnya menunjukkan komitmen untuk meningkatkan kapasiti ilmu melalui kepelbagai sumber dalam usaha menjayakan pendidikan abad ke21 dan sekaligus mencapai objektif Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pemilikan sumber pengetahuan yang luas akan meningkatkan keyakinan guru dalam proses pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan secara menyeluruh. Sekali gus, menjayakan objektif dasar pendidikan.

Soalan Kajian 3

Soalan kajian 3: Adakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru untuk menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut : a) gender, b) lokasi , c) bidang pengkhususan d) pengalaman mengajar.

Ujian T dijalankan terhadap aspek jantina responden untuk melihat samaada terdapat perbezaan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru untuk menggalakkan murid berkomunikasi secara lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut jantina, lokasi sekolah, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar responden.

Ujian-t telah dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS. Jadual 4.8 menunjukkan hasil dapatan ujian-t.

Jadual 4.7

Keputusan Ujian-t Perbezaan Penggunaan Strategi Pedagogi dengan Gender Guru

Pemboleh ubah	N	M	SP	Nilai t	df	P
Lelaki	15	3.99	.43	-1.678	63	.968
Perempuan	50	4.18	.37			

$p < .05$

Jadual di atas menggambarkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbezaan penggunaan strategi pedagogi dengan gender guru lelaki ($M = 3.99$, $SP = .43$) dengan guru perempuan ($M = 4.18$, $SP = .37$), $t(63) = -1.678$, $p > .05$. Nilai min antara guru lelaki dan guru perempuan menunjukkan penggunaan strategi pedagogi adalah tidak jauh berbeza.

Walaupun min purata pendidik perempuan adalah lebih tinggi sedikit berbanding dengan pendidik lelaki, tetapi dapatan penyelidikan menunjukkan tidak terdapat perbezaan daripada aspek jantina guru yang signifikan dalam penggunaan strategi pedagogi, iaitu sama ada guru lelaki atau perempuan strateginya adalah sama sahaja.

Jadual 4.8

Keputusan Ujian-t Perbezaan Penggunaan Strategi Pedagogi dengan Lokasi Sekolah Guru

Pemboleh ubah	N	M	SP	Nilai t	df	p
Bandar	38	4.15	.36	.260	63	.707
Luar Bandar	27	4.12	.43			

$p < .05$

Dapatan data daripada jadual 4.8 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pedagogi mengikut lokasi dengan responden di bandar $t(63) = .260, p > .05$.

Walaupun skor min responden di bandar ($M = 4.15, SP = .36$) adalah lebih tinggi berbanding dengan responden di luar bandar ($M = 4.12, SP = .43$), tetapi perbezaan itu tidaklah besar. Dari kaca mata pendidikan, ia memberikan gambaran bahawa tidak terdapat perbezaan penggunaan strategi pedagogi daripada aspek lokasi bandar dan luar bandar. Ia turut memberi gambaran bahawa guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mempraktikkan kepelbagaian strategi selaras dengan panduan dan kurikulum pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Jadual 4.9

Keputusan Ujian-t Perbezaan Penggunaan Strategi Pedagogi dengan Bidang Pengkhususan Guru

Pemboleh ubah	N	M	SP	Nilai t	df	P
Pendidikan Bahasa Tamil	38	4.10	.35	-.927	63	.194
Bukan Pendidikan Bahasa Tamil	27	4.19	.44			

$p < .05$

Jadual 4.9 menerangkan tentang tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pedagogi dengan bidang pengkhususan guru berpendidikan Bahasa Tamil ($M = 4.10, SP = .36$) dengan guru bukan berpendidikan Bahasa Tamil ($M = 4.19, SP = .44$), $t(63) = -.927, p > 0.5$. Nilai min responden bukan berpendidikan Bahasa Tamil adalah lebih tinggi daripada responden berpendidikan Bahasa Tamil, namun perbezaan ini adalah kecil pada 0.09. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pedagogi dengan bidang pengkhususan guru Bahasa Tamil Sekolah

Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Negeri Selangor. Guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, yang bukan pengkhususan juga mampu mempraktikkan amalan strategi pedagogi dengan mengintergerasikan elemen-elemen selaras dengan guru-guru pengkhususan Bahasa Tamil.

d) Pengalaman mengajar

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengalaman mengajar guru sama ada kurang daripada 3 tahun, 3 hingga 5 tahun dan lebih 5 tahun terhadap proses pelaksanaan pendekatan komunikatif, ujian ANNOVA telah dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS. Jadual 4.11 menunjukkan hasil dapatan ujian ANOVA tersebut.

Jadual 4.10

Keputusan Ujian ANOVA Mengikut Pengalaman Mengajar dalam Proses Pendekatan Komunikatif.

Pemboleh ubah	Punca Variasi	Jumlah Kuasa dua	Df	Min kuasa dua	F	p
Pengalaman Mengajar	Antara Kumpulan	.40 9.58	3 61	.13 .15	.84	.47

$p < .05$

Berdasarkan jadual 4.10, ujian ANOVA sehalu telah dijalankan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar dalam proses pelaksanaan pendekatan komunikatif. Dapatan data yang diperolehi menunjukkan $F(3, 61) = .84$, $p = .47$), iaitu tiada perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan proses pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam kalangan guru. Ini juga bermakna pengalaman mengajar tidak mempengaruhi seseorang guru mengamalkan pendekatan komunikatif. Data ini seterusnya menunjukkan sama ada guru berpengalaman atau

guru baru sama sahaja amalannya dalam proses pelaksanaan pendekatan komunikatif.

Hal ini memberi gambaran bahawa guru yang baru menamatkan latihan perguruan dan tidak mempunyai sebarang pengalaman dapat berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang komunikatif. Mereka berusaha untuk mempertingkatkan pengetahuan sedia ada dan mengharapnya supaya menjadi lebih menarik. Manakala guru yang berpengalaman patut beriltizam untuk mengamalkan teknik-teknik berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran pendekatan komunikatif. Oleh itu didapati bahawa guru-guru berpengalaman harus peka dengan transformasi pendidikan dan harus mengubah cara penyampaian supaya tidak ketinggalan pada masa akan datang.

Soalan Kajian 4

Soalan Kajian 4: Apakah masalah guru dalam Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif dalam PnP Bahasa Tamil?

Jadual 4.11

Masalah Dalam Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif dalam PnP Bahasa Tamil

Tahap Pengetahuan			STS	TS	TP	S	SS	M	SD
1.	Guru tidak berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan.		4 (6.2%)	13 (20.0%)	10 (15.4%)	29 (44.6%)	9 (13.8%)	3.40	1.14
2.	Peruntukkan masa dalam jadual waktu tidak memadai		2 (3.1%)	6 (9.2%)	5 (7.7%)	33 (50.8%)	19 (29.2%)	3.93	1.01
3.	Keadaan persekitaran sekolah kurang konduksif		2 (3.1%)	12 (18.5%)	3 (4.6%)	33 (50.8%)	15 (23.1%)	3.72	1.11

4.	Bahan-bahan bantu PdP BTSK sukar didapati	2 (3.1%)	7 (10.8%)		30 (46.2%)	26 (40.0%)	4.09	1.05
5.	Guru menghadapi kesukaran dalam menyediakan aktiviti lisan	1 (1.5%)	9 (13.8%)	3 (4.6%)	36 (55.4%)	16 (24.6%)	3.87	.99
6.	Aktiviti komunikasi kurang mendapat perhatian diperingkat sekolah dan daerah.	1 (1.5%)	1 (1.5%)	8 (12.3%)	38 (58.5%)	17 (26.2%)	4.06	.76
7.	Guru kurang memberi tumpuan terhadap soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.	2 (3.1%)	16 (24.6%)	16 (24.6%)	27 (41.5%)	4 (6.2%)	3.23	.99
8.	Beban tugas bukan adademik menghalaing tumpuan guru untuk merancang pendekatan komunikatif	1 (1.5%)	10 (15.4%)	1 (1.5%)	40 (61.5%)	13 (20.0%)	3.83	.97
9.	Ujian sumatif dan formatif Bahasa Tamil tidak diberi tumpuan	3 (4.6%)	23 (35.4%)	4 (6.2%)	28 (43.1%)	7 (10.8%)	3.20	1.17
10.	Budaya pengajaran Bahasa berpusatkan guru	4 (6.2%)	33 (50.8%)	4 (6.2%)	22 (33.8%)	2 (3.1%)	2.76	1.08
Purata							3.61	1.03

Jadual 4.11 menunjukkan masalah dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Para responden bersetuju dengan enam item daripada sepuluh item tentang masalah dalam pengaplikasian perspektif komunikasi dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil. Nilai ($M = 3.61$, $SP = 1.03$).

Item keempat mewakili min tertinggi iaitu ($M = 4.09$, $SP = 1.05$). Item ini menyatakan bahan-bahan bantu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan sukar didapati. Daripada 65 orang, 30 orang responden mewakili 46.2% bersetuju, 26 orang (40.0%) sangat bersetuju, 7 orang (10.8%) tidak bersetuju manakala 2 orang (3.1%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Item yang menunjukkan nilai min kedua tertinggi ialah item keenam, iaitu aktiviti – aktiviti berkaitan Bahasa Tamil yang melibatkan komunikasi kurang mendapat perhatian diperingkat sekolah dan daerah. Daripada 65 responden, 38 daripadanya (58.5%) bersetuju, 17 orang (26.2%) sangat setuju, 8 orang (12.3%) tidak pasti manakala seorang (1.5%) sangat tidak setuju dan tidak setuju. Nilai min yang dicatatkan ialah 3.61 dan sisihan piawai 1.03.

Item kedua merupakan item min yang ketiga tertinggi, iaitu peruntukan masa dalam jadual waktu tidak memadai dengan tajuk-tajuk yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran. Dapatan data menunjukkan nilai ($M = 3.93$, $SP = 1.01$). Daripada jumlah responden, 33 responden (50.8%) bersetuju, 19 orang responden (29.2%) sangat setuju, 6 orang (9.2%) tidak setuju, 5 orang (7.7%) tidak pasti dan dua orang (3.1%) sangat tidak setuju.

Item dengan min terendah dicatatkan ialah item kesepuluh, iaitu budaya pengajaran bahasa masih menggunakan cara tradisional atau berpusatkan guru. Item ini menunjukkan nilai min terendah, iaitu ($M = 2.76$, $SP = 1.08$). Antara 33 orang responden (50.8%) tidak setuju, 22 orang (33.8%) bersetuju, hanya 4 orang (6.2%) sangat tidak setuju dan tidak pasti manakala dua orang (3.1%) sangat setuju dengan pernyataan ini.

Item kesembilan merupakan ujian sumatif dan formatif bahasa Tamil di sekolah kebangsaan tidak diberi tumpuan mencatatkan nilai min terendah yang

kedua. Nilai ($M = 3.20$, $SP = 1.17$). Daripada 65 responden, hanya 28 responden (43.1%) bersetuju, manakala 23 orang (35.4%) tidak setuju, 7 orang (10.8%) sangat setuju, 4 responden (6.2%) tidak pasti manakala tiga orang (4.6%) sangat tidak setuju.

Item ketiga terendah ialah item ketujuh, iaitu guru kurang memberi tumpuan terhadap soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses komunikasi Bahasa Tamil. Dapatan ini menunjukkan 27 responden (41.5%) bersetuju, 16 responden (24.6%) tidak setuju dan tidak pasti. Manakala 4 orang (6.2%) sangat setuju dan 2 orang (3.1%) sangat tidak setuju.

Secara rumusannya, didapati bahawa masalah dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam proses pendidikan kurikulum subjek BTSSK adalah pada paras yang tinggi ($M = 3.61$, $SP = 1.03$). Segala masalah merupakan pengajaran dan peluang kepada guru-guru dalam usaha menjayakan matlamat Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan adalah sejajar dengan pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dalam jangka panjang.

Soalan Kajian 5

Soalan Kajian 5: Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah dan memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan?

Jadual 4.12

Jenis masalah dalam pengajaran dan pembelajaran BTSSK

Kategori	Kekerapan (Jumlah)	Peratus
1. Tiada bilik khas dan persekitaran yang kondusif	13	20
2. Waktu pnp yang tidak mencukupi/kekangan masa	12	18
3. Sukatan pelajaran yang sukar & luas	9	14
4. Kekurangan bahan bantu mengajar	8	13

5. Ibu bapa tidak menggalakkan murid-murid BTKS berkomunikasi dalam Bahasa Tamil di rumah	7	11
6. Modul pnp seperti buku teks, buku aktiviti tidak bersesuaian mengikut kemampuan murid BTKS	6	9
7. Tiada kemudahan ICT	6	9
8. Kursus, latihan dan bengkel yang terhad untuk guru-guru BTKS	4	6

Rajah 4.12 di atas menunjukkan permasalahan yang sering dihadapi oleh guru-guru BTKS di Selangor. Daripada jumlah 65 guru-guru BTKS, seramai 13 orang guru iaitu sebanyak 20% menyatakan ketiadaan bilik khas pnp Bahasa Tamil dan persekitaran yang kondusif. Menurut S.Nathesan (2011) persekitaran yang kondusif memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak murid. Beliau menyatakan bahawa persekitaran tempat pembelajaran yang baik membantu murid-murid belajar dalam keadaan yang kondusif. Maka ilmu yang mereka terima akan membawa keberhasilan.

Seterusnya 18% guru iaitu sebanyak 12 orang mendapati waktu pengajaran dan pembelajaran BTKS tidak mencukupi dan memadai selaras dengan kurikulum pengajaran. Guru-guru BTKS menghadapi kekangan masa dalam menguruskan pnp harian mereka. Guru-guru BTKS menghadapi masalah ini kerana waktu mata pelajaran Bahasa Tamil yang diperuntukan pada masa sekarang hanyalah melibatkan beberapa waktu iaitu sebanyak 90 minit. Tempoh masa ini merupakan terlalu singkat dan guru-guru menghadapi kesukaran untuk melaksanakan Rancangan Pelajaran Pengajaran Harian mata pelajaran Bahasa Tamil secara menyeluruh.

Seterusnya 9 orang guru iaitu 14% menyatakan bahawa skop sukatan pelajaran Bahasa Tamil adalah luas dan sukar. Sukatan pelajaran ini sukar difahami

oleh murid, menyebabkan murid-murid kurang berminat untuk mempelajari dan mendalami subjek Bahasa Tamil sewaktu proses pengajaran. Menurut Shasitharan (2008) mendapati bahawa kandungan buku teks Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan lebih berbentuk petikan dan bukan dalam bentuk grafik.

Kekurangan bahan bantu mengajar merupakan permasalahan yang diutarakan oleh guru-guru BTSK di negeri Selangor iaitu sebanyak 13% iaitu 8 orang guru bersetuju dengan pendapat ini. Guru-guru BTSK menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bahan bantu mengajar yang efektif dan bersesuaian dengan murid Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Selaras dengan pendidikan abad ke-21, guru juga turut menyatakan mereka menghadapi kesuntukan masa dalam proses penyediaan bahan bantu mengajar kerana kekurangan sumber. Oleh itu guru-guru BTSK menghadapi kesukaran dalam mengendalikan pnp mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati seramai 7 orang iaitu sebanyak 11% bersetuju dengan menyatakan ibubapa tidak menggalakkan murid berkomunikasi dalam Bahasa Tamil di rumah. Ramai diantara murid-murid ini berasal dari keluarga yang berpendidikan tinggi dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di rumah. Oleh yang demikian murid-murid ini tidak fasih dalam bahasa ibunda mereka dan membantutkan proses dan objektif pengajaran BTSK. Mereka menghadapi permasalahan apabila berkomunikasi dengan murid dan guru sewaktu pnp dilaksanakan.

Oleh kerana sekolah tidak dapat menyediakan bilik yang khas untuk matapelajaran Bahasa Tamil maka guru-guru BTSK menghadapi kesukaran untuk menggunakan ICT. Tiada kemudahan LCD disediakan maka ini melemahkan motivasi guru BTSK dalam mengendalikan pnp harian mereka seramai 6 orang iaitu 9% bersetuju dengan pernyataan ini.

9% iaitu 6 orang bersetuju bahawa modul pnp seperti buku teks, buku aktiviti tidak bersesuaian mengikut kemampuan murid BTSK. Pengkaji bersetuju dengan pernyataan ini. Pengkaji mendapati bahawa penerbit tidak memberi tumpuan kepada mata pelajaran ini. Mereka tidak mengambil inisiatif untuk mengeluarkan model pnp yang bersesuaian dengan murid BTSK. Ini jelas terbukti apabila pengkaji melangkah ke kedai buku untuk membeli bahan atau modul untuk mata pelajaran BTSK gagal menemui bahan yang bersesuaian.

Sebanyak 4 orang guru BTSK iaitu sebanyak 6% menyatakan kursus, latihan dan bengkel yang terhad untuk guru-guru BTSK menjadi halangan dalam menjayakan objektif pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Tamil. Guru-guru BTSK kurang mendapat pendedahan tentang cara, teknik, pengaplikasian pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Tamil. Oleh itu guru-guru BTSK menghadapi kesukaran dalam pengendalian mata pelajaran Bahasa Tamil.

Jadual 4.13

Cara-Cara Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran BTSK

Kategori	Kekerapan (Jumlah)	Peratus
1. Keadaan bilik darjah dan persekitaran yang kondusif	15 12	23 19
2. Penambahan waktu pnp dan pembahagian masa yang cekap		
3. Sukatan Pelajaran yang lebih mementingkan PK	10	15
4. Penggunaan bahan pembelajaran yang efektif	9	14
5. Guru BTSK perlu menghadiri kursus yang lebih	7	11
6. Penggunaan ICT untuk menarik minat murid BTSK	6	9
7. Modul pnp yang mudah & menarik mengikut kesesuaian dan kemampuan murid	4	6
8. Guru memberikan ganjaran dan teguran positif kepada murid-murid	2	3

Guru-guru BTSK memberi cadangan untuk memperkasakan aktiviti pendidikan Bahasa Tamil di aliran kebangsaan. Daripada 65 orang guru seramai 15 orang iaitu 23% menyokong dengan keadaan bilik darjah yang kondusif. Menurut Fraser (1996) persekitaran merupakan penentu utama dalam pembelajaran pelajar. Keadaan persekitaran yang kondusif menjayakan objektif guru dalam rancangan harian mereka. Keupayaan ini dapat merangsang dan memotivasikan murid untuk belajar dan mengekalkan tumpuan serta minat belajar dalam bilik darjah.

Seterusnya sebanyak 19% yang terdiri daripada 12 orang guru BTSK menyatakan penambahan waktu pedagogi perlu dititikberatkan. Ini adalah kerana amalan dan prinsip pedagogi sesuatu bahasa perlukan jangka waktu yang panjang. Proses ini harus berterusan supaya murid mengingat suku kata dan mengaplikasikan dalam kehidupan harian mereka. Oleh yang demikian 90 minit yang diperuntukkan di sekolah merupakan suatu usaha yang tidak membawa kejayaan kepada pengenalan program ini. Ini tidak membawa keberkesanan yang efektif kepada murid-murid. Guru juga menjadi fasilitator dalam bilik darjah harus membahagikan masa pengajaran dengan cekap supaya memanfaatkan murid mereka. Menurut Nelson.I (1997) guru perlu bijak dan cekap dalam pengurusan masa supaya merangsang minat pembelajaran murid sekaligus mencapai matlamat pendidikan.

Namun sebanyak 10 orang guru-guru BTSK iaitu sebanyak 15% menyatakan sukatan pelajaran yang lebih mementingkan pendekatan komunikatif perlu di utamakan. Pendekatan komunikatif akan merangsangkan murid berkomunikasi dan dapat memupuk minat untuk mempelajari bahasa ibunda. Ini juga dinyatakan oleh Chew Fong Peng (2016), pertuturan dalam bahasa ibunda amat penting dalam mempelajari sesuatu bahasa. Murid menguasai bahasa itu apabila

mereka diberikan latihan dialog, lakonan, perbincangan kumpulan dan aktiviti komunikasi lain.

Sebanyak 9 orang guru yang menyokong penggunaan bahan pembelajaran yang efektif adalah sebanyak 14%. Alat bantu pengajaran adalah amat diperlukan bagi tenaga pendidik BTSK semasa menjalankan proses pendidikan Bahasa Tamil. Menurut Kamaruddin Hj Hussin (1989) alat mengajar adalah amat mustahak bagi warga pendidik dalam Pembelajaran Abad Ke-21 semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mereka. Melalui bahan bantu mengajar guru dapat mencapai objektif pembelajaran dan membawa keberkesanan kepada murid-murid BTSK.

Tambahan pula sebanyak 7 orang guru BTSK iaitu sebanyak 11% menyatakan mereka perlu menghadiri kursus dengan lebih kerap untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi. Adalah wajar bagi seorang guru untuk meningkatkan pengetahuan tentang cara, kaedah dan corak pengajaran dan pembelajaran yang efektif mengikut keperluan semasa. Oleh itu warga pendidik harus menghadiri kursus untuk meningkatkan pengetahuan ini supaya boleh mengaplikasikan dalam pnp mereka harian.

Pembelajaran abad ke-21 perlu mengaplikasikan penggunaan ICT untuk menarik minat murid dalam aktiviti pnp. Oleh itu sebanyak 9% yang merupakan sebanyak 6 orang guru bersetuju dengan kenyataan ini. Guru-guru BTSK mencadangkan bahawa pengajaran dan pembelajaran melalui ICT akan menarik minat dan mendorong murid mendalami subjek Bahasa Tamil. Menurut Abdul Jalil Othman (2013) penggunaan VLE-Frog berperanan penting dalam usaha mendidik anak murid di sekolah. Penggunaan VLE- Frog akan merangsangkan minat murid dalam mempelajari sesuatu bahasa. Oleh itu guru-guru harus digalakan menggunakan VLE-Frog supaya menarik tumpuan murid dalam mengendalikan pnp

mereka harian. Ini jelas terbukti bahawa penggunaan ICT memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa masa kini

Namun sebanyak 6% iaitu sebanyak 4 orang guru-guru BTSK bersetuju dengan pernyataan modul pnp yang mudah dan menarik mengikut kesesuaian dan kemampuan murid perlu diperkenalkan. Guru-guru BTSK mencadangkan aktiviti pnp yang mudah dan teknik penggunaan komunikatif harus digalakkan. Keadaan Ini akan meningkatkan tahap kebolehpercayaan dikalangan murid untuk berani berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan tepat

Sebanyak 2 orang guru iaitu sebanyak 3% menyatakan guru harus memberikan ganjaran dan teguran positif kepada murid-murid. Pendidikan abad ke-21 memerlukan guru-guru mendekati murid kepelbagaian pendekatan selaras dengan pnp “student centric”. Guru seharusnya memberikan pelbagai ganjaran seperti hadiah, pelekat, cop dan lain-lain untuk bergiat aktif dalam aktiviti pnp mereka. Melalui cara ini murid-murid cenderung melibatkan diri dan menonjolkan bakat mereka dalam aktiviti harian mereka. Ini dapat menjayakan pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran guru termasuk murid.

4.5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan melaksanakan pendekatan komunikatif secara teratur dan terancang seperti yang termaktub dalam kurikulum Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Guru-guru juga memiliki sifat positif inkuiri yang tinggi terhadap pendekatan komunikatif dan pelaksanaan dikalangan murid-murid sejajar dengan kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Guru-guru berpendapat latihan-latihan berterusan akan memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran

pendekatan komunikatif Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan selaras dengan kehendak dasar-dasar pendidikan terkini.

Universiti Malaya

BAB 5

DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

5.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan dan keputusan yang dinyatakan dalam bab 4. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai dapatan kajian mengikut kategori hasil kajian ini mengandungi lima perkara, iaitu i) ringkasan kajian, (ii) membincangkan keputusan kajian dengan membuat implikasi berdasarkan kajian lepas atau teori, (iii) membuat cadangan cara-cara mengatasi masalah dan memperkasakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keputusan kajian, (iv) membuat cadangan tentang kajian lanjutan dan v) membuat kesimpulan tentang perolehan kajian.

5.2. Perbincangan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini dijalankan sebagai satu usaha untuk menuntut dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mengenai pendekatan komunikatif dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil di kalangan guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan serta konteks pelaksanaan dan pemahaman dikalangan guru-guru. Objektif utama penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk meneliti pendekatan kepelbagaian pendekatan strategi, cabaran komunikatif mengikut pandangan para pendidik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Data seperti ini akan membantu pelbagai pihak termasuk “stake holders” pengajaran seperti sekolah, Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan untuk merancang pendidikan bahasa sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih 65 buah sekolah rendah kebangsaan yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar di

Negeri Selangor berdasarkan hakikat bahawa guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan akan menghadapi pelbagai cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) memandangkan mereka dari latarbelakang yang berbeza.

Secara terperinci, bab ini akan memperjelaskan kesimpulan analisis data yang telah dianalisis berdasarkan pemerolehan data untuk penyelidikan ini. Bab ini turut merangkumi hasil penyelidikan, perbincangan hasil penyelidikan, implikasi penyelidikan serta cadangan penyelidikan lanjutan. Segala data yang dikumpul, dianalisis dan ditafsir dengan menggunakan perisian SPSS Versi 21 akan dirumuskan dalam bab lima ini.

Rumusannya, kajian ini dilaksanakan bagi meninjau pendekatan komunikatif dalam proses pendidikan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Penyelidikan ini memilih 65 orang guru sebagai responden kajian untuk mendapatkan gambaran pelaksanaan pendekatan komunikatif. Soal selidik yang digunakan di kalangan responden adalah dengan menggunakan skala Likert.

5.2.1. Pemahaman guru terhadap pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Berdasarkan data penyelidikan, jelas menunjukkan bahawa guru-guru BTSK memiliki pemahaman dan pengetahuan asas terhadap pendekatan komunikatif, memahami tujuan pengaplikasian pendekatan komunikatif, keutamaan diberikan kepada kecekapan komunikasi murid, menitikberatkan kepada penggunaan bahasa, penekanan adalah berbentuk komunikasi dua hala, mengutamakan kelancaran bahasa dan pelaksanaan adalah selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran yang digariskan dalam panduan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kesimpulannya didapati bahawa tahap pengetahuan guru-guru BTKS mengikut jantina terhadap pendekatan komunikatif berada di tahap yang tinggi ($M = 3.9$, $SP = .43$) Dapatan data tersebut secara jelas menunjukkan bahawa para guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mengetahui dan memahami maksud, tujuan dan pelaksanaan pendekatan komunikatif. Hal ini penting untuk dikaji bagi memastikan para guru berada pada landasan yang tepat, selaras dengan matlamat dan objektif Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Guru-guru seharusnya berpegang kepada prinsip pendekatan komunikatif dalam pnp. Selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan pendidikan abad ke 21. (KPM, 1996). Hal ini disokong oleh kajian Abdul Salam Bin Mohd Ibrahim (2007) menjelaskan bahawa tahap komunikatif berada di tahap yang tinggi ($M = 4.02$, $SP = .35$)

Dapatan ini juga menunjukkan para guru memiliki penguasaan pada tahap yang maksima dari aspek pemahaman pendidikan komunikatif dalam bilik darjah. Hal ini sangat berbeza dengan pandangan dan rumusan kajian lalu oleh kajian Abdullah Sukor Shaari (2013) yang menyatakan kegagalan guru-guru Bahasa Melayu mengaplikasikan amalan dan pendekatan komunikatif ($M = 2.94$, $SP = 1.11$) berpunca daripada kegagalan guru-guru Bahasa Melayu memahami konsep dan tujuan pendekatan komunikatif dalam bilik darjah.

Walaupun bagaimanapun, data yang pengkaji perolehi dalam kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Irmayanti (2013) iaitu para pendidik memahami maksud dan tujuan pendekatan komunikatif dalam pnp di bilik darjah iaitu di tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai di tahap yang tinggi ($M = 3.95$, $SP = 1.03$). Perbezaan yang ketara ini adalah berpunca dari pendedahan yang terhad melibatkan guru-guru Bahasa Melayu, khususnya di luar bandar. Kajian

terhadap 120 responden guru rata-ratanya mendapati mereka memiliki kekuatan dari segi bahasa dan linguistik tetapi pendedahan terhadap amalan dan prinsip komunikatif adalah rendah. Mereka juga turut menyatakan sewaktu pendidikan Ijazah dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah pengajaran dan pembelajaran terhadap pendekatan komunikatif adalah terhad, memandangkan penekanan diutamakan terhadap aspek linguistik bahasa. Kekurangan bengkel dan seminar sewaktu dalam perkhidmatan juga adalah terhad, menggagalkan usaha mereka mendalami pengetahuan komunikatif dalam proses pendidikan Bahasa Melayu.

Tahap pengetahuan warga pendidik terhadap pengajaran Bahasa Tamil dilaksanakan dalam konteks wacana atau melebihi satu ayat dalam konteks pendekatan komunikatif berada pada paras rendah ($M = 3.60$, $SP = 1.05$) Walau bagaimanapun pengetahuan dan pengajaran dalam konteks wacana yang diperolehi dalam kajian ini adalah lebih baik berbanding dapatan dalam kajian Dick Allwright dan Bailey (1991). Keadaan ini menunjukkan peringkat ilmu pengetahuan warga pendidik terhadap penggunaan wacana adalah berada pada paras yang rendah. Walau bagaimanapun pengkaji seperti Seman Salleh (2005) juga ada menyentuh perkara yang sama dengan kajian konteks wacana pengkaji.

Pada dasarnya guru-guru kurang menekankan wacana pada konteks sosial antara penuntut dan kegagalan menganalisis konteks wacana selaras dengan amalan dan prinsip komunikatif. Guru-guru juga pada dasarnya memiliki pengetahuan untuk membezakan konteks wacana melibatkan linguistik dan bukan linguistik dalam amalan pendekatan komunikatif (Yahya Othman, 2005). Kegagalan guru menggunakan pendekatan yang pragmatik untuk mengukuhkan penggunaan wacana dalam pendekatan komunikatif membantutkan pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran komunikatif dalam bilik darjah.

Warga pendidik yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah harus fasih dan memiliki teknik yang mudah semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Cara yang mudah dapat menarik perhatian murid-murid. Oleh itu, setiap guru bahasa harus peka dengan penggunaan wacana. Ia dapat membantu sedikit sebanyak untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan.

Secara jelas kajian ini menunjukkan para pendidik Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memiliki tahap penguasaan yang mantap terhadap konteks pendekatan komunikatif. Pemahaman ini selaras dengan matlamat kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan yang digariskan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah sejak tahun 2011. Pengaplikasian pendekatan komunikatif akan bakal melahirkan pelajar yang holistik sejajar dengan pendidikan abad ke 21.

5.2.2. Pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil.

Dapatan kajian pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif dalam pnp bahasa Tamil berperanan penting dalam pelaksanaan dan pengaplikasian amalan komunikatif. Sumber amat berkait rapat dengan pengetahuan yang diperoleh oleh guru-guru dalam melaksanakan objektif dan prinsip-prinsip pengajaran yang berorientasikan komunikatif. Berdasarkan data yang dianalisis, jelas menunjukkan para responden bersetuju dan merumuskan bahawa pemerolehan sumber pengetahuan melalui pelbagai sumber bakal memperluaskan kepakaran guru tersebut.

Rata-ratanya guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan menyatakan pengalaman semasa mengajar, penggunaan maklumat dari internet dan bahan bacaan membantu menambahkan kemahiran pengajaran berada pada paras tertinggi (Min Purata = 4.13, SP purata = .65). Antaranya para guru sebagai responden kajian ini

telah menyatakan bahawa penguasaan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif mampu meningkatkan tahap pedagogi pengajaran mereka.

Melalui cara ini mereka juga dapat memahirkan tahap komunikasi bahasa di kalangan murid dan meningkatkan tahap keyakinan diri mereka. Dapatan ini juga membuktikan pengetahuan yang terperinci dan mendalam meningkatkan tahap komunikasi lisan di kalangan murid melalui sumber pengetahuan, guru telahpun mahir dalam menjayakan pelbagai aktiviti komunikatif. Hal ini juga menunjukkan para guru telah seiring dengan amalan membudayakan kaedah pendekatan komunikatif khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran BTSK.

Jelas sekali, data yang pengkaji peroleh dalam kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian M.Mojibur Rahman (2010), iaitu pengalaman semasa mengajar berperanan mustahak dalam pendekatan komunikatif dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Dapatan data yang diperoleh dalam kajian ini adalah tinggi iaitu ($M = 3.80$, $SP = .66$). Melalui pengalaman mengajar, guru-guru dapat menguasai kaedah-kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan pendekatan komunikatif. Selaras dengan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas guru-guru dapat mengadaptasi teknik komunikatif selaras dengan kehendak murid.

Pemerolehan sumber pengetahuan pendekatan komunikatif melalui pemantauan dan galakan dari pihak atasan berada pada paras sederhana ($M = 4.09$, $SP = .63$). Maka menerusi peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan sekolah, agensi-agensi kerajaan diperingkat pusat, negeri seperti Kementerian Pendidikan Malaysia aktiviti pemantauan di perluaskan dalam memastikan matlamat pendekatan komunikatif ini tercapai. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri sebanyak kerap menganjurkan latihan dalaman untuk guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan komunikatif.

Pemantauan dalam proses pengurusan bilik darjah di kalangan guru-guru BTKS akan meningkatkan tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan komunikatif. Pemantauan pengurusan bilik darjah perlu dilaksanakan dua hingga tiga kali dalam setahun melibatkan pihak sekolah dan jabatan pendidikan. Kerjasama pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan dapat memberikan input kepada guru-guru dalam merancang, mengelola, memimpin, mengarah dan mengawal pengajaran dan pembelajaran pendekatan komunikatif dengan lebih efektif. Pelaksanaan pendekatan komunikatif yang lebih tersusun dapat mewujudkan pengajaran yang baik dan menarik. Implikasi daripada pemantauan ini dapat memastikan guru-guru meningkatkan cara dan teknik penyampaian, menetapkan standard dan rutin pengajaran, termasuk mewujudkan perubahan persekitaran dalam pengajaran kaedah komunikatif dan penstrukturan semula situasi pengajaran dan pembelajaran.

Melalui penyeliaan dan pemantauan, pihak atasan dapat mengetahui situasi dalam bilik darjah, tingkah laku guru dan murid, hasil pembelajaran menggunakan pendekatan komunikatif. Segala penyeliaan dan pemantauan pembelajaran dan pengajaran harus dilaksanakan secara sistematik berlandaskan hubungan profesionalisme dengan guru dan bukannya menyalahkan serta mencari kesalahan mereka.

Pemerolehan sumber pengetahuan melalui bimbingan semasa menjalankan kursus berada pada paras rendah ($M = 4.07$, $SP = .62$). Bimbingan oleh rakan-rakan guru membantu guru-guru BTKS memahami amalan komunikatif kurang berkesan. Pengaji-Pengkaji lain seperti Ashinida Aladdin dan Atefeh Hadi (2012) turut menyentuh perkara yang sama dalam konteks bimbingan. Hal ini menunjukkan rata-ratanya bimbingan kurang mendapat sambutan di kalangan guru-guru yang

berkaliber dalam pengajaran berorientasikan komunikatif. Para guru dilihat lebih tertutup dalam proses penerimaan bimbingan kerana bilangan guru-guru yang mengajar menggunakan kaedah komunikatif adalah terhad. Bimbingan yang berterusan pada dasarnya dapat mengembangkan pendekatan komunikatif. Kajian-kajian seperti Teh Hong Siok (2014), Ashinida Aladdin (2012), Nor Fariza Mohd Nor (2009), Anggun Kirana Putri (2012) menunjukkan kekurangan bimbingan menjejaskan aktiviti komunikatif dalam melahirkan pnp berpusatkan murid. Mereka turut mencadangkan guru-guru harus mengamalkan sifat keterbukaan untuk dibimbingi dalam memperkasakan pnp dalam mencapai matlamat dan objektif pendekatan komunikatif.

5.2.3. Strategi pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil.

Hubungan antara penggunaan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru dengan murid berkomunikasi secara lisan dalam proses pnp adalah seperti berikut i) gender ii) lokasi iii) pengkhususan dan iv) pengalaman mengajar. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam perbezaan penggunaan strategi pedagogi dengan gender guru lelaki ($M = 3.99$, $SP = .43$) dengan guru perempuan ($M = 4.18$, $SP = .37$). Nilai min guru lelaki dan guru perempuan menunjukkan penggunaan strategi pedagogi yang tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Walaupun data markah purata guru perempuan berada pada paras yang tinggi sedikit berbanding dengan tenaga pengajar lelaki. Keadaan ini wujud sebab kesemua responden tenaga pendidik lelaki dan perempuan mengamalkan strategi pedagogi yang hampir sama dalam sesi pnp mereka. Oleh yang demikian hipotesis nul berbunyi tidak terdapat perbezaan penggunaan strategi pedagogi mengikut jantina

adalah diterima. Hasil kajian ini berlawanan dengan dapatan kajian Mohd Jaafar Bin Abdul Latif (2006) yang menunjukkan ada perbezaan yang signifikan mengikut gender iaitu guru lelaki ($M = 4.05$, $SP = .39$) dan perempuan ($M = 4.15$, $SP = .43$).

Ujian-t mendapati penggunaan strategi pedagogi guru mengikut lokasi responden di bandar berada pada paras tinggi ($M = 4.15$, $SP = .36$). Dapatan data tersebut jelas menunjukkan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mengikut lokasi memahami dan mengaplikasikan strategi pedagogi komunikasi. Kewajaran untuk mengkaji hal ini bagi memastikan para guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan berada pada landasan kontempori, selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mewujudkan tenaga pendidik yang bermutu selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (2013 – 2025). Hasil kajian ini juga menunjukkan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan bersedia untuk memahirkan strategi pedagogi dari sudut pendekatan komunikatif. Oleh yang demikian hipotesis nul berbunyi tidak terdapat perbezaan penggunaan strategi pedagogi mengikut lokasi adalah diterima. Hal ini seiring dengan kajian Normah Binti Idris (2004) yang menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan mengikut lokasi bandar berbanding dengan luar bandar.

Ujian-t juga menggambarkan tiada perbezaan yang signifikan antara guru dengan pengkhususan mengajar BTKS berbanding bukan opsyen walaupun markah guru bukan opsyen adalah lebih tinggi berbanding guru opsyen BTKS terhadap pnp BTKS. Oleh yang demikian hipotesis nul yang berbunyi “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pnp BTKS dengan penkhususan pengajaran guru” adalah diterima. Keadaan ini terjadi akibat para guru opsyen lebih cenderung kepada aspek pnp berformat kurikulum BTKS semata-mata yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada isi kandungan pelajaran. Keadaan dan situasi ini akan menjejaskan proses

memperketengahkan keterampilan guru dalam usaha melahirkan murid-murid yang memiliki kemahiran holistik selaras dengan kurikulum komunikatif.

Dapatan kajian oleh Teh Hong Siok (2014) menyatakan skor min guru opsyen yang mengajar Bahasa Cina di sekolah kebangsaan adalah lebih rendah berbanding dengan guru bukan opsyen yang didapati daripada Ujian-*t* yang dijalankan dalam kajian mereka. Jelas kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji.

Analisis ujian-*t* menunjukkan dari aspek pengalaman mengajar, tiada langsung perbezaan yang signifikan. Hal ini menunjukkan pengalaman mengajar guru bukanlah kayu ukur seseorang guru dalam proses pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran BTSS. Maka hipotesis nul yang berbunyi “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pendekatan komunikatif dengan pengalaman mengajar” adalah diterima. Hal ini kerana pengalaman tidak mempengaruhi seseorang guru, memandangkan guru tersebut dalam proses pengajaran akan memperolehi kepelbagaian ilmu dan pengetahuan untuk mengajar melalui latihan-latihan yang dikendalikan oleh guru pakar bahasa, nasihat dan bimbingan guru-guru BTSS dan melalui sistem mentoring. Guru-guru yang berpengalaman turut melalui proses yang hampir sama dalam meningkatkan kualiti pengajaran dari masa ke semasa.

Dapatan ini ternyata memiliki persamaan dengan kajian Chellamal Bagavathy (2005) yang mengkaji pengalaman dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Beliau menyatakan pengalaman mengajar untuk sesuatu tempoh masa dapat meningkatkan pnp bahasa seseorang guru. Sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran, guru tersebut seharusnya melahirkan dengan kepelbagaian kemahiran abad ke 21.

Kerangka teori pendekatan komunikatif memberikan gambaran bahawa penekanan harus ditumpukan kepada kelancaran, kecekapan dan kejituan. Melalui cara ini, ia akan merangsangkan kecekapan dan strategi komunikasi murid. Amalan dan praktik sebegini akan meningkatkan kemahiran dan pembentukan kemahiran murid.

Guru-guru dalam melaksanakan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran harus menimbulkan rangsangan melalui penyediaan sesuatu tugas secara lisan. Kejayaan dalam penyediaan sesuatu tugas memerlukan guru memiliki tahap pemahaman yang tinggi dari sudut konsep, pelaksanaan dan keutamaan pendekatan komunikatif. Hasil kajian pengkaji terhadap tahap pemahaman guru menunjukkan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan di Selangor memiliki tahap pemahaman yang tinggi. Pemahaman menyeluruh guru ini akan memastikan murid-murid melaksanakan tugas komunikatif dalam kelas secara efektif dan efisien. Memandangkan guru-guru memiliki tahap pengetahuan yang tinggi, maka guru dapat melaksanakan tugas-tugas seperti mendengar, perbincangan, pertandingan secara berpasangan atau berkumpul selaras dengan kehendak amalan komunikatif.

5.2.4. Persepsi guru terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Dari persepsi guru, hasil kajian rata-ratanya menunjukkan guru memainkan peranan sebagai pemudahcara, pembimbing, pemerhati dan pengurusan bilik darjah. Amalan ini sudah pasti akan memartabatkan sistem pendidikan negara selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Negara dan memperkasakan sistem pendidikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Pendekatan sebegini

meningkatkan daya imajinasi dan transformasi murid dengan mengaitkan segala pengalaman mereka sama ada secara berkumpulan atau berpasangan.

Penglibatan guru sebagai pemudahcara, membuka ruang kepada murid-murid menghasikan pendapat mereka secara kreatif dan Inovatif. Pada masa yang sama murid-murid berpeluang bertukar idea dan maklumat. Pelaksanaan pendekatan komunikatif jelas menunjukkan hubungan yang positif dari segi persepsi antara guru dan murid sekaligus mengukuhkan kerangka pelaksanaan pendekatan komunikatif.

Perancangan dan kemahiran dalam pelaksanaan kepelbagaian strategi dan teknik komunikatif akan mendorong murid-murid membentuk proses komunikatif dengan lebih berkesan. Rata-ratanya guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mengamalkan pelbagai permainan bahasa, teknik drama, pidato, aktiviti kumpulan seperti aktiviti ‘task based’ dan penyelesaian masalah yang sesuai dalam proses komunikasi. Melalui cara ini murid-murid akan melahirkan idea yang bernas, rasional dan kreatif. Penggunaan medium-medium komunikasi sebegini mengukuhkan lagi pencapaian teori pendekatan komunikatif. Objektif dan tujuan tercapai kerana murid-murid terlibat secara bebas dalam segala aktiviti perbincangan dengan ahli-ahli kumpulan dan sekaligus meningkatkan keyakinan diri. Guru-guru tanpa mengira lokasi dan jantina mengaplikasikan kepelbagaian teknik komunikatif dalam mencapai aspirasi pendekatan komunikatif.

Seterusnya murid-murid terlibat dalam penghayatan sendiri dengan mengemukakan segala penghasilan komunikatif mereka. Presentasi ini dilaksanakan di kalangan rakan-rakan secara kumpulan. Amalan sebegini akan meningkatkan tahap interaksi di kalangan murid-murid. Segala hasil presentasi mereka akan diserahkan untuk tujuan penilaian guru.

Dalam pelaksanaan penilaian, persepsi guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan memainkan peranan yang penting dengan mengamalkan kebebasan berkomunikasi dengan tidak mencari kesalahan murid dan menekankan kepada pencapaian murid dalam komunikasi dan bukannya penggunaan bahasa sama ada betul atau salah. Penilaian guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan adalah secara holistik melalui penilaian sendiri dan berkumpulan dalam memastikan mereka berucap dengan jelas berdasarkan kepada konteks perbincangan.

Jelas sekali hubungan kerangka teori dan hasil kajian menampakkan hubungan yang positif. Pengaplikasian pendidikan bercorak abad ke-21, bakal akan menjayakan pencapaian matlamat dan objektif komunikatif.

5.2.5. Masalah dalam pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil.

Masalah ketika pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pnp Bahasa Tamil di sekolah rendah, secara umumnya melibatkan guru-guru yang mengajar sewaktu pelaksanaan sesuatu polisi atau perubahan baharu dalam proses pendidikan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Masalah semestinya tidak dapat dielakkan dan boleh menjejaskan keberkesanan pendekatan komunikatif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. Begitu juga dalam aspek pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran BTSS di sekolah rendah.

Dapatan data yang dianalisis jelas menyenaraikan masalah –masalah yang dianalisis dan dikaji bagi mengatasinya daripada terus menyukarkan kelicinan pelaksanaan pendekatan komunikatif BTSS. Antara masalah yang disenaraikan adalah guru bahasa tidak berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan,

peruntukan masa dalam jadual tidak memadai, keadaan iklim atau persekitaran sekolah kurang kondusif, bahan bantu mengajar sukar didapati, kesukaran menyediakan aktiviti lisan, aktiviti berkaitan Bahasa Tamil kurang mendapat perhatian, kurang perhatian terhadap soalan kemahiran berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses komunikasi lisan, beban tugas bukan akademik, tiada tumpuan kepada ujian sumatif termasuk formatif dan budaya pengajaran bahasa masih menggunakan cara berpusatkan guru.

Masalah guru seperti kekurangan bahan-bahan bantu pengajaran dan pembelajaran BTSK sukar didapati merupakan item yang berada pada paras tertinggi ($M = 4.09$, $SP = 1.02$). Hal ini seiring dengan kajian Vikneshwary Manooaran (2012) turut menyenaraikan aspek kekurangan bahan bantu mengajar adalah ditahap tertinggi. Kekurangan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran dikaitkan dengan peruntukan kewangan yang terhad di peringkat sekolah, kekurangan pengetahuan, kepakaran dan daya kreativiti yang terhad di kalangan guru-guru dalam menghasilkan bahan bantu mengajar menjejaskan proses pedagogi (Rahimah Hj Ahmad, 2000).

